

Jilid I
Bil. 40



Hari Selasa
2hb Disember, 1986

MALAYSIA

PENYATA RASMI PARLIMEN

PARLIAMENTARY DEBATES

DEWAN RAKYAT

HOUSE OF REPRESENTATIVES

PARLIMEN KETUJUH

Seventh Parliament

PENGGAL PERTAMA

First Session

KANDUNGANNYA

JAWAPAN-JAWAPAN MULUT BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN
[Ruangan 5565]

RANG UNDANG-UNDANG RAHSIA RASMI (PINDAAN)—MENARIK
BALIK [Ruangan 5597]

RANG UNDANG-UNDANG DIBAWA KE DALAM MESYUARAT [Ruangan 5598]

RANG UNDANG-UNDANG:

Rang Undang-undang Perbekalan 1987

Jawatankuasa—

Jadual:

Maksud B.55 [Ruangan 5598]

Maksud B.56 [Ruangan 5617]

USUL:

Anggaran Pembangunan 1987

Jawatankuasa—

Maksud P.55 [Ruangan 5598]

Maksud P.56 [Ruangan 5617]



MALAYSIA

DEWAN RAKYAT YANG KETUJUH

Penyata Rasmi Parlimen

PENGGAL YANG PERTAMA

AHLI-AHLI DEWAN RAKYAT

- Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, **TAN SRI DATO' MOHAMED ZAHIR BIN HAJI ISMAIL**, P.M.N., S.P.M.K., D.S.D.K., J.M.N.
- Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan Menteri Dalam Negeri, **DATO' SERI DR MAHATHIR BIN MOHAMAD**, S.S.D.K., S.S.A.P., S.P.M.S., S.P.M.J., D.P., D.U.P.N., S.P.N.S., S.P.D.K., S.P.C.M., S.S.M.T., D.U.N.M., P.I.S. (Kubang Pasu).
- „ Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Pembangunan Negara dan Luar Bandar, **TUAN ABDUL GHAFAR BIN BABA** (Jasin).
- Yang Berhormat Menteri Pengangkutan, **DATO' DR LING LIONG SIK**, D.P.M.P. (Labis).
- „ Menteri Kerjaraya, **DATO' S. SAMY VELLU**, S.P.M.J., D.P.M.S., P.C.M., A.M.N. (Sungai Siput).
- „ Menteri Perusahaan Utama, **DATO' DR LIM KENG YAIK**, D.P.C.M. (Beruas).
- „ Menteri Penerangan, **Y.B.M. TENGKU DATO' AHMAD RITHAUDDEEN AL-HAJ BIN TENGKU ISMAIL**, S.P.M.P., S.S.A.P., P.M.K. (Kota Baharu).
- „ Menteri Perdagangan dan Perindustrian, **Y.B.M. TENGKU TAN SRI RAZALEIGH HAMZAH**, D.K., P.S.M., S.P.M.K., S.S.A.P., S.P.M.S. (Gua Musang).
- „ Menteri Tenaga, Telekom dan Pos, **DATUK LEO MOGGIE ANAK IROK**, P.N.B.S. (Kanowit).
- „ Menteri Perusahaan Awam, **DATIN PADUKA RAFIDAH AZIZ**, D.P.M.S., A.M.N. (Kuala Kangsar).
- „ Menteri Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah, **DATO' DR SULAIMAN BIN HAJI DAUD**, S.I.M.P., P.N.B.S., J.B.S. (Santubong).
- „ Menteri Pertanian, **DATUK SERI SANUSI BIN JUNID**, D.S.D.K., D.G.S.M., S.M.K. (Jerlun Langkawi).
- „ Menteri Pertahanan, **DATUK ABDULLAH BIN HAJI AHMAD BADAWI**, D.M.P.N., D.J.N., K.M.N. (Kepala Batas).
- „ Menteri Luar Negeri, **DATO' RAIS YATIM**, D.S.N.S. (Jelebu).
- „ Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, **DATUK AMAR STEPHEN YONG KUET TZE**, D.A., P.N.B.S. (Padawan).
- „ Menteri Kebajikan Masyarakat, **DATO SHAHRIR BIN ABDUL SAMAD**, D.P.M.J., P.I.S. (Johor Bahru).

Yang Berhormat Menteri Pelajaran, TUAN ANWAR BIN IBRAHIM (Permatang Pauh).

- .. Menteri Wilayah Persekutuan, DATO' ABU HASSAN BIN HAJI OMAR, D.P.M.S., S.M.T., P.I.S. (Kuala Selangor).
- .. Menteri Kewangan, TUAN DAIM ZAINUDDIN (Merbok).
- .. Menteri Kesihatan, DATO' CHAN SIANG SUN, S.I.M.P., D.I.M.P., J.S.M., A.M.N., P.J.K., J.P. (Bentung).
- .. Menteri Buruh, DATO' LEE KIM SAI, D.P.M.S., P.P.N. (Hulu Langat).
- .. Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, DATO' SERI HAJI MOHD. NAJIB BIN TUN HAJI ABDUL RAZAK (ORANG KAYA INDERA SHAHBANDAR), S.S.A.P., S.I.M.P., D.S.A.P. (Pekan).
- .. Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DATO' ABDUL AJIB BIN AHMAD, D.G.S.M., D.P.M.J., B.S.I. (Mersing).
- .. Menteri di Jabatan Perdana Menteri, TUAN KASITAH GADDAM (Kinabalu).
- .. Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, TUAN NG CHENG KIAT (Klang).
- .. Timbalan Yang di-Pertua, TUAN MOHAMED AMIN BIN HAJI DAUD, A.M.N., A.M.P. (Rompin).
- .. Timbalan Yang di-Pertua, TUAN D. P. VIJANDRAN (Kapar).
- .. Timbalan Menteri Kesihatan, DATO' K. PATHMANABAN, D.S.N.S., K.M.N. (Telok Kemang).
- .. Timbalan Menteri Pelajaran, TUAN HAJI BUJANG BIN HAJI ULIS (Simunjan).
- .. Timbalan Menteri Pertahanan, DATO' ABANG ABU BAKAR BIN DATU BANDAR ABANG HAJI MUSTAPHA, D.S.A.P., P.N.B.S., J.M.N. (Paloh).
- .. Timbalan Menteri Pertanian, TUAN LUHAT WAN (Baram).
- .. Timbalan Menteri Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah, TUAN MOHD. KASSIM BIN AHMED (Machang).
- .. Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, DATO' S. SUBRAMANIAM, D.S.N.S., S.M.J. (Segamat).
- .. Timbalan Menteri Pengangkutan, PUAN HAJAH RAHMAH BINTI OTHMAN, J.S.M., S.M.S., A.M.N., P.J.K. (Shah Alam).
- .. Timbalan Menteri Kewangan, DATO' HAJI SABBARUDDIN CHIK, D.S.A.P., S.M.S. (Temerluh).
- .. Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, PUAN NAPSIAH BINTI OMAR (Kuala Pilah).
- .. Timbalan Menteri Luar Negeri, DATO' ABDUL KADIR BIN HAJI SHEIKH FADZIR, D.S.D.K., A.M.K. (Kulim—Bandar Baharu).

- Yang Berhormat Timbalan Menteri Perusahaan Utama, DATO' RADZI BIN SHEIKH AHMAD, D.P.M.P. (Kangar).
- „ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DATO' Oo GIN SUN, D.S.D.K., S.D.K., A.M.K., J.P. (Alor Setar).
- „ Timbalan Menteri Tenaga, Telekom dan Pos, DATO' ZAINAL ABIDIN BIN ZIN, D.P.M.P., P.M.P. (Bagan Serai).
- „ Timbalan Menteri Dalam Negeri, DATO' MEGAT JUNID BIN MEGAT AYOB, D.P.C.M., A.M.P., A.M.K. (Pasir Salak).
- „ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DATO' DR MOHAMAD YUSOF BIN HAJI MOHAMED NOR, D.P.M.T., J.M.N., S.M.T., P.P.T. (Setiu).
- „ Timbalan Menteri Perusahaan Awam, TUAN HAJI DAUD BIN DATO' HAJI TAHA (Batu Pahat).
- „ Timbalan Menteri Pembangunan Negara dan Luar Bandar, TUAN NG CHENG KUAI, A.M.P. (Lumut).
- „ Timbalan Menteri Pembangunan Negara dan Luar Bandar, DATO' MOHD. TAJOL ROSLI BIN MOHD. GHAZALI, D.P.M.P., A.M.P. (Gerik).
- „ Timbalan Menteri Kerjaraya, TUAN MUSTAFFA BIN MOHAMMAD, S.M.J., K.M.N., P.I.S., B.S.I. (Sri Gading).
- „ Timbalan Menteri Pertanian, DATO' ALEXANDER YU LUNG LEE, D.P.M.P. (Batu).
- „ Timbalan Menteri Buruh, DATO' WAN ABU BAKAR BIN WAN MOHAMED, D.I.M.P. (Jerantut).
- „ Timbalan Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, TUAN WANG CHOON WING, A.M.N. (Lipis).
- „ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DR SITI ZAHARA BINTI HAJI SULAIMAN (Mentakab).
- „ Timbalan Menteri Perdagangan dan Perindustrian, DATO KOK WEE KIAT, A.M.N. (Selandar).
- „ Timbalan Menteri Pelajaran, TUAN WOON SEE CHIN, P.I.S., A.M.N. (Senai).
- „ Timbalan Menteri Buruh, TUAN KALAKAU UNTOL (Tuaran).
- „ Timbalan Menteri Kewangan, TUAN LOKE YUEN YOW, A.M.P. (Tanjong Malim).
- „ Timbalan Menteri Kerjaraya, TUAN OSU BIN HAJI SUKAM (Papar).
- „ Timbalan Menteri Penerangan, TUAN RAILEY BIN JAFFREY (Silam).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, TUAN LAW HIENG DING, K.M.N., P.B.S. (Sarikei).

- Yang Berhormat Setiausaha Parlimen Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan, TUAN HAJI AWANG BIN JABAR, S.M.T., A.M.N., P.J.K. (Dungun).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Penerangan, 'DATO' HAJI DUSUKI BIN HAJI AHMAD, D.I.M.P. (Tumpat).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah, DATIN PADUKA HAJJAH ZALEHA BINTI ISMAIL, D.P.M.S., S.M.S., K.M.N. (Selayang).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Pembangunan Negara dan Luar Bandar, TUAN ALIAS BIN MD. ALI, S.M.T., K.M.N., P.J.K. (Hulu Trengganu).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Kesihatan, CIK TENG GAIK KWAN (Rabu).
- „ Setiausaha Parlimen Jabatan Perdana Menteri, RAJA ARIFFIN BIN RAJA SULAIMAN (Baling).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Kebajikan Masyarakat, TUAN PETER CHIN FAH KUI (Lambir).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Tenaga, Telekom dan Pos, TUAN ONG TIN KIM (Teluk Intan).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Perdagangan dan Perindustrian, TUAN M. G. PANDITHAN (Taph).
- „ TUAN ABDOL MULOK AWANG DAMIT (Labuan).
- „ TUAN ABDUL GHANI BIN OTHMAN (Ledang).
- „ DR ABDUL HADI BIN DERANI, K.M.N., A.M.K. (Kota Setar).
- „ DATU ABDUL HAMID BIN TUN DATU HAJI MUSTAPHA (Limbawang).
- „ TUAN HAJI ABDUL MANAF BIN HAJI AHMAD, A.M.N., A.M.P., P.J.K. (Sungai Petani).
- „ TUAN ABDUL RAHMAN BIN BAKAR (Marang).
- „ TUAN ABDUL RAHMAN BIN SULAIMAN (Parit Buntar).
- „ TUAN HAJI ABDUL RAZAK BIN ABU SAMAH, D.S.M., A.M.N., P.J.K. (Lembah Pantai).
- „ DATUK PATINGGI HAJI ABDUL TAIB MAHMUD, D.P., D.A., S.P.M.J., P.G.D.K. (Samarahan).
- „ DATO' ABDULLAH AHMAD, S.J.M.K., D.P.M.K., P.N.B.S., A.D.K. (Kok Lanas).
- „ TUAN HAJI ABDULLAH BIN HAJI ARSHAD (Pengkalan Chepa).
- „ TOH MUDA DR ABDULLAH FADZIL BIN CHE WAN, P.C.M. (Bukit Gantang).
- „ TUAN ADAM BIN ABDUL KADIR (Kuantan).

- Yang Berhormat DATO' DR AFFIFUDIN BIN HAJI OMAR, D.S.D.K., J.S.M., K.M.N.,
B.C.K. (Padang Terap).
- „ TUAN AHMAD BIN OMAR, P.P.N. (Pagoh).
- „ TUAN ANDREW JANGGI MUYANG (Lubuk Antu).
- „ TUAN HAJI BASRI BIN BAJURI, K.M.N., P.J.K. (Kuala Langat).
- „ TUAN BERNARD GILUK DOMPOK (Penampang).
- „ DR CHEN MAN HIN (Seremban).
- „ TUAN CHEW KAM HOY, A.M.K., J.P. (Padang Serai).
- „ TUAN CHIAN HENG KAI (Bukit Mertajam).
- „ TUAN SAMSON CHIN CHEE TSU (Tawau).
- „ TUAN CHUA JUI MENG (Bakri).
- „ DR V. DAVID (Puchung).
- „ TUAN DOUGLAS UGGAH EMBAS, A.B.S., P.B.S. (Betong).
- „ DR ENG SENG CHAI (Petaling Jaya).
- „ TUAN FUNG KET WING (Sandakan).
- „ TUAN GERARD MATH LEE MIN, A.S.D.K. (Gaya).
- „ TUAN GHAZALI BIN AHMAD, A.M.N., P.C.K. (Jerai).
- „ DR GOH CHENG TEIK (Nibong Tebal).
- „ TUAN GOOI HOCK SENG (Bukit Bendera).
- „ TUAN HASHIM BIN SAFIN *alias* SHAFAIN, A.M.N. (Tanah Merah).
- „ TUAN HSING YIN SHEAN (Tanjong Aru).
- „ TUAN HAJI HUSSEIN BIN HAJI TAIB, P.P.N., P.J.K. (Sabak Bernam).
- „ TUAN HU SEPANG (Rasah).
- „ TUAN HAJI IBRAHIM BIN ALI (Pasir Mas).
- „ TUAN HAJI IBRAHIM AZMI BIN HASSAN (Kuala Nerus).
- „ TUAN ISMAIL *alias* MANSOR BIN SAID, S.M.T., A.M.N. (Kemaman).
- „ TUAN JIMBUN ANAK PUNGA *alias* JAMES JIMBUN ANAK PUNGA, P.B.S. (Kapit).
- „ TUAN JUSTINE ANAK TEMENGGONG JINGGUT (Ulu Rajang).
- „ TUAN KADOH AGUNDONG (Padas).
- „ DATO' HAJI KAMARUZAMAN BIN HAJI AHMAD, D.P.M.S., J.M.N., A.M.N., J.P. (Tanjung Karang).
- „ TUAN R. KARPAL SINGH (Jelutong).
- „ TUAN LAINUS ANAK ANDREW LUWAK (Serian).

Yang Berhormat TUAN LAU DAK KEE (Pasir Pinji).

- .. TUAN LAW LAI HENG *alias* GOH LAI HENG, P.I.S., B.S.I., K.M.N., A.M.N. (Pontian).
- .. TUAN LEE LAM THYE (Bukit Bintang).
- .. DR LEO MICHAEL TOYAD (Mukah).
- .. DATO' PAUL LEONG KHEE SEONG, D.P.C.M. (Taiping).
- .. TUAN LIEW AH KIM (Seputeh).
- .. DR LIM ANN KOON, S.S.A., P.J.K. (Ampang Jaya).
- .. TUAN LIM GUAN ENG (Kota Melaka).
- .. TUAN LIM KIT SIANG (Tanjong).
- .. PUAN LING CHOOI SIENG (Kluang).
- .. TUAN MADATANG BIN MOREJAL (Bandau).
- .. TUAN MAIDOM BIN PANSAI *alias* PAUL PANSAI (Kota Belud).
- .. TUAN METAH BIN ASANG *alias* MICHAEL ASANG, B.S.K. (Jambongan).
- .. TUAN MOHAMAD BIN ABDULLAH, P.J.K. (Maran).
- .. DATO' HAJI MOHAMED BIN HAJI ALI, D.J.M.K., K.M.N., A.M.N., P.B. (Nilam Puri).
- .. TUAN MOHAMED BIN HAJI ISA, A.M.N., P.S. (Kuala Kerai).
- .. TUAN MOHAMED BIN JAMRAH, A.M.P., P.P.T. (Bagan Datok).
- .. DATO' MOHAMED BIN RAHMAT, S.P.M.J., S.S.I.J., P.N.B.S., K.M.N. (Pulai).
- .. TUAN MOHAMED SAM BIN HAJI SAILAN, A.M.N., P.I.S., B.S.I. (Muar).
- .. TUAN MOHAMED TAWFIK BIN TUN DR ISMAIL (Sungai Benut).
- .. TUAN HAJI MOHAMED BIN YAACOB (Rantau Panjang).
- .. DATO' HAJI MOHAMMAD ABU BAKAR BIN RAUTIN IBRAHIM, D.S.D.K., K.M.N. (Kuala Kedah).
- .. TUAN MOHAMMAD SUBKY BIN HAJI ABDUL RAOF, A.M.N., P.J.M. (Balik Pulau).
- .. TUAN MOHAMMED YUSOFF BIN ABDUL LATIFF, J.P. (Tasek Gelugor).
- .. DATUK SERI HAJI MOHD. ADIB BIN HAJI MOHD. ADAM, D.G.S.M. (Alor Gajah).
- .. TUAN HAJI MOHD. KHALID BIN MOHD. YUNUS (Jempol).
- .. TUAN MOHD. NOH BIN RAJAB (Tampin).
- .. TUAN MOHD. SHARIF BIN JAJANG, A.M.N., P.J.K. (Sepang).

- Yang Berhormat TUAN MOHD. TAMRIN BIN ABDUL GHAFAR (Batu Berendam).
- „ TUAN HAJI MOHD. ZAIN BIN ABDULLAH, S.M.K. (Bachok).
- „ TUAN MOHD. ZIHIN BIN MOHD. HASSAN (Larut).
- „ DATO' MUSA BIN HITAM, S.P.M.J., S.S.I.J., S.P.M.S., D.U.N.M., S.P.N.S. (Kota Tinggi).
- „ TUAN MUTANG TAGAL (Bukit Mas).
- „ TUAN NASRUDDIN BIN ALANG SAIDIN (Parit).
- „ TUAN NGOI THIAM WOH (Kampar).
- „ DR NICHOLAS MUNONG IBAU (Rajang).
- „ TUAN NURNIKMAN BIN ABDULLAH (Kimanis).
- „ TUAN JOE OJIHI SUPIRING (Marudu).
- „ TUAN OTHMAN BIN ABDUL (Pendang).
- „ DATUK JOSEPH PAIRIN KITINGAN (Keningau).
- „ DR PATAU RUBIS, P.B.S. (Mas Gading).
- „ TUAN P. PATTO (Ipoh).
- „ TUAN PETER PAUL DASON (Bayan Baru).
- „ DATUK PETER TINGGOM ANAK KAMARAU, P.N.B.S., P.C., K.M.N., A.M.N. (Saratok).
- „ TUAN PITTING BIN HAJI MOHD. ALI (Kinabatangan).
- „ DATO' HAJI SAIDIN BIN HAJI MAT PIAH, D.P.M.P., P.M.P., A.M.N., P.J.K. (Tasik Chenderoh).
- „ DATUK HAJI SAKARAN BIN DANDAI, S.P.D.K., J.P. (Semporna).
- „ TUAN SHAHIDAN BIN KASSIM, A.M.P. (Arau).
- „ PUAN HAJJAH SHARIFFAH DORAH BINTI DATO' SYED MOHAMMED, S.M.J., A.M.N., P.I.S., B.S.I. (Parit Sulong).
- „ TUAN SIM KWANG YANG (Bandar Kuching).
- „ TUAN S. S. SUBRAMANIAM, P.J.K., A.M.S. (Hulu Selangor).
- „ DR SULEIMAN BIN MOHAMED (Titiwangsa).
- „ TUAN TAIMAN BIN LUMAING (Pensiangan).
- „ DATUK DANIEL TAJEM ANAK MIRI (Batang Lupar).
- „ TUAN TAN KOK WAI (Sungai Besi).
- „ TUAN TAN KOON SWAN (Gopeng).
- „ DR TAN SENG GIAW (Kepong).
- „ TUAN TEOH TEIK HUAT (Bagan).
- „ TUAN THOMAS SALANG SIDEN (Julau).
- „ TUAN TIEU SUNG SENG *alias* TIU SIING SENG (Sibu).

- Yang Berhormat TUAN TING CHEK MING (Batu Gajah).
- „ TUAN TING LING KIEW (Bintulu).
- „ TUAN HAJI WAN OMAR BIN WAN MAJID, S.M.K., P.P.N. (Pasir Puteh).
- „ TUAN YAHAYA BIN MOHD. SHAFIE (Tambun).
- „ PUAN ZAINABON *alias* ZAINAB BINTI ABU BAKAR (Tebrau).
- „ DATO' ZAINAL ABIDIN BIN JOHARI, D.S.D.K., K.M.N., P.P.N., B.K.M., P.J.K., J.P. (Sik).
- „ DATO' HAJI ZAKARIA BIN HAJI ABDUL RAHMAN, D.P.M.T., K.M.N., P.J.K. (Besut).
- „ TUAN ZUBIR BIN EMBONG (Kuala Terengganu).

DEWAN RAKYAT

PEGAWAI-PEGAWAI KANAN

Setiausaha Dewan Rakyat: Datuk Azizul Rahman bin Abdul Aziz,
D.P.M.P., J.M.N., S.M.P., P.P.T.

Ketua Penolong Setiausaha: Haji Mohd. Salleh bin Abu Bakar.

Penolong Setiausaha: Ghazali bin Haji Abdul Hamid, A.M.N.

Penolong Setiausaha: Abdullah bin Abdul Wahab.

BAHAGIAN PENYATA RASMI PARLIMEN

Ketua Penyunting: Yahya Manap.

Penyunting Kanan: P. B. Menon.

Penyunting Kanan: Haji Osman bin Sidik.

Penolong Penyunting: N. Ramaswamy.

Penolong Penyunting: Amran bin Ahmad.

Pelapor Perbahasan Parlimen:

Haji Abdul Rahman bin Haji Abu Samah.

Suhor bin Husin.

Mohd. Saleh bin Mohd. Yusof.

Hajjah Juliah binti Awam.

Supiah binti Dewak.

Ismail bin Hassan.

Shamsiah binti Mohd. Yusof.

Hajjah Kalsom binti Ghazali.

Mohamed bin Osman.

Norishah binti Mohd. Thani.

Zaharah binti Naim.

BENTARA MESYUARAT

Mejar (B) Mohd. Kassim bin Hashim

MALAYSIA
DEWAN RAKYAT

Selasa, 2hb Disember, 1986

Mesyuarat dimulakan pada pukul 2.30 petang

DOA

(Timbalan Yang di-Pertua *mem-
pengerusikan Mesyuarat*)

**JAWAPAN-JAWAPAN
MULUT BAGI
PERTANYAAN-
PERTANYAAN**

**RUMAH KOS RENDAH—
PEMBELIAN**

1. **Toh Muda Dr Abdullah Fadzil bin Che Wan** minta Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan menyatakan sama ada pihak Kementerian sedar atau tidak bahawasanya program Kerajaan untuk menggalakkan pembinaan rumah-rumah kos rendah tidak mendapat sokongan ataupun sambutan pihak-pihak bank perdagangan dari segi memberi pinjaman kepada pembeli dan pemaju-pemaju perumahan yang berkenaan. Mengapakah tidak dicadangkan supaya Kementerian mewujudkan Pasukan Petugas Khas untuk mengatasi sebarang masalah yang dihadapi oleh pihak pembeli dan juga pemaju-pemaju perumahan yang terlibat dengan pembelian rumah-rumah kos rendah.

Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan (Dato' S. Subramaniam): Tuan Yang di-Pertua, dari maklumbalas yang diterima, adalah didapati bahawa bank-bank perdagangan dan syarikat-syarikat kewangan memberi sokongan terhadap langkah Kerajaan untuk

menggalakkan pemaju-pemaju perumahan membina rumah-rumah kos rendah di bawah Program Khas Perumahan Kos Rendah.

Untuk kemudahan pemaju-pemaju perumahan, Persatuan Bank-bank Dalam Malaysia telah mengeluarkan satu garis panduan mengenai prosedur untuk memohon pinjaman untuk pembinaan rumah, dengan izin, bridging finance dan pinjaman untuk pembelian rumah secara kumpulan, dengan izin, group end finance. Garispanduan itu, di antara lain, menetapkan nama-nama pegawai bank yang boleh dihubungi mengenai permohonan bagi pinjaman-pinjaman tersebut. Sementara itu, mengenai pinjaman untuk pembelian rumah atau end finance, dengan izin, Persatuan Bank-bank Dalam Malaysia, Persatuan Syarikat-syarikat Kewangan dan Persatuan Pemaju Perumahan Malaysia bersama-sama telah mengeluarkan garis panduan mengenai syarat-syarat skim pinjaman khas untuk rumah kos rendah. Di antara lain, garis panduan tersebut menetapkan bahawa tiap-tiap permohonan yang ditolak dan sebab-sebab penolakannya perlu diberitahu kepada Biro Pusat di Bank Negara Malaysia.

Satu Pasukan Petugas Khas tidak perlu diadakan di Kementerian saya untuk mengatasi masalah yang dihadapi oleh pemaju-pemaju perumahan dan pembeli-pembeli rumah untuk mendapatkan pinjaman perumahan. Ini adalah kerana satu Jawatankuasa Tetap yang terdiri dari wakil-wakil Bank Negara, Persatuan

Pemaju Perumahan Malaysia, Persatuan Bank-bank di dalam Malaysia dan Persatuan syarikat-syarikat Kewangan di Malaysia telah pun ditubuhkan. Tujuan Jawatankuasa ini ialah untuk menyelesaikan masalah-masalah pembiayaan yang dihadapi oleh pembeli-pembeli serta pemaju-pemaju yang terlibat di bawah Program Khas Perumahan Kos Rendah. Jawatankuasa ini diurusetiaikan oleh Bank Negara.

Toh Muda Dr Abdullah Fadzil bin Che Wan: Tuan Yang di-Pertua, saya ada dua soalan. Yang pertamanya, dapatkah Yang Berhormat Timbalan Menteri menyatakan angka-angka, berapa banyakkah yang telah diberikan pinjaman kepada pemaju-pemaju perumahan dan berapa pula yang tertolak?

Keduanya, juga berkenaan dengan skim pinjaman khas ini, dapatkah Yang Berhormat Timbalan Menteri memberitahu Dewan yang mulia ini jumlah yang telah memohon dan jumlah yang telah mendapat pinjaman dan jumlah yang ditolak?

Dato' S. Subramaniam: Tuan Yang di-Pertua, jumlah yang memohon dan yang diberi kelulusan atau ditolak adalah maklumat yang disimpan oleh Bank Negara. Walau bagaimanapun, kalau diberi notis, saya akan memberi butir-butir tentang jumlah unit yang telah diluluskan dan jumlah unit yang telah ditolak. Walau bagaimanapun, secara umum Bank Negara telah menerima beberapa aduan dari pemaju-pemaju perumahan mengenai kesukaran mendapat pinjaman dan kes-kes telah dikaji oleh Bank Negara atau Jawatankuasa yang telah saya sebutkan tadi dan cuma terdapat sebanyak enam aduan yang mempunyai asas yang perlu dikaji oleh Jawatankuasa tersebut di Bank Negara.

Tuan Mohd. Tamrin bin Abdul Ghafar: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Di dalam jawapan sebentar tadi, Yang Berhormat Timbalan Menteri mengatakan bahawa tiada masalah bagi bank-bank untuk memberi pinjaman kepada sama ada pemaju atau pembeli rumah. Tetapi mengikut apa yang kita dapati bahawa ada terdapat bank-bank yang memilih kawasan-kawasan tertentu yang dikategorikan kawasan hitam, kawasan kelabu dan kawasan hijau umpamanya, di mana jika sekiranya pada pandangan bank kawasan itu adalah kawasan hitam, maka ianya tidak akan diberi layanan yang sepenuhnya untuk pinjaman kepada pembeli-pembeli.

Keduanya, masalah yang dihadapi oleh mereka yang berpendapatan gaji rendah, di mana sekiranya seseorang itu mendapat gaji lebih kurang \$300-\$500, bank hanya memberi pinjaman $\frac{1}{3}$ daripada pendapatan yang didapati tiap-tiap bulan. Untuk membayar balik pinjaman ini amat menyusahkan sehinggakan ramai di antara mereka yang berpendapatan rendah tidak mendapat pinjaman yang diperlukan untuk membeli rumah-rumah ini. Apakah tindakan Kerajaan untuk menentukan supaya mereka yang berpendapatan rendah ini, selain daripada dapat membeli rumah-rumah yang disediakan oleh Kerajaan, tetapi juga yang disediakan oleh swasta untuk dibeli oleh mereka yang berpendapatan sepertimana yang saya sebutkan tadi?

Dato' S. Subramaniam: Tuan Yang di-Pertua, sukalah saya jelaskan bahawa dalam jawapan saya tadi saya tidak sebut pemaju-pemaju dan pembeli-pembeli tidak ada masalah untuk mendapat pinjaman.

Sebaliknya saya menjelaskan bahawa bank-bank dan institusi-institusi kewangan memberi sokongan terhadap langkah Kerajaan untuk

menggalakkan pembinaan rumah-rumah kos rendah. Saya juga sedar bahawa ada beberapa masalah yang wujud dan oleh kerana itu sebuah jawatankuasa telah ditubuhkan yang dianggotai oleh wakil-wakil Bank Negara, Persatuan Pemaju Perumahan Malaysia, Persatuan Bank-bank di Malaysia dan Persatuan Syarikat-syarikat Kewangan di Malaysia dan tujuan menubuhkan jawatankuasa ialah untuk menyelesaikan masalah-masalah yang ada.

Mengenai masalah kawasan yang dipilih oleh bank-bank seperti disebutkan oleh Ahli Yang Berhormat, Kementerian saya tidak sedar bahawa bank-bank memilih kawasan-kawasan tertentu sebagai kawasan yang wajar untuk dibantu atau kawasan yang tidak perlu digalak. Apa yang kita mengetahui ialah bank-bank mempunyai "clients" yang ada "credibility" yang baik dan pemohon-pemohon yang tidak mempunyai "credibility" yang baik. Walau bagaimanapun jika Ahli Yang Berhormat mempunyai masalah-masalah yang tertentu, bolehlah dikemukakan kepada Kementerian supaya kita menghubungi dengan Bank Negara supaya perkara ini mendapat perhatian. Tentang pembeli-pembeli rumah kos rendah daripada golongan berpendapatan rendah, memang benar bahawa ramai orang-orang yang berpendapatan rendah telah mengadu kepada Kementerian bahawa mereka menghadapi masalah untuk mendapat pinjaman oleh kerana bank cuma boleh memberi pinjaman yang paling tinggi sekali adalah cuma satu pertiga daripada jumlah gaji.

Untuk mengatasi masalah ini, Bank Negara telah memutuskan supaya meminta bank-bank dalam Malaysia untuk memberi pinjaman atas permohonan bersama atau, dengan izin, "joint application" bukan sahaja orang individu tetapi mereka yang

terdekat dalam keluarga boleh bersama-sama memohon bagi pinjaman. Ini adalah perlu dikekalkan oleh kerana kalau tidak pinjaman itu tidak dapat dibayar balik nanti.

Tuan Sim Kwang Yang: Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua. Adakah peraturan-peraturan masih wujud di mana bank-bank dan institusi-institusi kewangan tidak dibenarkan oleh pihak Kerajaan untuk mengenakan faedah yang melebihi 10% ke atas pinjaman untuk membeli rumah-rumah yang berharga kurang daripada \$100,000. Kalau jawapannya tidak, iaitu peraturan ini tidak lagi dipakai, adakah ini keadaan yang menjejaskan kemampuan membeli-pembeli untuk membeli rumah-rumah tertentu itu maka perindustrian binaan rumah juga terjejas?

Dato' S. Subramaniam: Tuan Yang di-Pertua, garis panduan telah pun dikeluarkan oleh Bank Negara dan keputusan ini sedang dikuatkuasakan iaitu rumah-rumah yang berharga kurang daripada \$60,000 dikenakan kadar faedah 10% dan rumah-rumah yang berharga daripada \$60,000 hingga \$100,000 dikenakan kadar faedah sebanyak 11%. Ini adalah keputusan dan sedang dikuatkuasakan.

PEMBELAJARAN MENGENAI PERLEMBAGAAN MALAYSIA

1. **Tuan Hu Sepang** minta Menteri Pelajaran menyatakan supaya dapat memupuk perpaduan dan kesedaran negara di kalangan pemuda-pemudi Malaysia, sama ada Kerajaan berhasrat memasukkan pengajaran Perlembagaan Malaysia ke dalam sistem persekolahan menengah dalam masa akan datang.

Timbalan Menteri Pelajaran (Tuan Woon See Chin): Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pada masa sekarang

pengajaran mengenai Perlembagaan Negara Malaysia memang ada dimasukkan di dalam Kurikulum Sekolah Menengah iaitu melalui matapelajaran Sejarah dan Sivik. Dalam rancangan Kurikulum Baru Sekolah Menengah (KBSM) yang akan dilaksanakan nanti, pengajaran dan pembelajaran mengenai Perlembagaan Negara akan terus diberi penekanan melalui matapelajaran Pendidikan Kewarganegaraan dan Sejarah.

Dr Eng Seng Chai: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Adakah cadangan dari Kementerian Pelajaran untuk mengadakan kursus latihan Perlembagaan Malaysia dalam semua latihan guru-guru yang baru memandangkan sudah kita dapati beberapa kali adanya guru-guru yang mencetuskan masalah perkauman dan keagamaan dalam sekolah-sekolah.

Tuan Woon See Chin: Tuan Yang di-Pertua, dalam tiap-tiap matapelajaran yang akan diajar di sekolah, Kementerian Pelajaran akan memberi latihan kepada guru-guru untuk mengajar matapelajaran itu.

Tuan Zubir bin Embong: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Sebagaimana yang diterangkan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri sebentar tadi bahawa matapelajaran Sejarah adalah merupakan mata pelajaran penting di dalam memupuk perpaduan dan juga kesedaran negara. Sebagaimana yang telah disuarakan oleh kalangan akademik yang menyatakan bahawa pelajaran Sejarah yang sekarang ini diajar kepada pelajar-pelajar dan juga di peringkat universiti ada mengandungi beberapa fakta yang boleh mematikan semangat cintakan kepada negara dan juga suatu fakta yang "misleading", dengan izin. Jadi, tidakkah Kementerian Yang Berhormat berhasrat untuk menulis kembali Sejarah yang diajarkan di sekolah-sekolah ini daripada pandangan atau kaca-mata Malaysia?

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Mohamed Amin bin Haji Daud): Saya rasa soalan ini mengenai Perlembagaan dan bukan Sejarah; jadi terkeluar.

Tuan Haji Ibrahim bin Ali: Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua. Apakah Yang Berhormat Timbalan Menteri sedar bahawa pengajaran Perlembagaan Malaysia melalui ko-kurikulum yang dimasukkan melalui pelajaran Sivik ataupun cadangan dalam KBSM itu tidak mencukupi untuk melatih dan memberi kesedaran kepada pelajar-pelajar ataupun pemuda-pemudi Malaysia. Saya menyambut baik soalan asal daripada Yang Berhormat dari Rasah, kerana kita tahu ada golongan-golongan yang sentiasa mengganggu-gugat Perlembagaan negara kita. Ada juga yang mencabar Perlembagaan, Artikel 153. Jadi, saya percaya cadangan ini adalah satu cadangan baik untuk mendisiplinkan bukan sahaja di kalangan pemuda-pemudi.....

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Mohamed Amin bin Haji Daud): Yang Berhormat jangan buat ucapan.

Tuan Haji Ibrahim bin Ali: Jadi soalnya, Tuan Yang di-Pertua, apakah Kementerian Pelajaran bercadang dengan tegas untuk melaksanakan satu matapelajaran Perlembagaan Malaysia yang khusus untuk mendisiplinkan pelajar-pelajar pada masa yang akan datang macam di England?

Tuan Woon See Chin: Tuan Yang di-Pertua, berkaitan dengan Pendidikan Kewarganegaraan, unsur-unsur penting dalam Perlembagaan khususnya Artikel-artikel yang berkaitan dengan kehidupan kewarganegaraan akan diajar seperti sistem pemerintahan dan pentadbiran, sistem perundangan dan dasar-dasar negara. Ini semua adalah faktor-faktor yang penting untuk mengerat dan menyatu-padukan semua kaum.

Tuan Abdul Rahman bin Bakar: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Bilakah matapelajaran Pendidikan Kewarganegaraan yang mengandungi pengajaran Perlembagaan Malaysia akan dilaksanakan?

Kedua, memandangkan pengajaran Perlembagaan Malaysia agak payah sedikit, maka pada peringkat manakah atau Tingkatan berapakah pengajaran Perlembagaan Malaysia akan diperkenalkan?

Ketiga, adakah.....

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Mohamed Amin bin Haji Daud): Cukuplah dua soalan, Yang Berhormat—dua sahaja. Yang kedua, boleh jawab; yang pertama "out of context".

Tuan Woo See Chin: (Bangun)

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Mohamed Amin bin Haji Daud): Yang Berhormat Timbalan Menteri ingatkah soalnya?

Tuan Woon See Chin: Tuan Yang di-Pertua, saya minta Yang Berhormat ulang soalnya sekali lagi.

Tuan Abdul Rahman bin Bakar: Soalan pertama, saya rasa ada berkaitan dan saya ulang lagi sekali. Bilakah matapelajaran Pendidikan Kewarganegaraan yang mengandungi pengajaran Perlembagaan Malaysia akan dilaksanakan? Kedua, memandangkan pengajaran Perlembagaan Malaysia agak payah sedikit, maka pada peringkat manakah atau Tingkatan berapakah pengajaran Perlembagaan Malaysia akan diperkenalkan?

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Mohamed Amin bin Haji Daud): Soalan pertama terkeluar, yang kedua sahaja jawab.

Tuan Woon See Chin: Tuan Yang di-Pertua, nasib tidak baik sedikit, sebab saya ada jawapan kepada soalan pertama sahaja. (*Ketawa*)

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Mohamed Amin bin Haji Daud): Menjawab juga boleh dibenarkan.

Tuan Woon See Chin: Tuan Yang di-Pertua, Pendidikan Perlembagaan yang akan dijadikan satu topik pelajaran khususnya dari segi sejarah perkembangan dan pembinaan negara dan bangsa, akan dijalankan apabila kita memulakan KBSM iaitu pada tahun 1988. Berkaitan dengan soalan kedua, di sini saya minta maaf, saya tidak tahu di peringkat mana ia akan mula, tetapi mengikut amalan dahulu kita selalu mengadakannya pada Tingkatan Tiga, Empat dan Lima.

DUBBING KE BAHASA MALAYSIA FILEM YANG DIIMPORT

3. **Tuan Haji Ibrahim bin Ali** minta Menteri Penerangan menyatakan apakah Yang Berhormat Menteri Penerangan bercadang supaya rancangan TV dan Radio dialihbahasakan ke Bahasa Malaysia sepenuhnya seperti filem-filem yang diimport, sebagai usaha mendaulatkan Bahasa Melayu sebagai Bahasa Kebangsaan dan mempercepatkan ke arah integrasi nasional. Apakah Yang Berhormat Menteri sedar bahawa cara ini akan membiasakan seluruh rakyat negara ini mempelajari Bahasa Kebangsaan setiap hari, sebagaimana dilakukan oleh kebanyakan negara dalam usaha negara tersebut mendaulatkan Bahasa Kebangsaan negara mereka.

Timbalan Menteri Penerangan (Tuan Railey bin Jaffrey): Tuan Yang di-Pertua, aktiviti dubbing (mengalihsuara) ke Bahasa Malaysia filem-filem yang diimport, telah dilaksanakan oleh TV Malaysia sejak

mula ditubuhkan pada tahun 1963. Filem-filem yang paling sesuai untuk dialihsuarakan ke Bahasa Malaysia ialah filem-filem yang berbentuk dokumentari dan yang bahasa asalnya lain daripada Bahasa Inggeris. Filem-filem drama khususnya jenis komedi, tidak begitu berjaya dialihsuarakan kerana banyak keaslian dan kekuatan permainan bahasanya akan hilang. Kajian reaksi penonton juga menunjukkan mereka lebih suka filem-filem Bahasa Inggeris disiarkan dalam bahasa asalnya dengan sarikata Bahasa Malaysia. Ini juga dapat memperbaiki lagi kebolehan mereka mengubahsuai Bahasa Inggeris.

Walau bagaimanapun, RTM sentiasa berusaha untuk mengalihsuarakan filem-filem yang sesuai ke Bahasa Malaysia supaya jumlah siaran dalam Bahasa Malaysia melalui RTM, Rangkaian 1 dan 2, dapat dipertingkatkan. Kos mengalihsuarakan sesuatu filem juga agak tinggi. Syarikat-syarikat filem swasta telah diberi peluang dalam kerja-kerja mengalihsuarakan filem-filem ini dengan tujuan untuk memajukan dan mempelbagaikan lagi industri media negara.

Usaha mengalihsuarakan filem-filem Inggeris dan lain-lain bahasa itu memang dibuat dengan kesedaran bahawa ia boleh memajukan integrasi nasional, tetapi usaha itu memerlukan banyak belanja dan tenaga. Usaha memajukan integrasi rakyat melalui rancangan-rancangan terbitan tempatan adalah lebih penting dan lebih berkesan. Kerana itu Kementerian Penerangan telah memberikan lebih banyak keutamaan kepadanya.

Tuan Ghazali bin Ahmad: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Tadi saya dengar Yang Berhormat Timbalan Menteri mengatakan kos perbelanjaan mengalihsuara ini mahal. Jadi, saya mahu tahu, banyak

manakah mahalunya itu. Berapa banyakkah kos satu-satu filem yang dialihsuara ini?

Tuan Railey bin Jaffrey: Tuan Yang di-Pertua, kalau soal ongkos yang pasti saya sendiri kurang tahu, jadi saya minta tempoh untuk menyiasat berapa banyak ongkos yang betul-betul perlu untuk melaksanakan perkara yang dimaksudkan.

Tuan Chian Heng Kai: Tuan Yang di-Pertua, memandangkan ada sebahagian dari orang-orang Iban dan Kadazan yang belum faham lagi bahasa-bahasa seperti Bahasa Kebangsaan, bahasa Mandarin, bahasa Inggeris dan bahasa Tamil, sama ada RTM bercadang supaya menambah program-program dalam bahasa Iban dan bahasa Kadazan?

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Mohamed Amin bin Haji Daud): Tidak perlu menjawab, di luar tajuk.

Tuan Mohd. Tamrin bin Abdul Ghafar: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Adakah Yang Berhormat Timbalan Menteri sedar bahawa di dalam usaha Kerajaan untuk mengalihbahasakan filem-filem yang diimport ke Bahasa Malaysia, terdapat pencabulan dan pencemaran bahasa yang berlaku di TV. Sebagai contoh, apa yang tertulis dalam Bahasa Malaysia kadang-kadang berlainan sekali dengan apa yang dihujah di dalam TV itu?

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Mohamed Amin bin Haji Daud): Adakah contoh, Yang Berhormat?

Tuan Mohd. Tamrin bin Abdul Ghafar: Saya akan memberi contoh selepas ini.

Tuan Railey bin Jaffrey: Tuan Yang di-Pertua, telah saya katakan tadi bahawa filem-filem drama khususnya seperti jenis komedi tidak begitu berjaya dialihsuarakan kerana keaslian dan keutuhan bahasanya

akan hilang. Jadi, dengan itu boleh jadi ada di antara penapis-penapis atau penterjemah-penterjemah membuat kesilapan—itu kita tidak tahu, mungkin ada. Kalau ada masalah di hadapan, insya Allah, kita akan siasat.

Tuan Adam bin Abdul Kadir: (*Bangun*)

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Mohamed Amin bin Haji Daud): Ada soalan?

Tuan Adam bin Abdul Kadir: Terima kasih, ada. Bukanlah bangun, baru hendak cari soalan, Tuan Yang di-Pertua. (*Ketawa*)

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Mohamed Amin bin Haji Daud): Teruskan Yang Berhormat. (*Ketawa*)

Tuan Adam bin Abdul Kadir: Tuan Yang di-Pertua, saya sukacita mendengar jawapan daripada Yang Berhormat Timbalan Menteri tadi yang menyatakan bahawa menurut siasatan ataupun menurut penyelidikan, ramai penonton yang suka menonton rancangan dalam bahasa asal. Saya pun bersetuju dengan jawapan beliau itu, tetapi adakah langkah-langkah untuk mengadakan satu saluran lagi supaya saluran itu boleh dipluck-in oleh penonton dan dengan pluck-in itu dia boleh mendengar alih suara yang disediakan oleh RTM umpamanya.

Tuan Railey bin Jaffrey: Tuan Yang di-Pertua, saya kurang faham saluran yang mana yang dimaksudkan (*Ketawa*), saluran banyak.

Tuan Adam bin Abdul Kadir: Maksud saya sekiranya ada rancangan untuk membuat satu saluran lagi yang boleh mengeluarkan suara sahaja, suara alih-bahasa, tetapi alih-bahasa itu tidak bersama dengan rancangan itu, tidak bersama dengan filem itu?

Tuan Railey bin Jaffrey: Jadi maksudnya umpamanya satu feature film dalam bahasa Inggeris atau lain bahasa, tetapi kemudian ditranslate ke Bahasa Malaysia. Itukah dia, kalau saya tidak silap?

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Mohamed Amin bin Haji Daud): Barangkali kalau pluck-in, boleh dengar dengan bahasa lain.

Tuan Adam bin Abdul Kadir: Ya. Kalau kita pluck-in, kalau kita menonton filem bahasa Inggeris seperti biasa, kita mendengar dalam bahasa Inggeris. Tetapi kalau orang ingin mendengar dalam Bahasa Malaysia, dia hanya pluck-in kepada satu saluran dan dia boleh mendengar alih bahasa dalam Bahasa Malaysia.

Tuan Railey bin Jaffrey: Itu tidak ada, Tuan Yang di-Pertua. (*Ketawa*)

PEPERIKSAAN PENILAIAN DARJAH LIMA—MEMANSUHKAN

4. **Drs Suleiman bin Mohamed** minta Menteri Pelajaran menyatakan memandangkan tahun ini ialah tahun yang akhir bagi Peperiksaan Penilaian Darjah Lima diadakan, apakah peperiksaan yang akan menggantikannya bagi menguji prestasi murid-murid sekolah rendah dan nyatakan sebab-sebabnya Kementerian bercadang menamatkan Peperiksaan Penilaian Darjah Lima ini.

Tuan Woon See Chin: Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian Pelajaran akan memansuhkan Peperiksaan Penilaian Darjah Lima selepas tahun 1987. Peperiksaan ini akan digantikan dengan Ujian Pencapaian Sekolah Rendah atau (UPSR) di akhir tahun enam sekolah rendah, yang akan bermula pada tahun 1988. Perubahan ini dilakukan kerana pelaksanaan Kurikulum Baru Sekolah Rendah (KBSR).

Peperiksaan Penilaian Darjah Lima yang ada sekarang ini bertujuan menguji pencapaian murid-murid yang mengikuti Kurikulum Lama Sekolah Rendah dan tidak sesuai untuk digunakan bagi menilai prestasi murid yang mengikuti KBSR.

Tuan Shahidan bin Kassim: Soalan tambahan. Apakah Kementerian Pelajaran atau Kerajaan yakin bahawa sistem yang baru ini selaras ataupun setaraf dengan Ujian Penilaian bagi Darjah V? Sejauh mana Kementerian yakin yang sistem baru ini lebih baik daripada Sistem Penilaian Darjah V?

Tuan Woon See Chin: Tuan Yang di-Pertua, kita belum menghantarkan statistik berkaitan prestasi KBSR, sebab mereka akan mengadakan ujian baru UPSR pada Darjah 6. Tetapi mengikut gambaran yang kita dapat sekarang boleh dikatakan murid-murid di dalam KBSR itu lebih pandai untuk "Membaca, Menulis dan Mengira".

Tuan Hashim bin Safin: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mendapat penjelasan daripada Yang Berhormat Timbalan Menteri, apakah akan berlaku kepada murid-murid yang pada tahun akhir, pada tahun ini misalnya, menduduki Peperiksaan Penilaian Darjah V, kemudian bertukar kepada sekolah KBSR pada tahun hadapan. Adakah murid-murid ini terpaksa menduduki UPSR yang disebut oleh Timbalan Menteri sekejap tadi.

Tuan Woon See Chin: Tuan Yang di-Pertua, bolehkah saya minta Yang Berhormat ulang soalan itu sekali lagi?

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Mohamed Amin bin Haji Daud): Sila ulang!

Tuan Hashim bin Safin: Tuan Yang di-Pertua, diringkaskan soalan, apakah perlu murid yang telah pun

menduduki Peperiksaan Penilaian Darjah V, kemudian bertukar ke sekolah yang sudah tidak ada Peperiksaan Penilaian Darjah V, tetapi ada peperiksaan Ujian Penilaian Sekolah Rendah, apakah perlu mengambil peperiksaan lagi sekali?

Tuan Woon See Chin: Tuan Yang di-Pertua, jawapan saya tadi kita akan memansuhkan Peperiksaan Penilaian Darjah V iaitu peperiksaan lama selepas tahun 1987. Ini bererti kali yang akhir kita mengadakan peperiksaan lama itu ialah pada tahun 1987 untuk murid-murid yang sekarang mengikuti KLSR iaitu kurikulum lama.

Kita akan mengadakan pada tahun itu juga ujian yang baru untuk murid-murid di darjah yang mengikuti KBSR secara percuma.

JABATAN PENGANGKUTAN JALAN KUCHING—KESESAKAN

5. **Tuan Sim Kwang Yang** minta Menteri Pengangkutan menyatakan sama ada beliau sedar bahawa kaunter-kaunter di Jabatan Tanah dan Pengangkutan di Kuching yang digunakan untuk mengutip cukai jalan raya dan yuran lesen adalah kekurangan kakitangan, menyebabkan giliran yang panjang dan sampai tiga hari menunggu sebelum orang awam dapat membuat pembayaran, dan apakah tindakan akan diambil untuk membaiki pungutan masalah ini.

Menteri Pengangkutan (Dato Dr Ling Liong Sik): Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Pengangkutan sedar mengenai kesesakan yang berlaku di kaunter-kaunter bayaran Jabatan Pengangkutan Jalan di Kuching dan saya diberitahu keadaannya baru-baru ini telah pun bertambah baik di mana orang ramai hanya akan menunggu paling lama sehari sahaja.

Langkah-langkah untuk memperbaiki perkhidmatan kaunter di JPJ Kuching yang telah diambil dan akan diambil adalah seperti berikut:

- (i) kaunter khas dibuka pada waktu makan tengahari bagi orang ramai membuat bayaran lesen memandu dan lesen cukai jalan;
- (ii) kaunter bayaran akan terus melayan orang ramai sehingga orang terakhir, yang berada dalam ruang pejabat, sungguhpun waktu pungutan tamat pada jam 3.45 petang;
- (iii) usaha sedang dibuat untuk menggunakan mesin kutipan hasil bagi kedua-dua jenis bayaran lesen tersebut seperti yang dijalankan di Semenanjung. Peruntukan untuk membeli mesin-mesin bagi digunakan di JPJ Kuching telah diminta, sekiranya didapati maka perkhidmatan kaunter boleh dipertingkatkan lagi; dan
- (iv) sebagai usaha jangka panjang, Kementerian ini telah pun mengarahkan JPJ mengkaji kemungkinan menggunakan khidmat Pejabat Pos di Sarawak bagi membuat bayaran lesen memandu, sebagaimana yang sedang dirancang untuk dimulakan di Semenanjung mulai tahun hadapan.

Dengan tindakan-tindakan yang telah dan akan diambil seperti di atas, adalah diharapkan perkhidmatan kaunter JPJ di Kuching terutamanya akan bertambah baik di masa yang akan datang.

Tuan Hashim bin Safin: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Adakah Kementerian bercadang untuk melanjutkan perkhidmatan kaunter, sewaktu rihat, sewaktu makan atau, dengan izin, lunch hours.

Dato Dr Ling Liong Sik: Saya telah jawab tadi.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Mohamed Amin bin Haji Daud): Sudah jawablah Yang Berhormat.

MINYAK MENTAH— PENGELUARAN

6. **Tuan Samson Chin Chee Tsu** minta Perdana Menteri menyatakan berapa jumlah tong minyak mentah yang telah dikeluarkan di negeri Sabah semenjak tahun 1980 hingga September, 1986. Berapakah jumlah pendapatan hasil tersebut dan berapakah jumlah wang dalai yang telah dibayar oleh Kerajaan Persekutuan kepada Kerajaan Negeri Sabah.

Setiausaha Parlimen Jabatan Perdana Menteri (Raja Ariffin bin Raja Sulaiman): Tuan Yang di-Pertua,

- (a) sejak tahun 1980 hingga 30hb September, 1986, jumlah pengeluaran minyak mentah yang dikeluarkan di negeri Sabah adalah sebanyak 181.76 juta tong.
- (b) dalam tempoh yang sama jumlah pendapatan hasil yang diperolehi ialah sebanyak \$12,475 juta dan wang dalai atau royalti yang telah dibayar kepada Kerajaan Negeri Sabah adalah sebanyak \$634 juta.

MAS—KEUNTUNGAN YANG DICATAT

7. **Tuan Fung Ket Wing** minta Menteri Pengangkutan menyatakan jumlah keuntungan yang dicatat oleh MAS bagi penerbangan-penerbangan dalam negeri di Sabah dan di Sarawak untuk tahun 1980 hingga 1985 dan sama ada MAS akan menimbang untuk mengurangkan tambang bagi

penerbangan dalam negeri di Sabah dan Sarawak akibat penurunan harga petroleum, jika tidak, mengapa.

Dato Dr Ling Liong Sik: Tuan Yang di-Pertua, kedudukan pendapatan Sistem Penerbangan Malaysia (MAS) bagi penerbangan-penerbangan dalam negeri di Sabah dan Sarawak termasuk perkhidmatan udara luar bandar untuk tahun 1980 hingga 1985 adalah seperti berikut:

<i>Tahun Kewangan</i>	<i>Keuntungan/Kerugian (Bagi Sabah/Sarawak)</i>
(i) 1980/1981	Bagi keseluruhan rangkaian perkhidmatan dalam negeri iaitu Semenanjung Malaysia, Sabah dan Sarawak, MAS telah mengalami kerugian sebanyak \$11.3 juta oleh kerana sistem perakaunan pada masa itu tidak memberi akaun berasingan maka data-data yang berasingan bagi Sabah dan Sarawak tidaklah dapat saya berikan untuk tahun tersebut.
(ii) 1981/1982	Kerugian sebanyak \$17.65 juta.
(iii) 1982/1983	Kerugian sebanyak \$20.143 juta.
(iv) 1983/1984	Keuntungan sebanyak \$599,000.
(v) 1984/1985	Kerugian sebanyak \$6.4 juta.
(vi) 1985/1986	Kerugian sebanyak \$15.9 juta.

Berhubung dengan pertanyaan Yang Berhormat sama ada MAS akan menimbang untuk mengurangkan tambang bagi penerbangan dalam negeri di Sabah dan Sarawak akibat penurunan harga petroleum, ingin saya memaklumkan bahawa kos minyak adalah cuma merupakan satu daripada faktor-faktor yang mempengaruhi kos pengendalian perkhidmatan udara.

Selain daripada kos minyak terdapat faktor-faktor seperti di antara lain kenaikan kadar inflasi yang

berterusan, kenaikan harga-harga tetap yang tinggi yang menyebabkan kenaikan kos-kos susut nilai dan kenaikan harga matawang dollar Amerika yang telah meninggikan lagi barang alat ganti. Oleh kerana pada keseluruhannya MAS tidak mengalami kekurangan kos walaupun harga petroleum telah menurun kerana faktor-faktor kos yang lain itu yang saya nyatakan di atas, MAS tidaklah bercadang buat masa ini untuk mengurangkan tambang-tambang penerbangannya. Walau bagaimanapun, Kerajaan akan sentiasa mengawasi kedudukan tambang-tambang MAS ini dan di mana perlu dan sesuai, Kerajaan telah dan akan mengarahkan MAS untuk mewujudkan tambang-tambang "promotional" yang diadakan pada paras yang lebih rendah dari tambang-tambang biasa.

Tuan Haji Ibrahim bin Ali: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Memandangkan kerugian yang begitu banyak yang kita dapati bagi tahun 1985/1986, apakah Kerajaan bercadang untuk menasihatkan MAS menaikkan harga tambang untuk di Sabah dan Sarawak? (*Ketawa*)

Dato Dr Ling Liong Sik: Tuan Yang di-Pertua, terima kasihlah kepada Ahli Yang Berhormat dari Pasir Mas di atas cadangan itu, tetapi buat masa ini Kementerian tidak bercadang begitu.

Tuan Sim Kwang Yang: Tuan Yang di-Pertua, bolehkah Yang Berhormat Menteri memberi tahu kepada Ahli Yang Berhormat dari Pasir Mas bahawa masalah pengangkutan amat besar di negeri Sabah dan Sarawak dan tidak ada apa-apa cara untuk berjalan dari satu bandar atau dari satu tempat ke satu tempat lain kecuali melalui perkhidmatan penerbangan MAS sahaja. Cadangan beliau ini tidak dialu-alukan oleh semua anak Sabah dan anak Sarawak.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Mohamed Amin bin Haji Daud): Apakah soalnya itu, Yang Berhormat?

Tuan Sim Kwang Yang: Adakah Yang Berhormat Menteri sedar? Kita haraplah jangan menaikkan tambang itu.

Dato Dr Ling Liong Sik: Itu saya sudah jawab, Tuan Yang di-Pertua.

REAKTOR NUKLEAR DI CHERNOBYL—LETUPAN

8. **Dato' Haji Saidin bin Haji Mat Piah** minta Perdana Menteri menyatakan adakah terdapat apa-apa kesan yang membahayakan penduduk-penduduk di negara ini akibat dari tragedi letupan reaktor nuklear di Chernobyl, Russia dalam bulan April yang lalu; jika ada apakah langkah-langkah yang berkesan telah diambil bagi menjamin keselamatan rakyat dan negara seluruhnya; jika tidak apakah faktor-faktor yang dapat meyakinkan negara ini bebas dari kesan-kesan yang membahayakan itu.

Setiausaha Parlimen Jabatan Perdana Menteri (Raja Ariffin bin Raja Sulaiman): Tuan Yang di-Pertua, jawapan bagi soalan ini telah pun dijawab di Dewan yang mulia ini bersama dengan soalan daripada Ahli Yang Berhormat dari Bukit Bintang pada 17-10-1986. Saya tidak bercadang untuk membuat apa-apa tambahan.

TOL JAMBATAN PULAU PINANG

9. **Tuan Gooi Hock Seng** minta Menteri Kerjaraya menyatakan:

- (i) sama ada tol yang dikenakan bagi penggunaan Jambatan Pulau Pinang terlalu tinggi di mana mengakibatkan kutipan

hanya sebanyak \$17.6 juta pada tahun pertama. Jika ya, adakah Kerajaan akan menurunkan yuran tol untuk menggalakkan lebih ramai lagi orang menggunakan jambatan/titi tersebut; dan

- (ii) angka pecahan bilangan lori, kereta, motosikal yang menggunakan jambatan tersebut sejak pembukaan rasmi pada tahun 1985.

Timbalan Menteri Kerjaraya (Tuan Mustaffa bin Mohammad): Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan berpendapat kadar tol yang ada sekarang adalah sederhana. Namun begitu, Kerajaan adalah bersikap terbuka dan akan sentiasa mengkaji bagi menentukan kadar tol yang paling munasabah pada sesuatu masa.

Pecahan-pecahan kenderaan yang melalui Jambatan Pulau Pinang semenjak ianya dibuka dengan rasminya pada 14hb September, 1985 adalah seperti berikut:

Motosikal ..	1,280,345 atau 38.9%
Kereta ..	1,722,802 atau 52.11%
Lori ..	293,675 atau 8.99%

Tuan Mohd. Tamrin bin Abdul Ghafar: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin tahu daripada Yang Berhormat Timbalan Menteri berapakah jumlah bayaran balik pinjaman dan faedah yang terpaksa dibuat oleh Kerajaan tiap-tiap bulan—mengikut pecahan—dan maintenance cost, dengan izin, ataupun kos penjagaan bulanan yang terpaksa dibiayai oleh Kerajaan untuk menjaja Jambatan Pulau Pinang ini.

Tuan Mustaffa bin Mohammad: Tuan Yang di-Pertua, saya kira soalan itu agak terkeluar sedikit daripada soalan asal. Oleh kerana jawapan yang dimintanya tidaklah saya bawa bersama dan oleh yang demikian, saya

mohon notis untuk membekalkan Yang Berhormat jawapan yang dikehendaki.

Tuan Chian Heng Kai: Tuan Yang di-Pertua, mengapakah Kerajaan sehingga hari ini belum mengumumkan kadar baru untuk tol Jambatan Pulau Pinang? Jikalau tidak silap saya, Yang Berhormat Menteri telah berkata pada satu ketika bahawa kadar baru akan diumumkan dalam seminggu, tetapi sekarang sudah berapa hari telah berlalu, mengapakah belum dibuat pengumuman lagi?

Tuan Mustaffa bin Mohammad: Tuan Yang di-Pertua, pengumuman Yang Berhormat Menteri Kerjaraya itu adalah sebahagian daripada apa yang saya katakan tadi sebagai usaha untuk mengkaji kadar tol tersebut dari semasa ke semasa. Pengumuman berkenaan dengan kadar tol yang baru itu, insya Allah, akan diumumkan tak berapa lama lagi.

MUTU PELAJARAN

10. Tuan Peter Paul Dason minta Menteri Pelajaran menyatakan sama ada beliau sedar taraf pelajaran di negara ini sedang merosot, dan jika ya, nyatakan langkah-langkah yang diambil untuk mencegah kemerosotan dalam taraf pelajaran.

Tuan Woon See Chin: Tuan Yang di-Pertua, soalan 10 kah?

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Mohamed Amin bin Haji Daud): Ya. Jawablah. (*Ketawa*)

Tuan Woon See Chin: Tuan Yang di-Pertua, jawapan saya adalah panjang sedikit dan saya harap Tuan Yang di-Pertua bersabar sedikit. (*Ketawa*)

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Mohamed Amin bin Haji Daud): Jangan panjang sangat, saya tidak sabar! (*Ketawa*)

Tuan Woon See Chin: Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya kedudukan mutu pelajaran dapat dipertahankan ataupun dipertingkatkan dari setahun ke setahun. Umpamanya mutu pencapaian murid-murid dalam peperiksaan awam di semua peringkat telah meningkat setahun demi setahun. Walau bagaimanapun, mutu pencapaian murid-murid dalam peperiksaan yang dikendalikan oleh Lembaga Peperiksaan dan Majlis Peperiksaan telah meningkat dari setahun ke setahun.

Di samping itu, Sijil-sijil SPM dan STPM diiktiraf sebagai kelayakan untuk memasuki institusi-institusi pelajaran tinggi di dalam dan di luar negeri.

Walaupun bagaimanapun, Kementerian Pelajaran sentiasa berusaha untuk meningkatkan mutu pelajaran kita ke tahap yang lebih tinggi. Di antara langkah-langkah yang dijalankan ialah:

- (i) melaksanakan Kurikulum Baru Sekolah Rendah dan merancang Kurikulum Baru Sekolah Menengah untuk melaksanakan apabila KBSR terlaksana sepenuhnya nanti;
- (ii) menyusun semula struktur dan Kurikulum sekolah Vokasional dengan tujuan untuk mengukuhkan dan meningkatkan lagi pendidikan Vokasional;
- (iii) mengadakan kursus dalam perkhidmatan bagi guru-guru untuk mendapatkan kemahiran dan pengkayaan pengetahuan mereka;
- (iv) mengadakan program kemajuan kakitangan di bidang pengurusan dan pentadbiran sekolah; dan
- (v) menambah kemudahan-kemudahan dan alat-alat pelajaran terutama di kawasan luar bandar.

Tuan Zubir bin Embong: Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua. Bolehkah Yang Berhormat Timbalan Menteri menerangkan apakah kriteria-kriteria ataupun kayu ukur yang digunakan oleh Kementerian untuk menentukan taraf pelajaran di negara ini? Apakah ianya hanya bergantung kepada keputusan peperiksaan semata-mata?

Tuan Woon See Chin: Tuan Yang di-Pertua, saya belum tahulah kriteria-kriteria itu. Itu terpulang kepada Lembaga Peperiksaan, sebab perkara itu dijalankan oleh Lembaga Peperiksaan.

Tuan Hu Sepang: Tuan Yang di-Pertua, adakah Yang Berhormat Timbalan Menteri sedar, salah satu sebab taraf pelajaran di negara kita sekarang ini merosot adalah berkaitan dengan sikap guru-guru yang ada masa kini yang mana lebih minat melibatkan diri dalam kegiatan peribadi seperti menjual barang-barang Amway, melibatkan diri dalam politik dan lebih minat menonton naik turun saham pasaran. Kalau Yang Berhormat Timbalan Menteri sedar, apakah tindakan akan diambil oleh Kementerianya supaya mencegah taraf pelajaran kita turun lagi.

Tuan Woon See Chin: Tuan Yang di-Pertua, saya tidak sedar guru-guru ada terlibat dengan apa-apa politik tetapi kalau mereka ada, ini adalah disebabkan mereka sudah dikacau oleh parti Pembangkang. (*Ketawa*)

PENDATANG HARAM YANG DITANGKAP

11. Dato' Haji Kamaruzaman bin Haji Ahmad minta Menteri Dalam Negeri menyatakan bilangan pendatang haram yang telah ditangkap dan dihantar pulang pada tiap-tiap bulan

dalam tempoh 6 bulan di tahun ini. Adakah Kerajaan telah mengambil apa-apa tindakan terhadap sindiket-sindiket yang terlibat dalam pengimportan pekerja-pekerja pendatang haram.

Timbalan Menteri Dalam Negeri (Dato' Megat Junid bin Megat Ayob): Tuan Yang di-Pertua, jumlah pendatang haram yang telah ditangkap dan diusir keluar pada tiap-tiap bulan dalam tempoh 6 bulan di tahun ini ialah:

Bulan	Tangkap	Usir
Januari ..	1,834	1,201
Februari ..	1,779	1,059
Mac	1,436	1,216
April	2,909	1,777
Mei	1,678	920
Jun	1,240	830
Jumlah ..	10,876	7,003

Tuan Yang di-Pertua, pada masa ini, Kementerian Dalam Negeri sedang mengesan pihak-pihak yang dipercayai terlibat dengan kemasukan pendatang haram ke negara ini dan tindakan undang-undang akan diambil ke atas mereka jika penglibatan mereka itu terbukti kelak.

Dato' Haji Kamaruzaman bin Haji Ahmad: Tuan Yang di-Pertua, kita telah mendengar jawapan daripada Yang Berhormat Timbalan Menteri. Soalan tambahan saya mengapa terdapat perbezaan di antara angka tangkapan pendatang haram dengan angka pengusiran pendatang haram bagi 6 bulan pertama tahun 1986?

Dato' Megat Junid bin Megat Ayob: Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Dalam Negeri melalui Jabatan Imigresen dan Polis DiRaja Malaysia membuat tangkapan ke atas pendatang-pendatang haram

berdasarkan kepada maklumat yang diterima daripada orang ramai. Biasanya maklumat itu tidak tepat. Dalam pada itu Kementerian Dalam Negeri terpaksa bertindak segera dalam keadaan begitu.

Dari jumlah pendatang haram yang dianggapkan haram itu telah dapat menunjukkan dokumen-dokumen perjalanan yang sah. Sebahagian kecil daripada yang ditangkap itu juga telah ditahan oleh pihak berkuasa untuk siasatan lanjut, manakala daripada sebahagian kecil lagi tidak dapat diusir dalam bulan Jun disebabkan oleh masalah pengangkutan. Ini bermakna sebilangan kecil yang tidak dapat diusir dalam bulan Jun terpaksa diusir dalam bulan-bulan berikutnya.

Disebabkan itulah terdapat perbezaan-perbezaan daripada jumlah tangkapan dengan jumlah pengusiran pendatang-pendatang haram tersebut.

Tuan Lee Lam Thye: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin bertanya Yang Berhormat Timbalan Menteri sama ada beliau mempunyai angka-angka tentang berapa banyak yang telah dibelanjakan oleh Kerajaan dalam pengusiran pendatang-pendatang haram ini yang telah ditangkap.

Dato' Megat Junid bin Megat Ayob: Tuan Yang di-Pertua, minta maaf, saya tidak ada angka jumlah yang telah dibelanjakan oleh kerana kebanyakan daripada yang kita usir keluar ini ialah daripada negara-negara jiran dan kebanyakan mereka membayar tambang sendiri dan pembayaran daripada pihak kita terlalulah sedikit.

Tuan Haji Abdul Manaf bin Haji Ahmad: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mendapat penjelasan daripada Timbalan Menteri, adakah Kementerian mengangap bahawa

pelawat-pelawat asing yang tinggal lebih masa dianggap sebagai pelawat-pelawat haram? Itu soalan pertama.

Soalan yang kedua, apakah tindakan diambil terhadap pelawat-pelawat asing lebih masa tinggal di negara ini?

Dato' Megat Junid bin Megat Ayob: Tuan Yang di-Pertua, walaupun pada mulanya ia merupakan pelawat tetapi kalau sudah lebih masa ia merupakan pendatang haram juga. Tindakan-tindakan yang diambil untuk pelawat-pelawat asing yang telah tinggal lebih daripada masa yang telah ditentukan ialah pada masa ini Kementerian Dalam Negeri melalui Jabatan Imigresen dan Polis DiRaja Malaysia sedang diambil tindakan sewajarnya untuk mengesan dan menangkap mana-mana pelawat asing yang didapati berada di negara ini lebih dari tempoh daripada pas lawatan mereka.

Apabila seseorang pelawat asing yang tinggal lebih masa itu dapat dikesan, ia akan ditangkap, didakwa di mahkamah dan diusir daripada negara ini. Kementerian Dalam Negeri juga sedang dan akan bertindak tegas mengikut peruntukan undang-undang terhadap orang-orang yang bersubahat atau memberi perlindungan kepada pelawat-pelawat asing yang tinggal lebih masa itu.

Usaha pihak Kementerian Dalam Negeri mengalami masalah oleh kerana orang ramai tidak memberi maklumat mengenainya, adanya pelawat-pelawat asing yang tinggal lebih masa di Malaysia atau mengenai orang-orang bersubahat dengan pelawat-pelawat asing ini. Oleh yang demikian, saya berharap orang ramai lebih bersedia untuk memberi kerjasama dengan pihak Kerajaan agar mereka ini dapat kita ambil tindakan.

KAD PENGENALAN—JUMLAH DIKELUARKAN

12. Tuan Lim Guan Eng minta Menteri Dalam Negeri menyatakan:

- (a) jumlah dan bilangan kad pengenalan yang berwarna hijau, merah dan biru yang dikeluarkan dan negara asal penerima sejak 1hb Januari, 1970;
- (b) tempoh yang pendek sekali penerima kad pengenalan hijau, merah dan biru bermastautin di negara ini dan negara asal si penerima-penerima; dan
- (c) mengapa suatu jangkamasa yang panjang diperlukan untuk mengendalikn permohonan kewarganegaraan terutama seperti Ngin Kim Tuan yang memohon pada 5hb Mei, 1970, K.P. 7841687, Rujukan 1101/70; dan apakah kedudukan permohonan Encik Ngin.

Dato' Megat Junid bin Megat Ayob: Tuan Yang di-Pertua, jumlah kad pengenalan hijau, merah dan biru yang dikeluarkan semenjak tahun 1970 hingga tanggal 31hb Ogos, 1986 ialah 6,126,921. Angka ini tidak dapat diberi mengikut pecahan negara-negara asal pemilik masing-masing oleh kerana Kementerian Dalam Negeri tidak mempunyai rekod pemilik kad-kad pengenalan mengikut negara asal mereka. Kad pengenalan hijau dikeluarkan kepada warganegara asing yang dibenarkan tinggal di negara ini melebihi tempoh satu tahun, manakala kad pengenalan merah diberi kepada mereka yang memperolehi taraf penduduk tetap di negara ini. Seorang penduduk tetap dikehendaki mendapatkan kad pengenalan merah dalam tempoh 30 hari dari tarikh ia memperolehi Permit Masuk dari Jabatan Imigresen Malaysia.

Kad pengenalan biru dikeluarkan kepada seseorang setelah ianya memperolehi taraf kewarganegaraan Malaysia. Taraf ini diperolehi sekiranya seseorang pemohon memenuhi syarat-syarat yang termaktub dalam Perlembagaan Malaysia dan permohonan itu diluluskan oleh Yang Berhormat Menteri Dalam Negeri. Di antara syarat-syarat yang ditetapkan ialah seseorang pemohon itu dikehendaki mempunyai tempoh permastautinan yang mencukupi.

Oleh hal yang demikian tempoh pengeluaran kad pengenalan hijau, merah dan biru adalah bergantung kepada faktor-faktor yang telah saya sebutkan tadi.

Maklumat mengenai pemegang kad pengenalan hijau, merah dan biru mengikut negara asal penumpang tidak dapat dibekalkan kerana sebagaimana saya katakan tadi, Kementerian Dalam Negeri tidak menyimpan rekod sedemikian.

Kementerian Dalam Negeri menerima jutaan permohonan taraf kewarganegaraan, termasuklah permohonan Encik Ngin Kim Tuan. Setiap permohonan terpaksa disemak dengan teliti dan dikaji dengan rapi bagi memastikan bahawa setiap maklumat yang diberikan oleh seseorang pemohon itu adalah benar.

Prosesan secara teliti ini adalah perlu demi menjamin bahawa setiap pemohon itu, termasuk Encik Ngin, memenuhi syarat-syarat yang termaktub dalam Perlembagaan. Proses ini memakan masa, tetapi masa yang digunakan itu tidak melebihi masa yang diperlukan oleh Kementerian Dalam Negeri. Permohonan kewarganegaraan yang dimaksudkan oleh Yang Berhormat dari Kota Melaka itu telah diselesaikan dalam bulan Julai, 1975.

Tuan Lim Eng Guan: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya hendak bertanya Yang Berhormat

Timbalan Menteri Dalam Negeri, apakah kedudukan orang-orang yang berkahwin dengan seorang warganegara Malaysia kerana sebagaimana Yang Berhormat sedia maklum, mereka yang berkahwin dengan seorang warganegara Malaysia mendapat Kad Pengenalan hijau, sungguhpun mereka sudah bermastautin di negara ini sehingga selama 8 tahun?

Apakah tindakan yang akan diambil oleh Kementerian beliau dan kalau tidak silap saya, Yang Berhormat telah membuat pengumuman bahawa satu keputusan akan dibuat pada bulan ini. Bolehkah Yang Berhormat memberitahu Dewan yang mulia ini apakah keputusan tersebut, sama ada orang-orang yang terlibat akan mendapat sekurang-kurangnya kad pengenalan berwarna merah?

Soalan yang kedua, bolehkah Yang Berhormat Timbalan Menteri menjelaskan apakah kedudukan permohonan Encik Ngin dan bagaimanakah kesnya diselesaikan?

Dato' Megat Junid bin Megat Ayob: Tuan Yang di-Pertua, di bawah Perkara 15 (1) Perlembagaan, seseorang isteri asing kepada warganegara Malaysia boleh memohon untuk mendapatkan taraf kewarganegaraan sekiranya ia telah memenuhi syarat-syarat tertentu termasuk bermastautin di negara ini selama dua tahun sebelum permohonan itu dikemukakan.

Bagi pemohon-pemohon yang mengemukakan permohonannya di bawah Perkara 19 Perlembagaan Malaysia, di antara syarat-syarat yang ditetapkan ialah seseorang itu hendaklah mempunyai tempoh permastautinan di negara ini selama tidak kurang 10 tahun dari 12 tahun termasuk 12 bulan sebelum permohonan itu dikemukakan.

Jadi ada perbezaan di antara isteri (wanita) yang berkahwin dengan warganegara Malaysia atau ada pula perbezaan kalau sekiranya wanita itu, semua rakyat Malaysia berkahwin dengan seseorang lelaki yang luar daripada kerakyatan Malaysia.

Bagi kes Ngin Kim Tuan yang telah mengemukakan permohonan kewarganegaraan di bawah Perkara 19 (1) (a) (i) Perlembagaan Malaysia dan permohonan itu diterima oleh Jabatan Pendaftaran Negara dalam bulan Mei, 1970, permohonan itu telah disemak dengan teliti oleh Jabatan Pendaftaran Negara dan juga Kementerian Dalam Negeri.

Permohonan itu telah ditolak oleh Menteri Dalam Negeri pada bulan Julai, 1975, oleh kerana Menteri Dalam Negeri tidak berpuas hati bahawa permohonan itu tidak memenuhi syarat-syarat yang diperlukan. Jadi, Tuan Yang di-Pertua, seperti saya katakan tadi "selesai" bukannya "berjaya". Kes ini dapat diselesaikan pada bulan Julai, 1975 dan keputusannya sepertimana yang saya katakan tadi.

Dato' Haji Kamaruzaman bin Haji Ahmad: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Dapatkah Yang Berhormat Timbalan Menteri menerangkan kepada Dewan yang mulia ini mengapa berlaku kelambatan untuk menyelesaikan permohonan pertukaran kad pengenalan di bawah Peraturan 16, Peraturan Pendaftaran Negara, 1959 yang dilaksanakan oleh Jabatan Pendaftaran Negara pada tahun 1985?

Dato' Megat Junid bin Megat Ayob: Tuan Yang di-Pertua, mengikut rekod Jabatan Pendaftaran Negara, pada awal tahun 1985 kira-kira satu juta kad pengenalan keluaran pertama telah tidak diganti oleh pemegang-pemegang mengikut keperluan Peraturan 16, Peraturan Pendaftaran

Negara. Mengikut Peraturan ini, sesiapa juga yang mempunyai kad pengenalan keluaran pertama atau gantian semulanya yang berumur di bawah 18 tahun, mereka hendaklah mendaftar semula dalam tempoh 36 bulan setelah genap enam tahun dari tarikh keluaran kad pengenalan pertama. Dalam pada itu, Jabatan Pendaftaran Negara mendapati banyak pemegang kad pengenalan yang tidak menukarkan kad pengenalan mereka. Oleh itu satu gerakan telah dilaksanakan yang berkehendakkan pemegang kad pengenalan dalam kategori ini menukar kad pengenalan mereka. Oleh itu Jabatan Pendaftaran Negara telah menerima sebanyak 478,181 permohonan. Daripada jumlah ini sebanyak 429,769 kad pengenalan telah diselesaikan dan baki yang sedang diproses ialah sebanyak 48,212. Proses ini memakan masa oleh kerana pihak Jabatan perlu menyemak kesahihan maklumat yang dibekalkan.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Mohamed Amin bin Haji Daud): Ahli-ahli Yang Berhormat, semua soalan-soalan telah habis dijawab dan masa pun sudah cukup.

RANG UNDANG-UNDANG RAHSIA RASMI (PINDAAN)—MENARIK BALIK

Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Dato' Abdul Ajib bin Ahmad): Tuan Yang di-Pertua, saya bangun mengikut Peraturan Mesyuarat 62 dan meminta supaya Rang Undang-undang Rahsia Rasmi (Pindaan), D.R.2/86 ditarik balik

Sebab-sebab Rang Undang-undang itu ditarik balik ialah kerana Kerajaan adalah peka terhadap pandangan-pandangan orang ramai mengenainya. Pandangan-pandangan orang ramai itu diambil kira dan sedikit pengubahsuaian dibuat terhadap Rang Undang-undang tersebut. *(Ketawa)*

RANG UNDANG-UNDANG DIBAWA KE DALAM MESYUARAT

RANG UNDANG-UNDANG RAHSIA RASMI (PINDAAN)

Rang Undang-undang bernama Suatu Akta untuk meminda Akta Rahsia Rasmi 1972; dibawa ke dalam Mesyuarat oleh Menteri di Jabatan Perdana Menteri; dibacakan kali yang pertama; akan dibaca kali yang kedua pada Mesyuarat ini.

RANG UNDANG-UNDANG KEWANGAN (NO. 2)

Rang Undang-undang bernama Suatu Akta untuk meminda Akta Kastam 1967, Akta Cukai Jualan 1972, Akta Eksais 1976 dan Akta Cukai Perkhidmatan 1975; dibawa ke dalam Mesyuarat oleh Timbalan Menteri Kewangan; dibacakan kali yang pertama; akan dibaca kali yang kedua pada Mesyuarat ini.

RANG UNDANG-UNDANG RANG UNDANG-UNDANG PERBEKALAN 1987

DAN

USUL

ANGGARAN PEMBANGUNAN, 1987

Aturan Urusan Mesyuarat dibacakan bagi menyambung semula pertimbangan atas "Rang Undang-undang Perbekalan, 1987 dan Anggaran Pembangunan, 1987 dalam Jawatankuasa sebuah-buah Majlis". *(Hari Kelima Belas)*

Majlis bersidang dalam Jawatankuasa.

(Timbalan Yang di-Pertua mem-pengerusikan Jawatankuasa)

Maksud B.55 (Jadual)—

Maksud P.55 (Anggaran Pembangunan 1987)—

Tuan Pengerusi (Tuan Mohamed Amin bin Haji Daud): Ahli-ahli Yang Berhormat, mengikut Hansard pada hari semalam Ahli Yang Berhormat dari Kuantan berucap. Jadi sebelum Ahli Yang Berhormat meneruskan ucapan, Ahli Yang Berhormat cuma ada 5 minit sahaja lagi dan selepas itu saya akan menjemput pihak Kerajaan menjawab. Sila teruskan, Yang Berhormat.

3.38 ptg.

Tuan Adam bin Abdul Kadir (Kuantan): Tuan Pengerusi, semalam ketika Majlis ini berakhir, saya sedang memperkatakan tentang Butiran 030000 iaitu Bekalan Air.

Semalam saya mengatakan bahawa perkara bekalan air ini telah menimbulkan satu persoalan kepada Ahli Yang Berhormat dari Petaling Jaya iaitu ketidakpuasan hati beliau terhadap bil air yang menurut beliau kadang-kadang menunjukkan tanggakan yang beribu-ribu ringgit kerana soal-soal dan masalah pentadbiran.

Walaupun agak berat hati untuk kita bersetuju dengan kata-kata beliau itu, tetapi saya mengatakan bahawa saya sendiri pun daripada pengalaman sendiri ada menghadapi masalah ini dan apabila kita membawa perkara ini kepada perhatian pihak berkuasa Bekalan Air, jawapannya ialah kita harus menjelaskan dahulu dan komplenya kemudian dan apabila kita tidak menjelaskan dahulu, maka tindakan sewajarnya akan diambil dan tindakan yang sewajarnya itu selalunya merupakan pemotongan bekalan.

Jadi, Tuan Pengerusi, saya ingin menyeru dan berharap pihak berkuasa Bekalan Air khususnya dan Kementerian Kerjaraya supaya memberikan perhatian yang sewajarnya terhadap satu masalah, sungguhpun tidak besar tetapi

mempunyai implikasi yang agak luas kerana apa yang dialami itu mungkin mencerminkan masalah-masalah yang dihadapi oleh seluruh rakyat di negara kita ini.

Tuan Pengerusi, saya ingin berpindah kepada Butiran 060000 Aktiviti Perkhidmatan Sokongan Teknikal di bawah B.55, muka surat 247.

Apabila saya merujuk kepada buku Prestasi yang menjelaskan sedikit sebanyak mengenai Perkhidmatan Sokongan Teknikal ini, saya membandingkan aktiviti ini dengan peruntukan yang diperuntukkan kepada aktiviti ini dan saya didatangi perasaan bahawa peruntukan itu agak lumayan walaupun tidak lebih kerana peruntukan itu sebenarnya ialah untuk maksud menampung hal-hal berkaitan dengan kursus, perkhidmatan-perkhidmatan staff dan sebagainya di dalam usaha menyelaraskan pelaksanaan sesuatu projek. Kadang-kadang perkara-perkara macam ini ianya merupakan sesuatu yang tersirat dan yang tersirat itu kadang-kadang tidak menyatakan sebenarnya apa tujuan utamanya. Saya takut kalau benda yang saya anggap sebagai tersirat ini lebih merupakan mengekalkan kepentingan-kepentingan tertentu dan keutamaan-keutamaan tertentu di kalangan kakitangan supaya mereka ini terus mendapat peluang menjalankan kursus ataupun membuat sesuatu yang tidak sebenarnya merupakan satu keutamaan di dalam keadaan kewangan Kerajaan yang begitu tersepit pada waktu ini.

Jadi saya kira, sekiranya ada di dalam hakikat yang tersirat ini kecenderungan-kecenderungan seperti itu, saya harap pihak Kementerian dapat mengkaji balik supaya peruntukan itu kalau tidak boleh dijamin pada tahun ini, tentu sekali ianya boleh digunakan untuk

maksud-maksud yang lebih baik, yang lebih berbentuk pembangunan dan bukan sahaja berbentuk hanya memberi perkhidmatan bagi kepentingan kakitangan sahaja. Walau bagaimanapun, kita dalam memperkatakan tentang aspek seperti ini kita tidak juga lupa bahawa kita harus memberikan sokongan moral dan memberikan tahniah kepada mereka atas segala usaha-usaha, atas segala sudut-sudut khidmat yang mereka berikan dalam aspek menyediakan perkhidmatan sokongan dan teknikal, iaitu perkhidmatan yang menyelaraskan segala usaha-usaha pembangunan, projek-projek dan program-program di dalam Kementerian Kerjaraya ini.

Tuan Pengerusi, saya ingin berbalik semula kepada Butiran 020000 iaitu Jalan dan Jambatan.

Saya ingin sambungkan apa yang saya perktakan kelmarin. Kelmarin ada saya perktakan dari segi konsepnya iaitu perbezaan di antara "jalan raya" dan "lebuhraya" dan dalam memperkatakan itu saya juga merayu ataupun menyeru supaya diadakan identifikasi sebenarnya apa dia ciri-ciri "jalan raya" dan apa dia ciri-ciri "lebuhraya", kerana kita tidak mahu seperti yang saya katakan tadi, kemudahan-kemudahan ataupun bentuk-bentuk yang dikaitkan dengan lebuhraya itu tidak merupakan sesuatu yang, dengan izin, improvement, kepada jalan raya yang kita kenali secara tradisi dan yang sedia ada di negara ini sejak berpuluh-puluh tahun dahulu.

Lebuhraya, saya percaya harus merupakan "improved version" jalan raya—kalau kita gunakan standard "autoban" umpamanya ataupun "motorway", "expressway" dan juga "highway" di tempat-tempat lain, ianya ada ciri-ciri seperti setiap pihak

itu ada dua lane dan tidak ada satu lane, ataupun tidak ada interference, dengan izin, daripada jalan-jalan "feeder roads" umpamanya. Ini semuanya ialah sesuai dengan konsep lebuhraya, iaitu bukan sahaja merupakan kemudahan pengangkutan daripada satu point kepada satu point, tetapi dalam keadaan zaman moden ini "speed" ataupun kederasan itu merupakan satu faktor. Kalau dalam dunia kewangan, "velocity" kewangan itu, kecepatan wang itu berlegar dalam ekonomi memberi sumbangan terhadap ekonomi, tentu sekali kederasan orang bergerak daripada satu tempat ke satu tempat itu, tentu sekali memberi sumbangan terhadap bukan sahaja daripada segi sosio-ekonomi, tetapi sama-sama juga memberikan sumbangan di dalam fizikal "business" iaitu mengangkut orang dari satu tempat ke satu tempat dan pada satu masa mengangkut barang-barangan dari satu tempat ke satu tempat.

Jadi dengan itu saya mohon menyokong soal peruntukan di peringkat Jawatankuasa Kementerian Kerjaraya ini dan saya mengucapkan berbanyak terima kasih.

Tuan Pengerusi (Tuan Mohamed Amin bin Haji Daud): Saya jemput Yang Berhormat Timbalan Menteri Kementerian Kerjaraya menjawab.

3.46 ptg.

Timbalan Menteri Kerjaraya (Tuan Mustaffa bin Mohammad): Tuan Pengerusi, terlebih dahulu saya mengucapkan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah mengemukakan komen-komen dan cadangan-cadangan ke atas Kementerian Kerjaraya semasa membahaskan Rang Undang-undang Perbekalan dan Anggaran Pembangunan 1987 di peringkat

Jawatankuasa. Saya dengan ini, dengan sukacitanya menjawab komen-komen dan cadangan-cadangan tersebut untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat.

Ahli Yang Berhormat dari Petaling Jaya telah menegur terhadap tunggakan bil-bil air yang diterima oleh pengguna-pengguna air di Petaling Jaya. Sebagai contoh, ada setengah-setengah pengguna telah dikenakan bil sebanyak \$300 dan mengikut beliau adalah tidak adil untuk meminta pengguna tersebut membayarnya. Masalah ini bukan kesalahan-kesalahan mereka, tetapi adalah kesilapan dan ketidakcekapan pegawai-pegawai Jabatan Bekalan Air sendiri. Beliau seterusnya menyeru supaya Menteri Kerjaraya meminta maaf kepada pengguna-pengguna di Petaling Jaya secara umum ke atas kelemahan pihak Kementerian.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat sukalah saya menyatakan di sini terlebih dahulu bahawa perkara operasi dan penyelenggaraan bekalan air termasuk pengeluaran bil-bil adalah tanggungjawab tiap-tiap negeri di negara ini. Mengenai tunggakan bil-bil air yang terdapat di Petaling Jaya.....

Dr Eng Seng Chai: (*Bangun*)

Tuan Pengerusi (Tuan Mohamed Amin bin Haji Daud): Yang Berhormat, ada yang bangun, boleh beri jalan?

Tuan Mustaffa bin Mohammad: Ya.

Dr Eng Seng Chai: Tuan Pengerusi, saya sedar pungutan wang bayaran bil adalah perkara Negeri, tetapi apa yang saya sebutkan adalah masalah tunggakan ini ditimbulkan selepas ibu pejabat Jabatan Bekalan Air menggunakan satu komputer. Itulah tempat tertumpunya semua masalah

kepada ibu pejabat Jabatan Bekalan Air. Saya harap dia faham apa yang saya timbulkan.

Tuan Mustaffa bin Mohammad: Tuan Pengerusi, saya faham tentang masalah itu. Walaupun begitu, berilah saya peluang untuk menjelaskannya dahulu.

Tuan Pengerusi, mengenai tunggakan bil-bil air yang terdapat di Petaling Jaya, saya telah difahamkan bahawa masalah-masalah tersebut berpunca dari bertambahnya pengguna-pengguna di Selangor dan Wilayah Persekutuan dan juga ketiadaan sistem akaun yang baik untuk mengendalikan akaun-akaun yang bertambah.

Dalam perkara ini, Jabatan Bekalan Air Selangor sekarang ini telah menggunakan sistem komputer untuk mengatasi masalah pengeluaran bil tersebut. Oleh kerana terdapat masalah-masalah awalan dalam pelancaran sistem komputer ini, maka ada bil-bil yang dikeluarkan dalam tahun-tahun 1981, 1982 dan 1983 yang akaun-akaunnya tidak dikemaskini. Oleh sebab itu terdapat sebilangan bil yang menunjukkan tunggakan yang besar yang telah dicampurkan dengan bil-bil semasa. Saya harap penerangan ini betul, Ahli Yang Berhormat—betul begitu ya?

Dr Eng Seng Chai: Minta penjelasan.

Tuan Mustaffa bin Mohammad: Saya cuma bertanya betulkah begitu?

Dr Eng Seng Chai: Tuan Pengerusi, saya minta penjelasan.

Tuan Pengerusi (Tuan Mohamed Amin bin Haji Daud): Dia minta penjelasan, tak faham lagi.

Dr Eng Seng Chai: Saya hendak beri satu contoh. Misalnya, saya seorang tuannya rumah dan rumah ini saya

sewa pada tahun 1981, 1982 dan 1983. Penyewa itu tidak bayar bil air dan tindakan pun tidak diambil oleh Jabatan Bekalan Air untuk memotong bekalan itu dan penyewa ini sudah pun pindah selepas tahun 1983. Saya pindah masuk dalam tahun 1984/1985 dan tiap-tiap dua bulan saya ada bayar bil itu, tetapi sekarang dalam tahun 1986 saya terima satu bil mengatakan tunggakan bagi 1981, 1982, 1983 tidak dibayar. Siapa yang salah? Saya bertanya, adakah saya yang salah, adakah orang penyewa yang salah atau adakah ini satu kesalahan atau satu kesilapan Jabatan Bekalan Air? Dan jika mengaku adalah salah Jabatan Bekalan Air, bolehkah suruh saya sekarang buat pembayaran? Itu saya hendak minta penjelasan.

Tuan Mustaffa bin Mohammad: Saya telah akui tentang kesilapan itu tadi, Tuan Pengerusi, sebagai masalah-masalah awalan dalam pelancaran sistem komputer yang baru diperkenalkan dan oleh itu terdapatlah kesilapan-kesilapan sebagaimana yang disebutkan oleh Ahli Yang Berhormat itu. Oleh itu, terdapat bilangan bil yang menunjukkan tunggakan yang besar yang telah dicampurkan dengan bil-bil semasa. Dalam hal ini, sukalah saya nyatakan kepada Ahli Yang Berhormat bahawa saya telah difahamkan juga bahawa masalah-masalah awalan yang dihadapi dalam penggunaan komputer itu telah dapat diatasi sekarang, alhamdulillah. Jadi masalah-masalah yang dibangkitkan itu hari ini sudah tidak menjadi masalah lagi. Akaun di dalam bil-bil air itu telah dikemaskinikan dan dapat ditunjukkan secara terperinci mengenai akaun semasa dan juga tunggakan-tunggakan pada tahun 1981, 1982 dan 1983. Dengan keadaan demikian, pengguna-pengguna bolehlah menyemak bil-bil tersebut dan mana-mana bil-bil yang didapati tidak betul, bolehlah diperbetulkan dengan Jabatan Bekalan Air.

Saya harap dengan penjelasan ini pihak pengguna.....

Dr Eng Seng Chai: (*Bangun*)

Tuan Pengerusi (Tuan Mohamed Amin bin Haji Daud): Dia hendak jelaskan lagi.

Tuan Mustaffa bin Mohammad: Hendak minta penjelasan lagi?

Tuan Pengerusi (Tuan Mohamed Amin bin Haji Daud): Tak puas hati, barangkali.

Tuan Mustaffa bin Mohammad: Sila.

Dr Eng Seng Chai: Tadi yang saya sebut sebagai satu contoh, sebenarnya adalah kes sebegini. Tetapi Yang Berhormat Timbalan Menteri pun tidak beri satu jawapan yang tepat, dia sudah jauhkan diri daripada itu dan sebut-sebut dengan secara am sahaja, penyelesaian am. Saya sudah kata memang ada dapat banyak kes, sebagaimana yang saya sebut tadi. Apakah satu penyelesaian yang dia akan beri atau Jabatan Bekalan Air akan beri? Tidaklah guna di sini atau di Pejabat Pengarah Bekalan Air sebut kepada saya, "Kita akan meneliti kes satu antara satu," tetapi tidak dapat penjelasan. Sampai hari ini pun dia disuruh, dipaksa membayar. Itu saya kata tidak adil.

Tuan Mustaffa bin Mohamad: Mengenai kes-kes tertentu itu, saya rasa boleh dirujuk ke Jabatan Air dan sebagaimana saya sudah jelaskan tadi, bolehlah perkara ini diberikan pertimbangan yang sewajarnya, Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi (Tuan Mohamed Amin bin Haji Daud): Teruskan.

Tuan Mustaffa bin Mohamed: Tuan Pengerusi, saya harap dengan penjelasan ini pihak pengguna dapat memahami keadaan sebenar mengenai masalah tunggakan-tunggakan bil air

yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat itu dan memberi kerjasama untuk menyelesaikan akaun bil-bil tersebut dengan seberapa segera yang boleh. Saya juga telah diberitahu bahawa Jabatan Bekalan Air Selangor boleh menimbangkan penjelasan pembayaran bil-bil tunggakan itu secara ansuran, jika dipohon oleh pengguna-pengguna.

Ahli Yang Berhormat dari Bentong telah membangkitkan perkara mengenai air bawah tanah dan ingin tahu tujuan rancangan itu diadakan dan sejauh mana kemajuan rancangan itu telah dilaksanakan. Untuk maklumat Ahli Yang Berhormat, tujuan rancangan air bawah tanah ialah untuk menambah sumber bekalan air, di samping bekalan air yang berpunca daripada sungai-sungai di negara ini. Hingga ini Kerajaan telah berjaya mendapatkan air bawah tanah di beberapa negeri, seperti di Kelantan, Perlis, Kedah dan Terengganu.

Ahli Yang Berhormat dari Kepong telah bertanya mengenai bentuk penswastaaan bekalan air yang akan dilaksanakan di Selangor, iaitu sama ada bentuk itu adalah secara pemilikan ataupun kontrak. Beliau juga ingin tahu bagaimana sebahagian bekalan air itu dapat diswastakan tanpa menjejaskan kepentingan rakyat.

Mengenai penswastaaan bekalan air Selangor itu, saya telah difahamkan bahawa Kerajaan Selangor telah menimbang cadangan untuk menswastakan operasi loji pembersihan air Sungai Semenyih. Bentuk penswastaaan yang sedang dipertimbangkan ialah secara kontrak operasi dan penyelenggaraan loji pembersihan air kepada sektor swasta. Mengikut cara penswastaaan ini, Kerajaan Negeri Selangor akan membayar kontraktor bekalan jumlah air yang dibekalkan daripada loji

pembersihan air. Saya telah difahamkan bahawa syarat-syarat kontrak tersebut secara terperinci belum lagi ditentukan.

Sukalah saya mengambil kesempatan di sini untuk menyakinkan Ahli Yang Berhormat bahawa perkhidmatan yang akan diberikan kepada pengguna-pengguna di negeri Selangor tidak akan berkurangan hasil daripada penswastaaan tersebut. Ini akan dapat dipastikan dengan cara mengesan dengan rapi perjalanan penswastaaan ini oleh Jabatan Bekalan Air Selangor.

Dr Tan Seng Giaw: (*Bangun*)

Tuan Pengerusi (Tuan Mohamed Amin bin Haji Daud): Yang Berhormat, ada yang bangun.

Dr Tan Seng Giaw: Tuan Pengerusi, penjelasan. Yang pertama, dengan adanya secara kontrak ini, adakah dipelawakan tender-tender daripada pihak yang berkenaan ataupun ini khasnya untuk satu syarikat sahaja sebelum diadakan penswastaaan ini.

Yang keduanya, adakah ura-ura dan cadangan untuk mengadakan penswastaaan di dalam loji-loji yang lain, seperti di Batu dan sebagainya?

Tuan Mustaffa bin Mohamed: Cara menawarkan penswastaaan ini belum lagi ditentukan dan rancangan untuk menswastakan loji-loji lain juga belum dapat diketahui.

Ahli Yang Berhormat dari Lembah Pantai ingin memohon aliran New Klang Valley Expressway dipinda supaya tidak melibatkan tanah-tanah simpanan Melayu. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat dari Lembah Pantai, pihak Lembaga Lebuhraya Malaysia akan mengkaji bahagian-bahagian aliran New Klang Valley Expressway yang dimaksudkan itu dan melibatkan kemungkinan lebuhraya tersebut boleh diubahsuai bagi

menentukan tanah-tanah simpanan Melayu adalah terlibat hanya secara minima sahaja.

Ahli Yang Berhormat dari Sungai Petani ingin tahu mengenai kemudahan tandas awam di Plaza-plaza Tol di sepanjang lebuh raya. Untuk makluman Yang Berhormat, tandas ada disediakan untuk kakitangan Lembaga Lebuh raya di tiap-tiap Plaza Tol dan tandas ini boleh juga digunakan oleh orang awam sekiranya terdapat kecemasan. Selain daripada itu, tandas-tandas ada dibina di kawasan-kawasan rihat yang terdapat di sepanjang lebuh raya dan bagi kawasan-kawasan rihat yang sedang dalam pembinaan, kemudahan tandas juga disediakan untuk keperluan orang-orang awam.

Ahli Yang Berhormat dari Kepong ingin mendapat penjelasan sama ada wang pinjaman yang dibuat oleh Lembaga Lebuh raya Malaysia dapat dibayar balik oleh Kerajaan. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kerajaan merasa yakin bahawa semua pinjaman yang diambil oleh Lembaga Lebuh raya itu boleh dibayar balik.

Ahli Yang Berhormat

Dr Tan Seng Giaw: (*Bangun*)

Tuan Pengerusi (Tuan Mohamed Amin bin Haji Daud): Yang Berhormat, ada orang bangun.

Dr Tan Seng Giaw: Tuan Pengerusi, yang kita hendak tahunya cara-cara untuk membayar balik sama ada melalui pungutan daripada Plaza-plaza Tol ataupun melalui cara yang lain ataupun hendaklah semua rakyat membayar cukai supaya membayar balik. Apakah caranya?

Tuan Mustaffa bin Mohamed: Sebahagian daripadanya adalah daripada kutipan tol mungkin, dan sebahagiannya adalah menjadi tanggungan Kerajaan yang terpaksa dibayar.

Ahli Yang Berhormat dari Pasir Mas ingin meminta penjelasan mengenai projek-projek di bawah Butiran 00600. Untuk makluman Yang Berhormat dari Pasir Mas, Butiran 00600 adalah dikhaskan untuk projek-projek jalan raya yang sedang dalam pembinaan pada masa sekarang, iaitu projek jambatan menyeberangi Sungai Perak di Telok Intan dan juga projek Jalan raya Timur/Barat, Fasa 2, Bahagian Timur, daripada Jeli ke Pasir Puteh.

Selanjutnya Ahli Yang Berhormat juga ingin mengetahui bilakah Jambatan Pasir Mas, Kelantan akan dibina memandangkan Jambatan Sultan Yahya Putera yang sekarang ini sedang diperbaiki. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, reka bentuk untuk Jambatan Pasir Mas telah siap dibuat dan tawaran dijangka akan dipanggil pada awal tahun 1987.

Mengenai Jambatan Sultan Yahya Putera, kerja-kerja pembaikan telah siap dilaksanakan. Walau bagaimanapun, penggunaan jambatan tersebut adalah terhad kepada kenderaan yang tidak melebihi 11 tan sahaja. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat juga, satu jambatan alternatif juga sedang dibina iaitu di Kursial ke Tanah Merah yang juga menyeberangi Sungai Kelantan.

Ahli Yang Berhormat dari Pasir Mas juga ingin mengetahui butir-butir untuk projek di bawah Butiran 02100 iaitu Memulih dan Menggantikan Jambatan Lalulintas Keretapi. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, bagi tahun 1987 hanya terdapat satu projek sahaja di bawah Butiran 02100 iaitu Memulih dan Mengganti Jambatan Lalulintas Keretapi iaitu projek jambatan yang melintasi jambatan keretapi di Asam Kumbang, Taiping yang dijangka siap pada akhir tahun 1987 ini. Cadangan untuk projek-projek di tempat lain akan dipertimbangkan dari semasa ke semasa.

Ahli Yang Berhormat dari Kuantan ingin meminta penjelasan tentang penggunaan istilah "lebuhraya" atau "expressway", "jalanraya" dan "jalan raya luar bandar". Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, apa yang dimaksudkan dengan lebuhraya (expressway) ialah jalan raya yang mempunyai taraf tertinggi yang mana mempunyai ciri-ciri seperti berikut:

- (i) Lalulintas dua hala yang berasingan atau, dengan izin, dual-carriage way;
- (ii) Perjalanan keluar masuk yang dikawal; dan
- (iii) Hanya mempunyai per-simpangan bertingkat—sebagai contoh Lebuhraya Alor Star/ Gurun yang dibuka baru-baru ini.

Selain daripada itu, jalan-jalan raya utama pula ditakrifkan sebagai jalan raya yang tarafnya lebih rendah daripada taraf lebuhraya dan tidak mempunyai ciri-ciri lebuhraya seperti yang dinyatakan sebentar tadi. Sebagai contoh, Jalan raya Timur/ Barat dan Jalan raya Kuala Lumpur/ Karak yang mana istilah ini telah digunakan secara longgar sebagai lebuhraya. Penggunaan istilah-istilah ini akan diperkemaskan lagi di masa-masa hadapan untuk mengelakkan kekeliruan. Jalan-jalan luar bandar pula adalah dimaksudkan bagi jalan-jalan yang menghubungkan jalan masuk atau jalan perkampungan di kawasan-kawasan luar bandar.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, peruntukan bagi jalan luar bandar adalah bukan di bawah bidang kuasa Kementerian Kerjaraya, tetapi adalah di bawah bidang kuasa Kementerian Pembangunan Negara dan Luar Bandar.

Ahli Yang Berhormat dari Rajang ingin mengetahui kenapa jalan raya daripada Simpang Sarikei ke Simpang

Binatang diturap semula, sedangkan peruntukan untuk turapan itu boleh diberi kepada projek-projek lain.

(Timbalan Yang di-Pertua *mem-pengerusikan Jawatankuasa*)

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat itu, kerja-kerja turapan tersebut dilaksanakan bagi menaikkan taraf jalan tersebut ke taraf 24 kaki, berbanding dengan keadaan yang sedia ada iaitu 18 kaki. Memandangkan jalan raya ini adalah sebahagian daripada jalan besar atau, dengan izin, trunk road dan juga lalulintas adalah agak sibuk serta meningkat; oleh yang demikian, penglebaran jalan ini adalah didapati wajar.

Ahli Yang Berhormat dari Betong, Sarawak ingin mengetahui sama ada pihak Kementerian Kerjaraya bercadang untuk menswastakan jalan-jalan raya di Sarawak. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian Kerjaraya belum bercadang untuk menswastakan projek-projek jalan raya di Sarawak, memandangkan jumlah kenderaan yang tidak begitu banyak yang menjadikan projek penswastaaan ini sebagai satu projek yang viable.

Ahli Yang Berhormat dari Betong juga ingin mengetahui berapa banyakkah projek-projek yang telah ditender di Sarawak dan mengapakah projek jalan raya daripada Simpang Batu Lintang ke Sarikei selalu terputus dalam musim hujan.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pada tahun 1986, sebanyak 3 projek utama telah ditender yang mana termasuk projek Jalan raya Simpang Batu Lintang ke Sarikei. Jalan Simpang Batu Lintang ke Sarikei selalu terputus di musim hujan kerana jalan raya tersebut belum lagi diturap. Apabila kerja-kerja projek ini selesai kelak, saya

yakin jalan raya ini akan menjadi lebih baik dan masalah yang dihadapi dijangka akan berkurangan.

Seterusnya beliau juga ingin tahu tentang kemampuan JKR Sarawak dalam melaksanakan penyenggaraan jalan.

Mengenai perkara ini, JKR Sarawak memang mampu mengendalikan kerja-kerja penyenggaraan jalan. Walau bagaimanapun, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian Kerjaraya sedang merancang untuk meningkatkan keupayaan ini dengan mencadangkan program latihan kakitangan dan penyenggaraan jalan untuk mengatasi masalah tersebut. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, di bawah Butiran 04600 terdapat peruntukan sebanyak \$4 juta bagi tahun 1987 khusus untuk tujuan tersebut.

Ahli Yang Berhormat dari Rajang ingin tahu mengenai bagaimana keutamaan yang diberikan terhadap pembinaan jalan-jalan raya bagi negara Sarawak. Untuk makluman Yang Berhormat, bagi sistem jalan raya di seluruh negeri Sarawak, Kementerian Kerjaraya bersama-sama dengan Kementerian Pembangunan Infrastruktur Negeri Sarawak dan Jabatan Kerajaan Negeri Sarawak telah merancang secara keseluruhannya bagi pembinaan jalan-jalan raya di seluruh negeri Sarawak. Bagaimanapun, memandangkan peruntukan kewangan yang tidak mencukupi, keutamaan adalah diberi seperti berikut:

- (i) terhadap pembinaan sistem jalan raya utama atau, dengan izin, first trunk road, daripada Lundu ke Kuching, Sibu ke Miri dan ke sempadan Sabah di Sindumin yang mana objektif utama adalah untuk menggalakkan perhubungan di antara bandar-bandar besar

dan pelabuhan khususnya dalam tahun 1987 ini untuk bahagian jalan raya Miri/Bintulu;

- (ii) bagi pembinaan sistem Lebuhraya Pan Borneo yang mana akan menghubungkan sempadan Sabah dan Sarawak menerusi Brunei. Di samping itu ianya termasuk juga projek jalan raya yang menghubungkan sempadan Sarawak dengan Indonesia iaitu jalan raya Serian/Tebeduk sempadan Indonesia;
- (iii) terhadap pembinaan jalan raya lain yang menghubungkan ke jalan raya utama dan jalan raya ke kawasan pedalaman termasuk penggantian jambatan-jambatan sementara.

Keutamaan peruntukan yang diberikan ini adalah untuk jalan-jalanraya yang diisytiharkan sebagai jalan Persekutuan manakala jalan-jalan raya yang lain adalah di bawah bidang kuasa Kerajaan Negeri Sarawak dan lain-lain Agensi Kerajaan.

Ahli-ahli Yang Berhormat dari Rajang dan Serian telah membangkitkan tentang peruntukan jalan-jalan raya Sarawak yang terlalu umum yang tidak mengandungi butiran-butiran lanjut bagi menjelaskan projek-projek sebenar di bawah Butiran 04000 dan 04300. Dengan sukacitanya saya mengakui bahawa terdapat perbezaan sedikit daripada tahun-tahun yang sudah tentang butiran-butiran ini dan oleh kerana butiran-butiran ini agak panjang, Tuan Pengerusi, saya mohon izin untuk membekalkan butiran-butiran ini kepada kedua-dua Ahli Yang Berhormat itu di luar Dewan ini.

Tuan Pengerusi (Tuan D. P. Vijandran): Boleh, teruskan.

Tuan Mustaffa bin Mohammad: Terima kasih, Tuan Pengerusi.

Ahli Yang Berhormat dari Rajang dan Serian juga ingin mengetahui apakah perbezaan di antara jalanraya besar dan jalan raya Pembangunan. Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat, jalan raya besar, atau dengan izin, trunk road, adalah dimaksudkan bagi jalan raya tulang belakang bagi negeri Sarawak yang menghubungkan daripada pusat perdagangan dan ibu pejabat berkenaan seperti Seri Aman, Sarikei dan Limbang. Jalan raya tersebut mempunyai standard minimum luas jalan raya 24'; 10' bahu dan 150' reserve jalan. Apa yang daimaksudkan dengan jalan-jalan pembangunan pula ialah jalan-jalanraya yang menghubungkan pusat penduduk yang mempunyai potensi untuk membangunkan kawasan berkenaan yang mana telah dikenalpasti oleh Kerajaan Negeri Sarawak sendiri.

Ahli Yang Berhormat dari Serian telah meminta penjelasan tentang jalan raya dari Serian/Tebeduk di sempadan Indonesia dan sama ada jalan raya tersebut dibina dalam kawasan tanah orang-orang kenamaan sahaja. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat dari Serian, jalan raya Serian/Tebeduk ke sempadan Indonesia adalah dibina untuk menghubungi ke daerah sempadan yang mana adalah merupakan keutamaan Kementerian. walau bagaimanapun, projek tersebut belum lagi dapat disiapkan memandangkan keadaan keselamatan di kawasan sempadan tersebut. Sekiranya jalan raya tersebut melintasi kawasan tanah orang-orang kenamaan, perkara ini adalah secara kebetulan sahaja.

Tuan Pengerusi, sekali lagi saya

Tuan Lainus Anak Andrew Luwak (Serian): Tuan Pengerusi, saya minta penjelasan, kerana apa yang disentuh oleh saya kelmarin ialah jalan raya bukannya dari Serian hingga ke

Tebeduk tetapi apa yang saya maksudkan ialah dari bulatan dekat Jabatan Daerah Serian hingga ke Tebekang, jalan itu melintasi tanah orang kenamaan yang berongkos banyak tetapi belum lagi jadi. Yang saya maksudkan bukankah baik wang yang \$1.5 juta itu digunakan untuk membuat atau memperbaiki jalan raya yang ada dari Serian hingga ke Tebekang terus ke Tebeduk daripada membina jalan raya yang baru itu?

Tuan Mustaffa bin Mohamad: Tuan Pengerusi, saya sendiri pun tidak begitu jelas tentang masalah yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat itu. Saya suka mencadangkan adalah lebih baik sekiranya Ahli Yang Berhormat datang berjumpa saya, saya boleh menjelaskan perkara itu selepas sidang ini nanti.

Tuan Pengerusi, sekianlah sahaja komen-komen dan cadangan-cadangan yang sempat saya jawab dan bagi perkara-perkara yang tidak sempat saya jawab, Kementerian saya akan mengambil perhatian dan jika perlu tindakan yang sewajarnya akan diambil.

Tuan Pengerusi: Ahli-ahli Yang Berhormat, masalahnya ialah bahawa wang sejumlah \$325,988,000 untuk Maksud B.55 di bawah Kementerian Kerjaraya jadi sebahagian daripada Jadual hendaklah disetujui.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Wang sebanyak \$325,988,000 untuk Maksud B.55 diperintahkan jadi sebahagian daripada Jadual.

Tuan Pengerusi: Masalahnya ialah bahawa perbelanjaan sebanyak \$1,257,557,980 yang disebutkan dalam Maksud P.55 dalam Anggaran Pembangunan, 1987 hendaklah diluluskan.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Wang sebanyak \$1,257,557,980 untuk Maksud P.55 diluluskan jadi sebahagian daripada Anggaran Pembangunan, 1987.

Maksud B.56 (Jadual)—

Maksud P.56 (Anggaran Pembangunan 1987)—

Tuan Pengerusi (Tuan D. P. Vijandran): Ahli-ahli Yang Berhormat, Maksud Bekalan B. 56 dan Maksud Pembangunan P.56 di bawah Kementerian Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah terbuka untuk dibahas. Yang Berhormat dari Jempol.

4.19 ptg.

Tuan Haji Mohd. Khalid bin Mohd. Yunus (Jempol): Tuan Pengerusi, saya suka merujuk kepada muka surat 262, Maksud B.56, Butiran 00100—Lembaga Kemajuan Tanah Persekutuan.

Tuan Pengerusi, kita berasa bangga di atas keupayaan dan pencapaian yang telah dibuat oleh FELDA untuk membuka tanah-tanah dalam usaha memberi tanah kepada rakyat yang tidak mempunyai tanah. Dalam masa yang sama, saya suka menarik perhatian kepada beberapa perkara yang saya kira cukup penting bagi memastikan kesempurnaan program-program pembukaan tanah yang dilakukan oleh Kerajaan sekarang ini.

Ada beberapa perkara yang saya suka menarik perhatian pihak FELDA terutama sekali ialah tentang soal kemasyarakatan masyarakat FELDA. Sebagai tempat yang baru banyak perkara-perkara, terutama sekali melibatkan kemudahan-kemudahan asas yang perlu pada pandangan saya diberikan penelitian dan diambil tindakan bagi menghindar berlakunya perkara-perkara yang tidak sihat dan tidak diinginkan di kalangan masyarakat FELDA. Kita maklum dahulu kita mengamalkan sistem hakmilik di

kalangan peneroka tetapi sejak akhir-akhir ini kita telah mula melaksanakan sistem saham di kalangan peserta-peserta baru.

Saya suka menarik perhatian pihak yang berkenaan supaya kefahaman tentang pelaksanaan sistem saham ini diberikan lebih banyak lagi penerangan-penerangan dan penjelasan-penjelasan kepada peserta-peserta yang masuk dalam FELDA kerana sekarang ini di kawasan saya ada 34 rancangan FELDA dan hampir separuh daripada rancangan-rancangan itu telah mula dimasuki peserta-peserta dan kira-kira separuh daripada rancangan itu nanti melibatkan pelaksanaan sistem saham. Sejak sistem ini mula dilaksanakan, kedatangan reaksi-reaksi yang tidak begitu menyenangkan di kalangan peserta-peserta tersebut. Saya fikir ini disebabkan oleh kerana kurangnya penerangan-penerangan, penjelasan-penjelasan yang diberikan kepada mereka itu. Oleh kerana itu saya kira untuk kebaikan Kerajaan dan juga peserta-peserta itu ada baiknya soal kefahaman tentang sistem saham ini patut dipertingkatkan penjelasannya.

Kedua, saya juga suka menarik perhatian pihak-pihak yang berkenaan tentang proses dan cara-cara pelaksanaan penyaluran kemudahan-kemudahan asas di dalam rancangan-rancangan FELDA baik yang telah lama ataupun yang sedang kita hendak salurkan kemudahan-kemudahan itu.

Tuan Pengerusi, saya maklum akan cara-cara ataupun proses penyaluran kemudahan-kemudahan asas tersebut, tetapi dalam masa yang sama saya harap sangat kepada pihak yang berkenaan supaya dapat mempertimbangkan usaha-usaha dan kerja-kerja untuk memberikan kemudahan asas ini baik dari segi

kemudahan asasnya, apinya, jalanrayanya ataupun kemudahan-kemudahan kesihatan dan kemudahan-kemudahan keselamatannya. Jadi banyak daripada kemudahan-kemudahan asas ini mempunyai hubung-kait yang amat rapat dengan keselesaan, kesempurnaan dan ketenangan di kalangan masyarakat FELDA baik yang lama ataupun yang baru, terutama sekali bagi kawasan-kawasan yang baru. Sekarang ini kedapatan begitu ketara dan mendesak kemudahan-kemudahan yang perlu diadakan di tengah-tengah kawasan itu terutama sekali seperti soal persekolahan.

Kedapatan terutamanya sekali di kawasan saya sekarang ini kemudahan-kemudahan begitu kurang dan terpaksa Kerajaan mengadakan sekolah-sekolah darurat ataupun sekolah-sekolah sementara, tetapi saya harap pelaksanaan atau kemudahan persekolahan ini juga dapat ditambah kerana bilangan bilik-bilik darjah yang ada sekarang ini sudah tidak dapat lagi hendak menampung bilangan murid-murid yang kian meningkat di kalangan peserta-peserta FELDA ini.

Tuan Pengerusi, saya percaya walaupun saya lihat peruntukan untuk tahun 1987 dari segi hendak membekalkan ataupun menyalurkan kemudahan-kemudahan asas ini terhad, namun begitu, saya berharap sangat kepada pihak yang berkenaan supaya dapat ditingkatkan penyelarasan di kalangan agensi-agensi yang berkaitan dan dicari jalan bagaimana dan cara mana usaha-usaha untuk meningkatkan penyaluran kemudahan-kemudahan itu disempurnakan dengan sebaik yang mungkin.

Tuan Pengerusi, saya juga suka menarik perhatian pihak yang berkenaan tentang kemudahan-kemudahan perniagaan di dalam kawasan-kawasan FELDA. Kita sudah agak lama mendengar tentang

usaha-usaha yang hendak dibuat oleh FELDA bagi menyediakan kemudahan-kemudahan perniagaan atau tempat-tempat perniagaan ini di kalangan masyarakat FELDA. Ini saya kira amat penting kerana kita maklum sebahagian besar daripada pendapatan di kalangan masyarakat FELDA ataupun peserta-peserta FELDA sekarang ini melimpah keluar. Hasrat kita ialah untuk melihat supaya apa juga bentuk wang yang ada di dalam masyarakat FELDA itu dapat dipusingkan di tengah-tengah mereka itu sendiri dengan cara kemudahan-kemudahan itu mestilah disediakan dari satu masa ke semasa mengikut kemampuan dan keupayaan kita.

Saya perhatikan tempat-tempat ini ada, tetapi telah sekian lama terbiar begitu sahaja dengan tidak ada tanda-tanda untuk dilaksanakan oleh pihak yang berkenaan. Kalau sekiranya pihak FELDA menghadapi masalah kewangan, saya suka memberi pandangan supaya dirundingkan, dicari jalan kalau boleh, soal hendak menyediakan kemudahan-kemudahan perniagaan di dalam kawasan FELDA ini yang dianggap "new growth centres", dengan izin, dapat diswastakan menerusi cara-cara yang saya fikirkan munasabah dengan kita mengubahsuaikan apa juga peraturan-peraturan yang perlu diubahsuaikan kerana saya faham, saya maklum iaitu soal tanah itu amat memberikan makna yang cukup besar apabila kita hendak menggunakannya untuk apa-apa juga program.

Satu lagi perkara yang saya suka menarik perhatian pihak FELDA ialah tentang kedapatan juga begitu banyak tanah-tanah yang terbiar terutama sekali di dalam kawasan kampung atau kediaman peserta-peserta FELDA ini. Saya maklum di dalam FELDA ada berbagai-bagai jentera yang disediakan terutama sekali menerusi Jawatankuasa Kemajuan dan Keselamatan

Rancangan yang mempunyai pula berbagai-bagai jenis biro dan badan-badan yang lain, yang semuanya bertujuan untuk hendak membawa ataupun membolehkan peserta-peserta di dalam FELDA memadukan tenaga dan pemikiran mereka untuk merencana dan melaksanakan kegiatan-kegiatan yang boleh memberi manfaat kepada kehidupan mereka itu. Namun demikian, oleh kerana soal tanah ini ada hubung-kaitnya dengan soal undang-undang dan aturan serta peraturan, saya harap kepada FELDA supaya soal cara-cara hendak memajukan ataupun memastikan tanah-tanah yang banyak terbiar di kawasan-kawasan FELDA ini dapat dirundingkan dan dimajukan, sebab saya juga faham, agensi-agensi yang lain terutama sekali seperti Jabatan Pertanian, Pertubuhan Peladang Kawasan tidak dapat memasuki dan memajukan kawasan-kawasan ini kerana kawasan-kawasan itu adalah di bawah pentadbiran FELDA itu sendiri. Namun demikian saya percaya kalau sekiranya ada hasrat daripada semua belah pihak untuk memastikan kegunaan tanah itu dapat diuruskan dengan baik, saya yakin soal tanah yang kedapatan juga terbiar di dalam kawasan-kawasan FELDA ini dapat dimajukan untuk dimanfaatkan kepada peserta-peserta tersebut, tambahan pula di tengah-tengah

Tuan Pengerusi (Tuan D. P. Vijandran): Satu minit lagi Yang Berhormat.

Tuan Haji Mohd. Khalid bin Mohd. Yunus: Terima kasih, Tuan Pengerusi di tengah-tengah keadaan dan suasana ekonomi yang meleset sekarang ini.

Tuan Pengerusi, satu lagi perkara yang suka saya tarik perhatian ialah soal generasi kedua di dalam FELDA. Kita maklum usaha Kerajaan untuk menempatkan peneroka FELDA itu telah berjaya setakat ini. Masalahnya

ialah Kerajaan sekarang, Kerajaan-kerajaan Negeri; saya cuma boleh bercakap bagi pihak Kerajaan Negeri saya sahaja, Tuan Pengerusi, kita sudah tidak mempunyai lagi tanah untuk diberikan kepada agensi-agensi Kerajaan untuk tujuan pembukaan rancangan tanah yang besar-besar seperti di masa-masa yang lampau.

Jadi soal generasi kedua di dalam FELDA ini, adalah satu perkara yang amat penting kerana sekarang ini mula kedapatan, terbitnya masalah-masalah sosial, masalah-masalah penyalah-gunaan dadah, masalah-masalah dan lain-lain yang berlaku di dalam masyarakat-masyarakat FELDA dan saya perhatikan kebanyakan daripada insiden-insiden itu berlaku di kalangan anak-anak peneroka-peneroka FELDA itu sendiri.

Dan saya percaya kalau sekiranya soal masa depan generasi kedua di dalam FELDA ini dapat direncanakan sudah pasti ini akan memberikan satu penawar yang cukup baik bagi mereka, bagi menghadapi pula masa depan yang lebih yakin lagi.

Tuan Pengerusi, pada kesimpulannya, kita boleh berbangga dengan kemampuan FELDA dalam membuka atau memajukan tanah-tanah, tetapi apa yang berlaku kepada peserta itu dan masyarakat yang ada di dalam satu-satu rancangan itu amat penting diambil tindakan dan dirancangkan seterusnya oleh Kerajaan terutama sekali yang ada hubung kaitnya dengan generasi kedua yang suka juga saya tekankan kerana mereka ini kian bertambah bilangannya. Dan saya suka juga memberi pandangan, kalau boleh diwujudkan satu jawatankuasa khas di dalam FELDA itu sendiri untuk memberikan penelitian tentang soal-soal yang ada hubung kaitnya dengan bagaimana dan cara mana kita hendak menghadapi masalah generasi kedua di dalam FELDA ini dan dalam masa

yang sama mengambil kira dan menampung keperluan-keperluan yang perlu di tengah-tengah masyarakat FELDA itu supaya dapat dihindarkan daripada berlakunya kejadian-kejadian yang tidak diinginkan dari satu masa ke satu masa apabila kita sudah dapat menyalurkan keperluan-keperluan yang betul-betul dikehendaki oleh mereka itu.

Tuan Pengerusi, sekian, terima kasih.

Tuan Pengerusi (Tuan D. P. Vijandran): Yang Berhormat dari Padang Terap.

4.34 ptg.

Dato' Dr Affiuddin bin Haji Omar (Padang Terap): Tuan Pengerusi, saya merujuk kepada muka surat 261 Butiran 060000, Butiran 070000, 100000, 110000, 130000, 140000 dan 150000 sekaligus mengenai tajuk Bekalan B.56 iaitu di atas Lembaga-lembaga Kemajuan Wilayah yang mana saya akan menyebut secara pendek sabagai LKW.

Tuan Pengerusi, Lembaga-lembaga Kemajuan Wilayah yang sebanyak tujuh buah di negara ini adalah vehicle pembangunan secara atau menyeluruh, atau wholistic, dengan izin. Pendekatan pembangunan secara ini patut diperkembangkan lagi untuk memastikan bahawa suatu hasil pembangunan yang seimbang dapat dicapai.

Di dalam konsep pembangunan wilayah, penekanan yang sama mesti diberi kepada pertumbuhan atau "growth", dengan izin, dan pengagihan kekayaan negara khususnya ke dalam sektor-sektor ekonomi tempatan.

Mengikut pemikiran pembangunan ekonomi pada masa ini kedua-dua faktor ini iaitu pertumbuhan dan

pengagihan adalah penting dilaksanakan bersama kerana tiap-tiap satu memberi kesan positif kepada satu dengan yang lain. Ini adalah sesuatu perubahan dari pemikiran ekonomi yang lampau yang mengandaikan bahawa pertumbuhan tidak boleh berlaku andainya pengagihan dibuat secara meluas.

Kejayaan-kejayaan pembangunan di negara dunia ketiga seperti di Korea, Taiwan dan Yugoslavia membuktikan bahawa dengan menekankan pertumbuhan dan pengagihan bersama-sama proses pembangunan ekonomi akan dapat berjalan dengan lancar. Justeru itu janganlah dipersoalkan lagi strategi pembangunan wilayah ini oleh perencana-perencana ekonomi negara.

Tuan Pengerusi, walaupun pendekatan secara pembangunan wilayah ini dibuat, saya perhatikan bahawa tiap-tiap LKW yang ada terlalu banyak menumpukan segala sumber dan tenaga kepada pembangunan pertanian. Walhal di negara kita ini sudah banyak institusi yang gigih, yang sedang menjalankan kerja pembangunan pertanian seperti FELDA, RISDA, FELCRA, MADA dan KADA. Usaha-usaha LKW yang mewujudkan estet-estet kelapa sawit, getah dan lain-lain adalah bertindih dengan agensi-agensi yang saya sebutkan tadi.

Di dalam bidang pertanian, LKW bolehlah menumpukan kepada tanaman-tanaman yang mempunyai potensi hiliran ataupun dengan izin, "dowstream potential" yang tinggi selain daripada getah dan kelapa sawit. Ataupun pihak LKW boleh menumpukan usaha pertaniannya kepada tanaman yang mempunyai nilai jualan yang tinggi dan memenuhi pesanan harian seperti sayur-sayuran. Di samping mencapai matlamat untuk mempelbagaikan pertanian negara

dan meningkatkan lagi nilai bertambah bahan pertanian ianya akan memastikan bahawa aliran pendapatan yang cepat didapati oleh kaum tani miskin.

Tuan Pengerusi, yang paling penting bagi LKW untuk menumpukan perhatiannya ialah kepada pembangunan perindustrian khususnya industri yang menggunakan bahan-bahan tempatan. Dengan wujudnya Pelan Induk Perindustrian Negara semua ketujuh-tujuh LKW mestilah merencanakan bagaimana menyambung dan menyangkutkan wilayah-wilayah mereka kepada "corridor" industri yang direncanakan itu. "Corridor" industri di dalam Pelan Induk Perindustrian ini mesti menyedut segala sumber-sumber yang ada di LKW-LKW ini. Dengan secara ini kita akan dapat memastikan bahawa pembangunan ekonomi kita dari masa sekarang akan dicituskan dari kekuatan dalam tidak lagi bergantung kepada kariah pasaran pertanian semata-mata. Saya harap pihak Kementerian mengambil pendapat ini secara serius.

Kita tidak mahu LKW-LKW menjadi agensi pertanian semata-mata. Pembangunan pertanian di dalam negara kita yang mempunyai kemudahan sokongan yang cukup adalah proses yang senang. Tetapi pembangunan industri adalah agak susah hendak direncana dan dilaksanakan. LKW mesti berani menceburi dalam bidang industri ini. Kepimpinan LKW pula mesti keluar dari corak berpendirian "play safe".

Tuan Pengerusi, perkara yang paling selamat dan senang ialah membuka hutan dan membangun ladang kelapa sawit dan getah. Adalah tidak keterlaluan kalau saya meminta Pengurusan LKW mempunyai sikap "adventurous" sedikit di samping mempunyai dedikasi terhadap kerja.

Tuan Pengerusi, selama ini LKW-LKW diterajui oleh pegawai-pegawai pinjaman baik dari PTD ataupun lain-lain agensi-agensi Kerajaan. Justifikasi untuk ini memanglah ada pada peringkat awalan penubuhannya. Tetapi pada masa ini pegawai-pegawai LKW yang tulen telah pun mempunyai pengalaman dan kemahiran yang cukup untuk menerajui.

Saya menyeru Kerajaan memberhentikan segala pinjaman pegawai dari luar dan ini akan seterusnya menaikkan pangkat pegawai-pegawai LKW sendiri untuk menerajui dan memimpinya. Dengan ini sesuatu bentuk insentif akan wujud di kalangan pegawai-pegawai LKW kerana pada masa ini perkhidmatan mereka adalah merupakan perkhidmatan yang tertutup.

Tuan Pengerusi, di sini saya ingin mencadangkan juga supaya ketujuh-tujuh LKW ini disatukan perkhidmatannya supaya segala sumber tenaga manusia yang ada di dalamnya dapat digembelngkan. Melalui penggembelngan ini, suatu kekuatan dari dalam yang mana segala kemahiran dan keilmuan yang ada dapat dikongsi bersama. Justeru itu tidaklah LKW menjadi pulau-pulau kecil untuk pegawai dari luar berteduh dan menikmati segala kemakmuran pangkatnya sementara menanti masa untuk dinaikkan pangkat di agensi induk mereka. Kalaupun perlu pinjaman dibuat dari luar, hadkan kepada tempoh satu tahun sahaja.

Tuan Pengerusi, bercakap mengenai LKW lagi, saya ingin menarik perhatian Dewan yang mulia ini mengenai perkara pengurangan perbelanjaan. Seperti kita sedia maklum bahawa LKW ditubuhkan bukan pada kehendak kewilayahan ekonomi ataupun, dengan izin, natural economic zone. Malahnya ianya lebih kepada kehendak kewilayahan kenegerian. Misalnya wilayah yang

menjadi economic interland, dengan izin, untuk pusat perindustrian dan perdagangan Pulau Pinang ialah merangkumi Seberang Prai, Kedah, Perlis dan Perak Utara. Tetapi di sini ditubuhkan 2 LKW iaitu PERDA dan KEDA yang tidak ada kaitan pengurusan di antara mereka dan ini pun tidak merangkumi Perlis dan utara Perak. Saya berpendapat, kalau boleh dicantumkan PERDA dan KEDA, dan dalam pada itu dimasukkan Perlis di luar MADA dan juga bahagian utara Perak, alangkah banyaknya ongkos pengurusan dapat diselamatkan. Kalau kita kaji establishment kedua-dua agensi ini, kita akan dapati banyak jawatan-jawatan atasan yang boleh ditiadakan andainya percantuman dibuat.

Tuan Pengerusi (Tuan D. P. Vijandran): Satu minit lagi, Yang Berhormat.

Dato' Dr Affiuddin bin Haji Omar: Misalannya jawatan Timbalan-timbalan Pengurus Besar dan Pengurus Kanan di kedua-dua agensi ini, dengan menarik balik sebilangan jawatan-jawatan ini kita akan dapat manfaat-manfaat berikut:

- (a) meningkatkan kecekapan dan produktiviti melalui perluasan tugas dan tanggungjawab oleh jawatan Timbalan dan Pengurusan Kanan yang bilangannya dikurangkan;
- (b) mengurangkan Perbelanjaan Mengurus Tahunan secara berkesan; dan
- (c) membolehkan pemulangan balik pegawai-pegawai pinjaman dari PTD agensi lain.

Justeru itu, dapatlah pegawai-pegawai tulen LKW dinaikkan pangkat. Begitu juga manfaatnya jika dicantumkan DARA dan JENGKA.

Tuan Pengerusi, disebabkan oleh bidang aktiviti LKW pada masa ini ditumpukan kepada kawasan-kawasan

pendalaman, saya mencadangkan supaya LKW diberi tanggungjawab membina prasarana kecil dengan lebih meluas. Tidak banyak orang di negara ini sedar bahawa ada kawasan-kawasan pendalaman yang masih lagi tidak mendapat keperluan-keperluan asas seperti air paip dan jalan-jalan kecil. Malah ada kampung-kampung yang tidak dapat didatangi dengan kenderaan Land Rover, malah motosikal "Scrambler" sekali pun. Dengan adanya kemudahan pembinaan prasarana kecil di LKW ini dapatlah keperluan-keperluan asas ini diberi kepada rakyat yang masih lagi belum dapat menikmatinya selepas 30 tahun merdeka. Saya sedar bahawa kerja-kerja ini sekarang dibuat oleh Pejabat-pejabat Daerah dan Jabatan Kemajuan Negeri tetapi setakat ini pencapaiannya belum lagi menyeluruh.

Tuan Pengerusi, akhirnya saya ingin mengucapkan tahniah kepada Kementerian Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah yang sangat gigih mengkemaskinikan laporan-laporan tahunan LKW yang boleh dikatakan up-to-date. Cuma apa yang saya dapati ialah di dalam laporan-laporan itu, angka-angka mengenai bilangan rakyat yang mendapat manfaat dan nisbah kos effectiveness tidak dicatatkan. Saya harap angka-angka ini dimasukkan ke dalam laporan-laporan yang akan datang. Sekian, terima kasih.

Tuan Pengerusi (Tuan D. P. Vijandran): Ahli Yang Berhormat dari Pendang.

4.45 ptg.

Tuan Othman bin Abdul (Pendang): Saya hanya hendak ambil masa sedikit bagi membahaskan perkara di bawah B.56 Butiran 020000, muka surat 259—Pentadbiran dan Perundangan Tanah.

Sejak tahun 1984, beberapa pindaan dalam Kanun Tanah Negara telahpun dibuat dengan hasrat untuk membaiki pentadbiran dan pengurusan tanah yang biasanya menjadi suatu perkara penting kepada masyarakat luar bandar. Pada pandangan saya dalam soal ini suatu proses ataupun penyampaian penjelasan, penerangan undang-undang tanah ini haruslah disampaikan kepada masyarakat supaya mereka iaitu rakyat kampung mengetahui apakah hak mereka, kedudukan mereka sebagai seorang warganegara terhadap hal tanah ini.

Saya masih teringat bahawa banyak perkara soal tanah ini tidak dapat diselesaikan dengan mudah walaupun perkara itu memang boleh dengan mudah diselesaikan. Misalnya mengenai pemberian TOL dalam seksyen 65 Kanun Tanah Negara, soalnya boleh jadi terlalu mudah untuk diluluskan untuk diberikan TOL ini kepada pemohon, tetapi kadang-kadang bertahun-tahun untuk mendapat suatu kawasan yang dipohon oleh seorang pemohon untuk mendapat TOL tidak dapat diproses dengan baik. Ini sebagai satu contoh yang saya hendak jelas dan tunjukkan. Ini tidak termasuk lagi soal-soal penyediaan final title, dengan izin, soal survey, soal sukat menyukat tanah yang biasanya menjadi suatu rungutan yang amat panjang oleh masyarakat luar bandar. Saya berharap mintalah kepada Kementerian Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah dalam soal perundangan tanah ini supaya dapatlah mengambil bahagian, mengambil perkara ini sebagai satu perkara yang mustahak untuk menyelesaikan masalah masyarakat luar bandar.

Saya hendak merujuk satu perkara lagi dalam Chapter 3, seksyen 101 Perkara 1. Pindaan yang telah dibuat dalam tahun 1984 iaitu seksyen 101 mengenai kajian ke atas pembayaran

cukai tanah yang boleh dibuat yang perlu dibayar oleh ahli-ahli masyarakat kepada Kerajaan.

Dalam pindaan yang telah dibuat dalam seksyen 95, Kerajaan telah meminda Kanun Tanah Negara ini membolehkan kutipan cukai tanah dibuat di mana-mana sahaja dengan persetujuan ataupun tempat yang diisytiharkan oleh Pentadbir Tanah Daerah. Tetapi setelah 2 tahun sejak kita luluskan dalam tahun 1984 hingga sekarang ini, saya tidak nampak satu pun terutamanya di kawasan saya dan di negeri saya, satu tempat yang dibuka oleh Pejabat Tanah Daerah bagi memungut hasil tanah bagi memudahkan masyarakat luar bandar membayar hasil tanah kepada Kerajaan. Kalau kita meluluskan, meminda undang-undang dengan pindaan seksyen-seksyen tertentu dengan hasrat untuk memudahkan masyarakat, tetapi tidak ada pelaksanaannya, apa perlu kita buat? Lebih baik kita tidak usah pinda. Ini tujuannya untuk meminda, untuk kemudahan masyarakat. Seksyen 95 ini dipinda pada tahun 1984, saya masih ingat dengan tujuan untuk memudahkan kutipan. Jadi, saya hendak mencadangkan, menyarankan supaya perkara ini dilaksanakan dengan menyediakan, mungkin Pusat Pungutan Bergerak bagi membolehkan pungutan hasil yang tonggakannya berjuta-juta ringgit yang tidak dapat diselesaikan. Ikthtiar usaha daripada Kerajaan untuk memungut hasil tanah ini mestilah ditingkatkan. Kita tidak perlu menyalahkan masyarakat luar bandar yang kurang pengetahuan, kurang pengalaman dan tidak menjelaskan cukai tanah ini.

Tuan Pengerusi, saya hendak masuk sedikit kepada pindaan yang telah dibuat seksyen 42(1)(b) di mana tanah-tanah milik yang hanya 2.5 hektar atau satu ekar yang mempunyai syarat boleh dipindahmilikkan. Bukan saya tidak bersetuju. Dahulunya saya

mengatakan persetujuan supaya tanah-tanah ini tidak dipecahkan lebih kecil. Tetapi saya telah menyebut supaya beberapa pengecualian diberikan. Pertamanya bagi syarat kampung. Ada di dalam syarat hakmilik ialah syarat kampung. Bagi orang-orang kampung dia berhajat untuk membeli sebidang tanah yang kecil setengah ekar untuk tempatnya tinggal dan mendirikan rumah, tetapi di bawah pindaan ini kampung itu termasuk di bawah perkara pertanian, maka pembeli ini tidak dapat untuk menerima haknya itu disebabkan oleh tanah itu kurang daripada satu ekar.

Jadi bahagian ini saya minta supaya dilonggarkan, bagi syarat kampung kerana kawasan luar bandar memanglah tanah kampung ini adalah tempat tinggal bagi mereka. Untuk memohon memecah sempadan dan ubah syarat memang satu perkara yang amat sukar bagi mereka, kerana perbelanjaan yang tinggi dan juga memakan masa yang lama.

Yang keduanya, pindahmilik daripada seorang kepada seorang di dalam suatu lengkongan yang sama, iaitu di dalam surat hakmilik yang sama iaitu daripada satu keluarga kepada ahli keluarga yang lain, ataupun daripada memegang syer yang lain kepada pemegang syer yang lain di dalam undivided share itu, dibolehkan supaya tanah-tanah ini dapat dicantumkan. Perkara inipun perlulah mendapat perhatian daripada pihak Kerajaan.

Tuan Pengerusi, dalam seksyen 343 (3) dan 343 (6) Kanun Tanah Negara (Pindaan) 1984, kita mengeluarkan, kita membuat pindaan dengan membolehkan suatu salinan ataupun salinan-salinan dikeluarkan kepada pemilik-pemilik bersama dalam undivided share ini, supaya mereka dapat menggadai, mencagar ataupun menjual bahagian mereka.

Saya hendak sebutkan di dalam bahagian gadaian ini, yang sekarang ini saya telah cuba berhubung dengan Pejabat-pejabat Tanah Daerah, bagi membantu pemohon-pemohon yang cuba untuk menggadaikan bahagian mereka ini yang seharusnya boleh dilakukan dengan pindaan dalam seksyen 343 ini, tetapi tidak dapat dilakukan hingga sekarang. Mungkin lah penjelasan ini tidak sampai ke Pejabat-pejabat Daerah ataupun kurang pengetahuan mereka, iaitu Pentadbir-pentadbir Tanah Daerah, dalam usaha ini masih tidak ada lagi salinan-salinan yang dikeluarkan bagi membolehkan pemohon yang cuba untuk mendapat pinjaman daripada bank dan apa yang difahamkan bank juga tidak sanggup untuk menerima cagaran berdasarkan kepada sebahagian daripada tanah yang mungkin akan dicagarkan oleh pemohon ini. Jadi, inilah saya memohon kepada Kerajaan supaya dapat mengambil tindakan yang boleh mendatangkan kebaikan hasil daripada pindaan undang-undang tanah, urusan pentadbiran dan perundangan tanah ini supaya orang-orang atau ahli-ahli masyarakat dapat menikmati hasil daripada pindaan yang kita buat itu.

Pindaan yang tidak terlaksana, pindaan yang tidak dapat dijalankan seperti yang saya sebutkan tadi tidak mendatangkan faedah kepada masyarakat dan tidak mendatangkan faedah kepada Kerajaan. Sekian, terima kasih, Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi (Tuan D. P. Vijandran): Yang Berhormat dari Kuala Kerai.

4.53 ptg.

Tuan Mohamed bin Haji Isa (Kuala Kerai): Tuan Pengerusi, saya akan menyentuh satu dua perkara sahaja di dalam Anggaran Perbelanjaan bagi Kementerian Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah.

Yang pertama sekali muka surat 260 Butiran 020700, Program Penyelesaian Tanah Kelantan, anggaran perbelanjaannya sebanyak \$1,016,100 bagi tahun 1987.

Tuan Pengerusi, saya suka menyentuh di dalam soal ini, oleh kerana penyelesaian tanah di negeri Kelantan pada masa ini masih lagi banyak yang belum diselesaikan dan kepentingan Pejabat Penyelesaian Tanah serta pegawai-pegawai untuk menyelesaikan bahagian-bahagian tanah yang telahpun diberi milik kepada rakyat seluruh negeri Kelantan.

Setakat ini saya dapati hanya beberapa jajahan sahaja di negeri Kelantan yang dimasuki dan cara penyelesaiannya oleh Pejabat Penyelesaian Tanah dan masih banyak lagi. Walaupun demikian, penyelesaian keseluruhan tanah-tanah di kawasan-kawasan yang diambil untuk diselesaikan oleh Pejabat Penyelesaian Tanah belum lagi 100% diselesaikan. Dalam soal ini menimbulkan satu kesulitan yang amat sangat kepada rakyat, selain daripada penyelesaian tanah yang mempunyai hakmilik ini untuk menukar geran tanah asal kepada geran tanah yang baru, memakan masa yang lama dan menjadi kesulitan terutama sekali rakyat ataupun mereka yang berminat untuk menjalankan perniagaan untuk dibuat cagaran sama ada kepada bank swasta ataupun Bank Pertanian dan lain-lain institusi kewangan.

Tuan Pengerusi, saya berharap Kementerian Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah dapat mengkaji satu cara yang sesuai supaya dapat perkara ini diselesaikan dengan setegitu cepat.

Selain daripada itu Tuan Pengerusi, saya dapati pejabat khusus bagi penyelesaian tanah di negeri Kelantan

ini, tidak ada kerana pejabat ini sentiasa berpindah dari satu jajahan ke satu jajahan, sedangkan perpindahan itu boleh dikatakan dilakukan 3 tahun sekali, bahkan kurang daripada itu sedangkan kawasan-kawasan atau jajahan yang diselesaikan itu belum diselesaikan lagi.

Saya telah difahamkan bahawasanya jajahan-jajahan yang telah ditinggal oleh Pejabat Penyelesaian Tanah ini telahpun selesai, tetapi setelah saya semak balik dengan Pejabat-pejabat Jajahan yang berkenaan didapati lebih kurang 70% sahaja penyelesaian tanah bagi kawasan jajahan itu diselesaikan sedangkan pejabat itu akan berpindah kepada jajahan lain.

Tuan Pengerusi, berhubung dengan muka surat 261, butiran 070000—Lembaga Kemajuan Kelantan Selatan, saya suka mengambil kesempatan di dalam Dewan ini mengucapkan terima kasih kepada Kerajaan, khasnya Kementerian Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah melalui Lembaga Kemajuan Kelantan Selatan (KESEDAR), telah dapat membangunkan satu kawasan perumahan yang begitu luas, di kawasan Kelantan Selatan yang merupakan satu kawasan di Hulu Kelantan termasuk Kuala Kerai, boleh dikatakan kawasannya tiga suku daripada tanah di negeri Kelantan termasuk di dalam kawasan atau Lembaga Kemajuan Kelantan Selatan (KESEDAR). Sejak Lembaga ini mengambilalih bagi membangunkan kawasan itu, rakyat di kawasan itu dapat melihat pembangunan yang begitu ketara sekali untuk melihat tanaman-tanaman seperti getah dan kelapa sawit.

Apa yang saya hendak sentuh di sini Tuan Pengerusi, supaya lebih banyak lagi Rancangan-rancangan Pembangunan Wilayah ataupun

kawasan-kawasan getah dan kelapa sawit dibuka oleh Lembaga Kelantan Selatan ini, kerana rakyat di negeri Kelantan masih lagi kekurangan tanah dan sangat-sangat berharap kepada Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan Pusat melalui Kementerian Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah untuk membangunkan kawasan itu disebabkan begitu ramai pemohon-pemohon yang hendak memiliki ataupun untuk menjadi peneroka di dalam Rancangan Tanah, Lembaga Kemajuan Kelantan Selatan ini. . . .

Tuan Pengerusi (Tuan D. P. Vijandran): Satu minit lagi Yang Berhormat.

Tuan Mohamed bin Haji Isa: Tuan Pengerusi, selain daripada itu, saya suka juga berbalik kepada Maksud P. 56, muka surat 263, Butiran 01300, Tajuk 04—Rancangan Pembangunan Tanah, di bawah Lembaga Kemajuan Kelantan Selatan, juga supaya Lembaga ini dapat dibangunkan selain daripada pembukaan tanah jalan-jalan untuk masuk ke kawasan rancangan tanah yang telahpun diserahkan di kawasan tanah yang telahpun dibina ataupun dibuka semasa Kerajaan PAS memerintah Kelantan dahulu di bawah Lembaga Kemajuan Negeri Kelantan dan kawasan tanah ini sangatlah mundur apabila sahaja KESEDAR mengambilalih dengan tidak ada kemudahan-kemudahan asas yang cukup terutama sekali jalan untuk memasuki rancangan itu.

Jadi, saya berharap KESEDAR melalui Rancangan-rancangan Pembangunan Tanahnya dapat bersama-sama memajukan, membina kemudahan asas seperti jalan, bekalan air dan bekalan api selama 24 jam bagi rancangan-rancangan tanah yang saya sebutkan tadi.

Tuan Pengerusi, saya rasa itulah sahaja yang dapat saya sentuh di dalam Kementerian Kemajuan Tanah

dan Kemajuan Wilayah ini. Dengan itu, saya menyokong anggaran bagi Kementerian ini.

Tuan Pengerusi (Tuan D. P. Vijandran): Yang Berhormat dari Bukit Bintang.

5.01 ptg.

Tuan Lee Lam Thye (Bukit Bintang): Tuan Pengerusi, saya bercadang untuk berucap secara ringkas atas dua perkara sahaja. Yang pertama, saya ingin menarik perhatian Tuan Pengerusi kepada muka surat 259, Maksud Bekalan B. 56, Butiran 010000—Pentadbiran dan Pembangunan.

Tuan Pengerusi, Kementerian Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah telah diperuntukkan lebih daripada \$1,455 juta untuk tahun 1987 dan merupakan \$396.9 juta bagi Perbelanjaan Mengurus dan \$1,058.8 juta untuk Perbelanjaan Pembangunannya. Objektif utama Kementerian ini yang tersebut dalam kertas perintah 43 ialah untuk merumus, merancang dan melaksanakan dasar pembangunan dan penggunaan tanah baik di peringkat Persekutuan dan Negeri supaya perolehan maksimum boleh didapati dari penggunaan tanah negara. Maka memandangkan kepada objektif ini adalah perlu diperkenal dan dilaksanakan satu dasar pembangunan dan penggunaan tanah yang lebih komprehensif bagi memberi faedah kepada semua golongan miskin dalam negara kita.

Tanah seharusnya dianggap sebagai satu alat yang penting untuk membasmi kemiskinan. Kementerian mempunyai satu peranan penting dalam membasmi kemiskinan menerusi dasar pembangunan dan penggunaan tanahnya yang mesti dilaksanakan dengan adil untuk semua golongan yang miskin. Satu dasar mestilah dilaksanakan kepada

matlamat bahawa tanah hanya mesti diperuntukkan kepada mereka yang tidak mempunyai tanah dan sedia untuk mengerjakan tanah itu. Reformasi tanah mestilah diperkenalkan untuk menghasilkan lebih banyak penggunaan tanah yang produktif dan menambahkan lagi hasil pendapatan mereka yang membangunkan tanah tersebut. Setelah meneliti perbelanjaan pembangunan Kementerian berkenaan untuk tahun 1987 saya dapati bahawa sejumlah \$1,058.8 juta telah diperuntukkan untuk perbagai pihak berkuasa pembangunan tanah di bawah Kementerian seperti FELDA, FELCRA, RISDA, JENGKA, KEDA, PERDA, KEJORA dan lain-lain untuk menampung keperluan pelbagai pihak berkuasa itu.

Dalam membahaskan tajuk Pentadbiran dan Pembagunan berkenaan dengan Kementerian Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah ini, saya ingin mengambil kesempatan ini untuk meminta pihak Kementerian yang berkenaan supaya memberi pertimbangan kepada penubuhan satu lembaga pembagunan tanah untuk 452 buah kampung baru yang mempunyai penduduk seramai 1.8 juta penduduk. Saya membuat syor ini kerana adanya selaras dengan semangat dan objektif Kementerian yang berkenaan untuk melaksanakan dasar pembagunan dan penggunaan tanah yang akan memberi faedah kepada golongan miskin yang tidak mempunyai tanah. 452 buah kampung baru sangat-sangat menghendaki perhatian utama dari Kementerian berkenaan. Sebanyak 67% mereka yang tinggal dalam Kampung Baru masih berada di bawah paras kemiskinan. Penduduk-penduduk Kampung Baru menghadapi berbagai masalah, yang sangat serius sekali ialah kekurangan tanah atau kekurangan tanah untuk tapak rumah ataupun untuk tujuan pertanian. Semua masalah ini dan lain-lain

masalah boleh diatasi jika terdapat satu lembaga pembagunan tanah untuk merumus dan melaksanakan keperluan tanah untuk semua Kampung Baru di seluruh negara. Tanah mestilah disediakan dengan mudah dan seberapa murah yang boleh kepada semua penduduk Kampung Baru untuk tujuan pembinaan rumah-rumah ataupun untuk pertanian.

Tuan Pengerusi, bercakap saya mengenai berbagai pihak berkuasa pembangunan tanah seperti FELDA, FELCRA dan lain-lain, saya juga suka mengambil kesempatan ini untuk mendapat penjelasan daripada pihak Kementerian yang berkenaan mengenai peraturan-peraturan yang dibuat untuk memilih bakal-bakal peneroka rancangan tanah. Adalah penting kita mempunyai satu pemilihan yang adil dan saksama dengan tujuan untuk memastikan bahawa hanya peneroka-peneroka tanah yang benar-benar tidak mempunyai tanah sahaja yang akan menerima peruntukan tanah dan dengan ini tidak mengabaikan objektif Kementerian yang berkenaan.

Saya menimbulkan perkara ini oleh kerana kami pernah mendengar aduan-aduan daripada bakal-bakal peneroka tanah bahawa terdapat mereka yang sudah mempunyai tanah tetapi masih diperuntukkan tanah dalam rancangan-rancangan tanah Kerajaan. Maka saya harap bahawa Kementerian yang berkenaan boleh menjelaskan kepada Dewan ini tentang asas pemilihan pemohon-pemohon yang hendak menjadi peneroka tanah dalam berbagai skim tanah yang dimajukan oleh pihak Kementerian yang berkenaan.

Di samping ini saya juga menegaskan tentang betapa perlunya dibuka rancangan-rancangan

pembangunan tanah untuk semua kaum dan saya suka mengetahui daripada Kementerian yang berkenaan sejauh mana hal ini telah dilaksanakan oleh pihak Kerajaan.

Tuan Pengerusi, yang akhirnya saya suka menyentuh kepada muka surat 260. Saya hendak bercakap atas Butiran 030000—Ukur Tanah.

Tuan Pengerusi (Tuan D. P. Vijandran): Yang Berhormat, satu minit lagi.

Tuan Lee Lam Thye: Berhubung dengan perkara Ukur Tanah, saya suka membangkitkan perkara Lembaga Juruukur Tanah yang berkaitan dengan perlesenan Juruukur-juruukur Tanah.

Pada masa sekarang untuk mendapatkan satu lesen menjalankan perniagaan sebagai Juruukur Tanah semakin sukar meskipun calon mempunyai semua syarat kelayakan akademik termasuk kerja-kerja amali (practical work). Terdapat kes-kes di mana calon-calon tidak berjaya memuaskan hati Lembaga dengan kerja amalinya meskipun calon-calon tersebut telah menjalani kerja-kerja amali selama hampir dua tahun. Adalah mendukacita dinyatakan di sini bahawa profesion Juruukur merupakan satu profesion yang mengambil jangka masa yang begitu panjang atau lama untuk mendapatkan sijil amali bagi menjalankan profesionnya tidak seperti doktor, peguam, jurutera, jurubina dan lain-lain.

Saya harap bahawa Kementerian yang berkenaan akan dapat meneliti perkara ini dan mengambil langkah-langkah untuk memperbaiki masalah ini. Sekian.

Tuan Pengerusi (Tuan D. P. Vijandran): Yang Berhormat dari Arau.

5.10 ptg.

Tuan Shahidan bin Kassim (Arau): Tuan Pengerusi, saya ingin mengambil bahagian ringkas yang boleh mengenai Kementerian Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah. Saya ingin menyentuh B. 56 Butiran 010000—Pentadbiran dan Pembangunan Tanah.

Tuan Pengerusi, sebagaimana yang telah disebutkan oleh rakan-rakan tadi termasuk juga Wakil dari Bukit Bintang, bahawa pembangunan tanah adalah penting untuk membantu rakyat miskin yang tidak bertanah dan atas hasrat tersebut Kerajaan telah membuka tanah dan juga membangun kawasan-kawasan wilayah. Dalam hal ini di bawah Butiran Pentadbiran dan Pembangunan, saya percaya ini merupakan nadi yang penting bagi Kementerian Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah untuk menggerakkan pembangunan tanah dan juga pembangunan wilayah.

Dan amat bertepatan sekali apabila peruntukan telah ditambah daripada \$98 juta pada tahun 1986 kepada \$13.4 juta. Kita sedia maklum sebagaimana yang telah disebutkan oleh Wakil Jempol tadi bahawa masalah utama yang dihadapi oleh Kementerian dan juga pihak pembangunan tanah dan pembangunan wilayah ialah masalah sosial. Masalah peneroka, masalah manusia itu sendiri. Pada peringkat awal semasa tanah-tanah dibuka, penduduk-penduduk yang tidak bertanah dijemput untuk masuk ke kawasan pembangunan tanah FELDA. Tetapi sekarang mereka terpaksa mengisi borang, mereka terpaksa melalui proses temuduga tertentu untuk masuk ke kawasan ini dan kita dapati masih banyak lagi senarai menunggu untuk masuk ke kawasan-kawasan pembangunan

tanah. Ini tidak termasuk lagi kawasan-kawasan yang diminta oleh DAP untuk kampung-kampung baru, kalau ini dimasukkan saya rasa lagi teruk dan masih banyak senarai-senarai menunggu.

Dalam hal ini expectation, dengan izin, bagi orang-orang miskin bahawa kalau sekiranya mereka masuk ke rancangan pembangunan tanah, mereka akan mendapat pendapatan yang tinggi. Apabila mereka masuk ke kawasan kelapa sawit, mereka akan dapat pendapatan yang tinggi, mereka masuk ke kawasan getah dan juga lain-lain lagi. Jadi, apabila perkara ini telah pun menjadi tanggapan banyak pihak, apabila menjadi perkara yang di luar dugaan, dan juga jangkaan seperti kejatuhan harga barang-barang komoditi tadi, kita dapati masalah sosial makin bertambah.

Ini tidak termasuk lagi masalah generasi kedua yang tidak pernah difikirkan ataupun tidak pernah dimasukkan dalam perancangan di peringkat awal kerana perancangan diperingkat awal hanya untuk memastikan peneroka-peneroka mendapat pendapatan yang berpatutan, tidak termasuk generasi kedua bahawa anak-anak mereka akan membesar dan tidak mempunyai tanah. Ini pula anak-anak mereka sekarang telah pun berkahwin dan mempunyai pula anak-anak sudah masuk ke generasi yang ketiga, sehinggalah ke generasi yang keempat dan seterusnya masalah sosial, masalah manusia yang mempunyai tanggapan yang tinggi berhubung dengan pembangunan tanah ini akan berterusan. Dengan demikian saya mengucapkan tahniah kepada Kementerian kerana telah menubuhkan satu unit sosial pada awal tahun ini di bawah program pembangunan tanah di mana tujuan khususnya ialah untuk menyelaraskan aktiviti-aktiviti sosial dan juga melihat masalah-masalah kemanusiaan kepada

lebih daripada 1 juta peneroka-peneroka tanah dan juga peneroka-peneroka pembangunan wilayah yang telah merupakan masalah utama bukan sahaja kepada pihak Kementerian tetapi juga kepada pihak Kerajaan.

(Tuan Yang di-Pertua *mem-pengerusikan Jawatankuasa*)

Tetapi yang memusykilkan saya dalam hal ini ialah bagaimana Kementerian semasa untuk mewujudkan unit sosial dan institusi di Kementerian yang berkenaan memikirkan bahawa tidak ada orang tempatan yang boleh untuk menasihati unit ini untuk memastikan bahawa perancangan yang teratur dan sesuai dengan kehendak tempatan dibuat.

Saya telah dimaklumkan bahawa Kementerian ini telah mengambil pegawai luar seorang pegawai daripada Belanda untuk menasihati unit ini walaupun telah dimaklumkan bahawa semasa peringkat awal pengambilan penasihat yang berkenaan banyak tentangan-tentangan daripada para cerdik pandai tempatan tetapi pihak Kementerian berdegil masih juga mengambil pegawai yang berkenaan dan walaupun saya percaya ianya bertentangan dengan arahan yang telah dikeluarkan oleh Jabatan Perdana Menteri di mana penasihat-penasihat luar ini hanya boleh diambil kalau sekiranya tidak ada penasihat-penasihat tempatan tetapi pihak Kementerian dan saya ingin mendapat penjelasan sejauh manakah hasil nasihat dan juga perancangan yang telah dibuat oleh penasihat dan juga unit ini yang telah dicapai sehingga kini kerana kita dapati kedudukan perancangan yang dibuat ianya lebih merupakan pertandingan di antara Kementerian dan agensi-agensinya juga mempunyai sosial mereka masing-masing.

Adakah Kementerian ingin menyelaraskan atau ingin bertanding dengan agensi-agensi lain seperti FELDA untuk melihat siapa yang pandai menjalankan kerja tetapi kumpulan SASA, saya rasa masih menghadapi masalah. Dan lagi satu dalam hal ini juga pihak Kementerian harus meletakkan bahawa commitment, dengan izin, biarlah terus daripada pihak Menteri janganlah perkara ini diturunkan kuasa kepada pegawai-pegawai peringkat rendah sepatutnya pihak Menteri sendiri patutlah mengambil berat kerana masalah ini akan merupakan masalah Kementerian sebab masalah untuk kita menaikkan harga komoditi dan lain-lain lagi kita dapat atasi, kita boleh letakkan pegawai-pegawai untuk mengelolaknya. Tetapi masalah sosial dan masalah ini adalah masalah Menteri sendiri patut lihat ataupun sekurang-kurangnya Timbalan Menteri, janganlah melepaskannya kepada pegawai-pegawai bawahan yang kita takut nanti ianya menjadi tandingan di antara jabatan-jabatan dan juga agensi-agensi yang mempunyai pegawai-pegawai yang lebih kanan yang mungkin tidak menaruh hormat kepada pegawai-pegawai rendah di peringkat Kementerian. Sesuatu harus dibuat supaya unit ini sebagai Unit Penyelaras biarlah unit yang mempunyai kuasa tertentu untuk membolehkan mereka menyelaraskan dengan agensi-agensi lain.

Tuan Pengerusi, yang kedua saya ingin menyentuh kepada 040000—pemetaan. Cuma sedikit sahaja dalam perkara ini iaitu Bahagian Pemetaan ini adalah sentiasa membuat pemetaan bagi kawasan-kawasan yang telah pun diukur sempadan dan sebagainya.

Saya ingin menyentuh ini, saya ingin mendapat jawapan yang setepat-tepatnya bukan dengan secara agakan mengapakah peta baru yang telah

dibuat itu untuk seluruh Malaysia, ada satu pulau kecil iaitu Pulau Berasmana di negeri Perlis telah dikeluarkan daripada kawasan perairan Malaysia pada hal pulau ini ialah pulau yang telah pun dibahagi dua, dari segi tradisi memang orang telah mengetahui orang Perlis, orang Kedah mengetahui bahawa pulau ini separuh daripadanya adalah kepunyaan Perlis, separuh lagi adalah kepunyaan Thailand.

Kalau sekiranya Bahagian Pemetaan mengeluarkan terus pulau yang berkenaan, ini bererti kawasan pantai, kawasan perairan negara jiran akan sampai ke kawasan Kuala Perlis. Makna kata orang Kuala Perlis tidak boleh langsung keluar daripada Kuala Perlis kerana dia akan berjumpa dengan negara yang baru. Perkara ini amat serius kerana saya mendapat maklumat pegawai yang membuat penyiasatan mengenai pemetaan ini dia cuma bertanya pendapat dua, tiga orang tetapi dia tidak bertanya pendapat, saya percaya Kerajaan Negeri yang memang mengetahui pulau berkenaan adalah kepunyaan Perlis.

Kemudian di bawah Butiran 050000 sehingga 150000 iaitu Lembaga Kemajuan Tanah dan juga Lembaga Kemajuan Wilayah. Saya bersetuju dengan rakan saya tadi iaitu supaya percantuman dibuat di antara agensi-agensi ini untuk membolehkan ianya kuat di samping untuk mengurangkan kos.

Saya ingin menyentuh tentang KEDA. Pada masa yang lepas, saya masih ingat bahawa satu kajian mengenai pembangunan wilayah Kedah-Perlis telah dibuat dan hasilnya KEDA telah diwujudkan tetapi saya keciwa kenapa Perlis ditinggalkan, pada hal kajian tersebut adalah kajian Kedah-Perlis. Tetapi sampai kepada pembangunan wilayah, Perlis ditinggalkan.

Jadi, saya rasa keciwa oleh kerana peruntukan untuk menjalankan kajian lebih kurang \$40 juta dibuat dengan menggunakan nama Perlis. Kalau sekiranya hendak menggunakan nama Perlis, saya rasa sepatutnya Perlis juga dimasukkan ke dalam projek pembangunan Wilayah KEDAH, bukanlah bermakna kita mengatakan kita hendak masuk ke Kedah, tetapi biarlah ada satu kawasan pembangunan wilayah bagi negeri Perlis.

Dan akhir sekali, Tuan Pengerusi, saya ingin menyentuh tentang 020000 iaitu mengenai Pendaftaran dan Perundangan Tanah. Jadi, kita mengucapkan tahniah kepada Kementerian kerana kita telah berusaha untuk membuat ataupun meminda Kanun Tanah Negara (KTN), sekarang kepada KTN ala-Malaysia. Sekianlah sahaja, terima kasih.

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat dari Hulu Selangor.

5.22 *ptg.*

Tuan S. S. Subramaniam (Hulu Selangor): Tuan Pengerusi, saya merujuk kepada Maksud B. 56, muka surat 259, Butiran 010200 Pentadbiran Pembangunan. Saya ingin menyentuh di atas tiga perkara di bawah Pentadbiran Pembangunan di dalam skim-skim FELDA kita.

Yang pertama, ialah berkaitan dengan skim Rancangan Tanaman Semula. Adalah didapati beberapa skim dalam Skim FELDA kita yang sedang menyampaikan kepada satu peringkat di mana mereka sedang menanam, rancangan tanaman baru sedang dimulakan dan adanya satu skim panduan daripada skim FELDA di mana peneroka-peneroka yang akan menanamkan semula telah dibayarkan satu bantuan yang

dipanggil sebagai tambahan bantuan pinjaman sara hidup berjumlah \$175 kepada satu keluarga.

Dan saya ingin memohon dan merayu kepada pihak Kementerian berkenaan untuk menaikkan bantuan ini oleh kerana dengan \$175 nampaknya mereka dengan satu keluarga bukan sahaja tidak cukup hendak membeli racun dan baja dan lain-lain perkara untuk menanam lagi sekali, tetapi hendak gunakan jumlah kewangan itu untuk sara hidup juga. Inilah saya rasa satu pertolongan yang harus diberikan kepada pihak peneroka di dalam skim-skim FELDA ini dan saya ingin memohon kepada pihak Kementerian untuk menambah di atas perkara ini.

Perkara yang kedua ialah perkara berkaitan dengan pembayaran cukai tanah. Nampaknya pembayaran di atas cukai tanah yang diadakan pada pekebun-pekebun kecil di dalam lain-lain skim di dalam negara kita adalah lebih kurang \$3-\$4 seekor sahaja, tetapi nampaknya pihak peneroka daripada skim FELDA ini terpaksa membayar lebih jika dibandingkan dengan pekebun-pekebun kecil itu.

Oleh kerana skim FELDA ini boleh dibandingkan lebih kurang sama dengan skim pekebun-pekebun kecil itu, saya ingin memohon juga kepada pihak Kementerian berkenaan untuk mengurangkan pembayaran di atas cukai tanah kepada pihak-pihak peneroka FELDA ini. Oleh kerana dengan kemerosotan ekonomi dan pendapatan pihak peneroka FELDA begitu kurang, saya ingin mencadangkan Kerajaan harus menimbangkan di atas perkara ini iaitu bagaimana kita boleh menolong peneroka-peneroka di dalam seluruh kawasan skim FELDA di seluruh negara kita.

Perkara yang ketiga, di bawah Pentadbiran dan Pembangunan, ialah perkara sosial. Walaupun pihak Kementerian telah membelanjakan peruntukan yang begitu besar untuk membangunkan kawasan-kawasan FELDA ini, nampaknya masih ada kekurangan daripada aspek sosial ini di mana ada balai raya yang begitu lama, tidak mendapat kelengkapan yang baik dan juga lain-lain kemudahan seperti sekolah tadika yang tidak ada kelengkapan dan juga tidak ada pondok bas, tidak ada padang bola dan lain-lain kemudahan asas seperti ini.

Saya ingin memohon kepada pihak FELDA ini, oleh kerana kita sedang membelanjakan satu peruntukan yang begitu besar, tolonglah menimbangkan di atas perkara-perkara kecil ini juga, oleh kerana kita tidak memerlukan satu peruntukan yang besar untuk menolong di atas perkara-perkara ini.

Dari aspek sosial juga ada beberapa peneroka di dalam skim-skim FELDA kita ada menghadapi kesulitan yang begitu besar oleh kerana mereka telah menyampai kepada satu peringkat di mana oleh kerana kesihatan mereka telah kekurangan, pendapatan mereka begitu kurang dan tidak ada kemudahan bagi peneroka-peneroka ini untuk repair, dengan izin, dan juga membeli barang-barang untuk perumahannya.

Oleh itu, saya ingin memohon kepada Kementerian juga untuk mengambil tindakan untuk mengadakan satu skim sosial di mana kita boleh memberi pertolongan di atas perkara-perkara sosial seperti di mana ada beberapa keluarga yang tidak ada kemudahan-kemudahan asas ataupun tidak ada kemudahan-kemudahan untuk memperbaiki rumah-rumah dan juga untuk membeli barang-barang kelengkapan kepada rumah-rumah mereka, untuk

membina ataupun menjalankan satu kehidupan yang sempurna di dalam skim-skim FELDA itu.

Tuan Pengerusi, saya merujuk pula kepada muka surat 260, Butiran 020500 dan di sini juga saya ingin menyentuh di atas tiga perkara. Yang pertama, ialah berkaitan dengan satu skim FELDA yang sedang dijalankan di dalam kawasan saya iaitu FELDA Sungai Tinggi, berhampiran dengan FELDA Sungai Tinggi ini, kita ada satu kawasan besar yang akan dimajukan oleh pihak FELDA ini, tetapi nampaknya tanah itu telah pun diteroka oleh penduduk-penduduk daripada ladang-ladang berhampiran dengan Skim FELDA ini iaitu Ladang Aga-Gardner, Ladang Mary dan Ladang Sungai Tinggi dan mereka telah berusaha di atas tanah itu lebih kurang 10 tahun atau 12 tahun, tetapi baru-baru ini pihak FELDA telah sampai ke kawasan ini dan mengambilalih tanah itu untuk menjalankan satu skim baru FELDA ini.

Dengan itu saya ingin memohon kepada pihak FELDA untuk memulangkan tanah itu kepada peneroka-peneroka asal oleh kerana tujuan kedua-dua skim pun saya rasa serupa juga, oleh kerana pihak penduduk-penduduk daripada ladang-ladang ini menghadapi kesulitan yang begitu besar untuk menjalankan kehidupannya, mereka telah terpaksa menjalankan skim tanaman di dalam tanah itu yang mana baru-baru ini pihak FELDA telah mengambil alih tanah itu. Oleh itu, saya memohon kepada pihak FELDA ini untuk mengambil balik ataupun memberi balik tanah itu kepada peneroka-peneroka asal iaitu penduduk-penduduk daripada sekitar kawasan itu untuk menjalankan skim tanaman di sana.

Yang kedua, saya ingin juga memohon kepada pihak FELDA untuk mencari jalan bagaimana kita

boleh menaikkan pendapatan peneroka-peneroka dalam skim-skim FELDA, oleh kerana nampaknya dengan kemerosotan ekonomi dan juga harga barang mentah kita telah pun turun, pendapatan yang diperolehi oleh peneroka-peneroka di dalam Skim FELDA kita begitu rendah. Mereka tidak boleh menjalani ataupun menikmati satu kehidupan yang sempurna dan oleh itu saya ingin memohon kepada pihak FELDA ini untuk mencari jalan bagaimana kita boleh memberikan skim ternakan seperti lembu, kambing, ikan dan ayam kepada mereka dan juga untuk satu skim tanaman sayur-sayuran yang akan dapat pemasaran yang begitu besar dan begitu hebat di dalam negara kita ini.

Perkara ketiga, saya ingin memohon kepada pihak FELDA juga untuk memberikan perhatian kepada beribu-ribu permohonan yang telah diterima oleh pihak FELDA daripada kaum bukan bumiputera oleh kerana adalah kesulitan besar yang dihadapi oleh pihak-pihak daripada kaum bukan bumiputera iaitu untuk mencari jalan ataupun mencari tanah untuk menjalankan kerja-kerja tanaman di dalam negara kita dan di skim-skim FELDA adalah satu jalan yang baik untuk pihak bukan bumiputera juga menjalankan kehidupan yang lebih sempurna dengan tanaman tertentu dan sayur-sayuran sendiri di dalam kawasan-kawasan rancangan di dalam negara kita. Sekian, terima kasih.

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat dari Pengkalan Chepa.

5.30 ptg.

Tuan Haji Abdullah bin Haji Arshad (Pengkalan Chepa): Tuan Pengerusi, saya bangun untuk membahaskan Kementerian Tanah dan Wilayah. Perkara utama saya akan sentuhkan di dalam B.56 ini ialah mengenai Lembaga Kemajuan Tanah

Persekutuan atau FELDA yang dicatat di bawah Butiran 050000, muka surat 261.

Tuan Pengerusi, akibat kemerosotan eksport barang-barang utama, khususnya getah dan kelapa sawit, seluruh peneroka FELDA menerima kesan yang paling teruk. Kehidupan para peneroka, baik UMNO mahupun PAS, bergantung kepada apa yang boleh dibekalkan oleh kedai di bawah jagaan FELDA dengan harga yang murah, kerana sesudah ditolak harga barang, antara peneroka itu tidak berlebih pendapatannya, malah ada yang tidak cukup. Bila mereka pulang dengan tidak membawa wang setiap bulan, maka bagaimanakah mereka hendak berbelanja atas perkara yang memerlukan wang tunai. Oleh itu, ada antara peneroka membeli barang-barang dari kedai yang diuruskan oleh FELDA tadi dan dijual dengan harga yang lebih rendah di luar. Ini terpaksa dilakukan bagi membolehkan mereka ada wang di tangan untuk keperluan yang terdesak. Bila ini berlaku, peneroka itu sudah tentunya bertaraf miskin, kalau pun tidak fakir atau papa.

Ini adalah kegagalan Kerajaan yang tujuan mengadakan Rancangan Kemajuan Tanah itu untuk mengubah nasib rakyat. Benar satu masa dulu peneroka FELDA menjadi pihak yang senang dan lumayan tetapi sekarang keadaan menjadi kenangan. Inilah bala yang dihadapi oleh negara ini, khususnya kepada Rancangan FELDA, Allah jadikan usaha FELDA berhasil, tetapi tidak bernilai atau tidak ada harga. Mungkin ini berlaku kerana adanya amalan yang tidak adil dilakukan di Tanah Rancangan itu. Kerajaan memilih peneroka atas dasar mereka menjadi ahli UMNO. Ahli PAS yang diketahui dielakkan dan pernah Menteri Kebudayaan, yang ketika itu menjadi Menteri Besar Pahang, menyebut bahawa orang PAS tidak akan dibenarkan menjadi

peneroka. Orang UMNO sahaja yang diterima menjadi peneroka, kemudian bila didapati antara peneroka yang asal itu. . . .

Tuan Mohd. Kassim bin Ahmed:
(Bangun)

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat, ada yang bangun. Minta penjelasan!

Tuan Mohd. Kassim bin Ahmed: Tuan Pengerusi, saya minta penjelasan. Hanya peneroka-peneroka itu tertentu kepada orang UMNO sahaja, bila? Saya berharap kenyataan ini kenyataan yang benar, sebab ini Dewan yang mulia, kita tidak boleh berbohong di sini.

Tuan Haji Abdullah bin Haji Arshad: Tuan Pengerusi, saya tidak bersedia untuk berbohong dan perkara ini berlaku masa beliau menjadi Menteri Besar. Kemudian bila didapati. . . .

Tuan Abdul Rahman bin Bakar:
(Bangun)

Tuan Pengerusi: Ada seorang lagi yang bangun.

Tuan Abdul Rahman bin Bakar: Tuan Pengerusi. . . .

Tuan Pengerusi: Nanti sekejap, saya hendak bertanya, beri jalan atau tidak?

Tuan Haji Abdullah bin Haji Arshad: Saya tidak beri jalan.

Tuan Pengerusi: Dia tidak beri jalan.

Tuan Haji Abdullah bin Haji Arshad: Kemudian bila didapati antara peneroka yang asalnya ahli UMNO ditakdirkan menjadi Ahli PAS dan FELDA menjadi tapak subur untuk PAS, maka ahli-ahli PAS itu didiskriminasikan dalam berbagai-bagai bentuk. Malah ada di antara peneroka yang disingkir kerana penglibatannya dalam politik

pembangkok. Peneroka Keratong, bernama Mohd. Noor bin Abd. Latiff. . . .

Tuan Mohamed bin Abdullah:
(Bangun)

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat, ada yang bangun, hendak beri jalan atau tidak?

Tuan Haji Abdullah bin Haji Arshad: Tolonglah sabar, biar saya habis dulu. Sekarang dapat bukti apa yang ditanya. Peneroka Keratong, bernama Mohd. Noor bin Abdul Latiff, imam dan Timbalan Pesuruhjaya Pas Pahang, disingkirkan dari FELDA yang diterokainya sejak rancangan itu buka. Bagaimanapun, Hakim Dato' Harun Hashim, telah memerintahkan peneroka itu diterima semula kerana perbuatan menyingkirnya tidak demokratik. Itu sudah dijawab. Kiranya Kerajaan bersetuju mengadakan Suruhanjaya Penyiasat, maka banyak penyelewengan dalam bentuk diskriminasi tadi berlaku. Boleh dibuktikan ada peneroka PAS yang diberi amaran dengan alasan tanahnya tidak diterangkan, tetapi tanah orang-orang UMNO yang naik rumput tidak berani ditegur, jangankan dibuang. Peneroka-peneroka dari Keratong boleh membuktikannya.

Pembunuhan di Lubuk Merbau ke atas pekerja-pekerja pilihanraya PAS, Osman Talib oleh petugas-petugas UMNO adalah bukti betapa UMNO menganggap kawasan FELDA haram untuk pembangkang. Tindakan ke atas kes Lubuk Merbau itu terlalu lambat diproses.

Tuan Pengerusi, saya percaya langkah-langkah yang tidak adil itu menyebabkan Allah menurunkan bala. FELDA ada hasil, ladang juga subur, tetapi peneroka jadi bangsat. Yang malangnya, bala itu diterima sama oleh orang-orang yang tidak

berdosa dan tidak teraniaya. Saya menyeru supaya langkah-langkah. . . .

Tuan Abdul Rahman bin Bakar:
(*Bangun*)

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat, ada yang bangun pula.

Dato' Zainal Abidin bin Zain:
(*Bangun*)

Tuan Pengerusi: Ada dua yang bangun.

Tuan Haji Abdullah bin Haji Arshad: Apa lagi mahu. (*Ketawa*)

Tuan Abdul Rahman bin Bakar:
Tuan Pengerusi. . . .

Tuan Pengerusi: dia tidak beri jalan, sila duduk.

Tuan Haji Abdullah bin Haji Arshad: Saya tidak beri jalan. Bukan lama, sekejap sahaja dengar. Apakah tidak boleh sentuh! Saya menyeru supaya langkah-langkah diambil untuk menegakkan keadilan dan moga-moga dari situlah Allah mencucuri rahmat semula.

Tuan Pengerusi, saya hendak menyambung di atas perkara Lembaga Kemajuan Tanah ini, tetapi atas topik memperbanyakkan rancangan baru. Memandangkan bilangan pengangguran bertambah, maka orang yang dibuat dan belia yang keluar sekolah diberi peluang untuk menjadi penkerja di tanah-tanah rancangan baru. Banyak kawasan yang perlu diterokai, khususnya di sepanjang kawasan Lebuh raya Timur-Barat. Kawasan itu perlu dimajukan, tetapi janganlah ia dijadikan projek untuk pemuda UMNO pula. Tiba masanya, Tuan Pengerusi, bahawa FELDA jangan berkisar kepada getah dan kelapa sawit sahaja. Perlu juga FELDA diterokai dengan tanaman-tanaman lain seperti pokok buah-buahan secara besar-besaran, yang

hasilnya selain daripada jual mentah, diproses sebagai bahan kilang makanan. Ini bererti FELDA selain dari terlibat dalam pembukaan tanah, ia hendaklah juga memikirkan supaya kawasan itu ada kilang-kilang kecil atau apa juga yang difikirkan sesuai.

Tuan Pengerusi, saya beralih pula kepada muka surat 259, Butiran 020000 Butiran Kecil 020200 Penyelidikan dan Perundangan Tanah.

Dalam Kanun Tanah Negara yang diluluskan dengan tergesa-gesa tidak lama dulu, ramai orang tidak sempat untuk mengikuti perkembangannya. Orang tiba-tiba tahu bahawa borang-borang yang digunakan di pejabat-pejabat tanah bertukar serta-merta. Peguam sendiri pun tidak dapat hendak memberikan penjelasan.

Perkembangan seperti ini sepatutnya dijelaskan dulu kepada orang ramai dan pandangan orang ramai di minta. Antara undang-undang yang baru itu ialah tanah yang kurang dari seekar tidak boleh menggunakan lebih dari satu nama. Mungkin bagi tanah-tanah di kampung-kampung cara ini boleh diterima disebabkan tanah luas dan orang boleh membeli dan membuka tanah baru di kawasan yang luas itu, tetapi bagi kawasan bandar yang urusan jual-beli tanah mengikut kiraan kaki, Kanun seperti ini tidak berapa kena. Tanah di bandar harganya tinggi. Seseorang yang memiliki seekar tanah di bandar adalah orang yang bertuah, kalau tanah itu menjadi pesaka tentulah beberapa orang warisnya akan mendapat bahagian dari tanah itu. Tetapi dalam peraturan yang ada, tanah itu tidak boleh dibahagikan kepada lebih dari seorang bagi membolehkan sekalian waris dapat juga tanah itu, maka mereka berpakat menggunakan satu nama. Ini boleh menimbulkan masalah seperti tidak ada jaminan orang yang

namanya tidak dimasukkan sama haknya dan kalau tanah itu disalahgunakan oleh orang yang memakai namanya, maka orang lain payah hendak menuntunya.

Tanah seperti ini boleh dijual dengan mudah oleh orang itu tanpa pembelinya mengenali dan berunding dengan tuan-tuan yang lain. Peraturan untuk kawasan bandar ini seeloknya hendaklah ditimbangan semula supaya boleh menggunakan lebih dari satu nama bagi tanah yang kurang dari seekar.

Tuan Pengerusi, dalam Butiran yang sama di mukasurat 260, saya ingin sentuh Program/Aktiviti 020500, iaitu mengenai Pengambilan Balik Tanah. Oleh kerana kuasa Exco di negeri-negeri berkuasa atas tanah, maka soal Pengambilan balik tanah untuk tujuan pembangunan boleh dibuat dengan sewenang-wenangnya. Ada tanah yang diambil untuk diniagakan, sepatutnya tanah yang sudah bergeran diambil untuk tujuan kegunaan umum, seperti membuat sekolah, balai bomba, balai polis dan sebagainya, tetapi tidak untuk mendirikan kompleks perniagaan, kerana Kerajaan Negeri Terengganu misalnya, untuk melaksanakan kehendak Dasar Ekonomi Baru mengambil tanah orang Melayu di bandar Kuala Terengganu untuk didirikan kedai-kedai perniagaan.

Pada peringkat awal, kedai-kedai yang dibina itu disewakan kepada bumiputera, tetapi nasib perniagaan bumiputera ada di mana-mana juga banyak yang tutup, akhirnya kedai tadi digunakan oleh orang bukan bumiputera. Bukanlah saya hendak menghalang bukan bumiputera dari memiliki ataupun berniaga di situ.

Masalahnya ialah DEB menyebut tentang hendak menambah harta orang Melayu di bandar-bandar. Kuala Terengganu sahaja di negara ini yang terdapat banyak harta tanah milik orang Melayu, tetapi bila

diambil untuk tujuan pembangunan dan tuan tanah pula pindah ke luar bandar atau pinggir bandar dan mereka tidak ada saham langsung dalam perniagaan atas tanah itu kemudiannya, maka dengan sendirinya harta orang Melayu di bandar berkurangan pula di bawah pelaksanaan DEB, sedang di tempat lain tidak bertambah.

Lebih malang lagi, Tuan Pengerusi, berlaku tanah orang Melayu yang diambil tadi diniagakan pula oleh Kerajaan dengan mejualkannya lebih tinggi kepada pihak swasta. Mengapa perkara ini dilakukan antara tuan tanah dengan swasta itu sendiri sahaja supaya tuan tanah boleh mendapat untung lebih tinggi. Di sini nampaknya dasar menolong bumiputera tidak terlaksana.

Dalam perkara yang lain di kawasan desa, orang kampung yang kurang tanah diambilnya untuk membina padang bola. Padang bola walaupun mustahak, tetapi ambillah tanah Kerajaan. Orang ramai tidak gembira kalau tanah mereka diambil padang bola.

Tuan Pengerusi, apa yang mengkhuatirkan ialah Exco-Exco itu mengambil tanah rakyat atas sebab-sebab politik bagi mengelakkan orang menyokong Pembangkang, PAS misalnya, maka tanahnya diambil supaya orang lain takut masuk PAS. Ada kemungkinan tanah Ketua Pembangkang Dungun, Terengganu, di sekitar Chendering, Rusila diambil oleh Kerajaan untuk tujuan politik. Ini supaya tanah dia digunakan untuk manfaat Islam melalui PAS.

Tuan Abdul Rahman bin Suliman:
(Bangun)

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat, ada yang bangun.

Tuan Abdul Rahman bin Suliman:
Peraturan Mesyuarat 36
(1) "Seseorang ahli hendaklah

menghadkan percakapannya kepada perkara yang dibincangkan sahaja dan tidak boleh mengeluarkan apa-apa perkara yang tidak berkait dengan perkara yang dibincangkan itu". Ini adalah kuasa Kerajaan Negeri. Jadi, saya rasa tidak berkenaan dengan perkara yang dibincangkan.

Tuan Pengerusi: Ya, saya pun sedang memikirkan soal itu, kerana kuasa mengambil tanah ini ialah kuasa Negeri.

Tuan Haji Abdullah bin Haji Arshad: Saya untuk perbandingan, kerana tanah Negeri pun masalah tanah.

Tuan Pengerusi: Ya, tetapi tak boleh, tidak ada dalam estimate sekarang. Minta bercakap perkara lain.

Tuan Haji Abdullah bin Haji Arshad: Terima kasih. Tuan Pengerusi, saya berharap pihak Kerajaan dalam masa akan datang supaya dapat melaksanakan tugas pembukaan tanah ini tepat dengan cita-cita Kerajaan dan sebarang peristiwa yang berlaku atas bentuk penyelewengan dan sebagainya hendaklah diperbetulkan dengan sepenuhnya dan janganlah dibiarkan anak buah parti Kerajaan bermaharajalela dalam kawasan-kawasan yang tertentu. Sekian, terima kasih.

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat dari Marang.

5.43 ptg.

Tuan Abdul Rahman bin Bakar (Marang): Tuan Pengerusi, merujuk kepada halaman 261, B.56, Butiran 05000 Lembaga Kemajuan Tanah Persekutuan.

Saya ingin merujuk kepada pendapatan para peneroka FELDA yang baru. Dalam soal ini kita dapati pendapatan para peneroka FELDA yang baru adalah sangat rendah, iaitu

antara \$250 hingga \$300 sahaja dan pendapatan berkisar dalam jangka waktu 2 hingga 3 tahun. Perkara ini sangat menyedihkan disebabkan tanggungan mereka ramai, kediaman pun tak sempurna dan mereka terpaksa pula membayar hutang kepada Perbadanan Niaga FELDA atau PNF ataupun kedai kopersai. Hasilnya, disebabkan bayaran hutang yang tinggi itu mereka mendapat lebihan wang yang amat sedikit. Ada di antara mereka mendapat \$10 atau \$15. Ini menyebabkan penghidupan mereka menderita, malang, malah ramai di antara peneroka FELDA itu yang lari pulang kerana tak tahan mengalami keadaan yang berpanjangan dalam jangka waktu antara 2 hingga 3 tahun.

Oleh yang demikian, kita minta supaya pihak Kementerian mengkaji balik bagaimana cara-cara untuk menggalakkan peneroka ini tinggal di FELDA-FELDA, tidak lari dan juga cara baru perlu diadakan supaya pendapatan mereka yang rendah itu dapat dipertingkatkan, sesuai dengan keadaan ekonomi negara pada hari ini. Dengan cara ini sahaja kita akan dapat menghasilkan satu keadaan yang murni, keadaan yang baik di kalangan para peneroka FELDA yang baru.

Perkara yang kedua, iaitu pendapatan para peneroka. Pendapatan para peneroka dewasa ini agak jatuh dan jauh ketinggalan jika dibandingkan dengan tahun-tahun yang dahulu, purata dikatakan dalam lingkungan \$400 hingga \$500 sahaja. Hal ini disebabkan para peneroka lebih banyak bergantung kepada hasil minyak sawit sahaja. Seharusnya minyak sawit itu dipelbagaikan bentuk keluarannya. Misal kata, dijadikan sabun, majerin, bahan masak dan sebagainya. Untuk ini, saya mencadangkan agar di skim FELDA itu diadakan satu bentuk industri yang baru, misal katakan industri kecil

FELDA yang mana boleh dibuat dan dihasilkan oleh peneroka-peneroka itu sendiri dan ini kita boleh mendapatkan kerjasama daripada Kementerian Perdagangan dan Perindustrian, Kementerian Pembangunan Negara dan Luar Bandar, Kementerian Sains, Teknologi dan Alam Sekitar dan ini adalah merupakan satu cara yang baik supaya peneroka tidak bergantung semata-mata kepada hasil pasaran minyak sawit yang tidak menentu, yang kebanyakannya kepada pasaran daripada luar negeri.

Perkara yang seterusnya yang ingin saya timbulkan dalam hal ini, iaitu tentang tapak rumah peneroka-peneroka. Tapak rumah peneroka pada masa dahulu diberi 10 ekar: 8 ekar untuk pertanian, 2 ekar untuk tapak rumah dan juga kawasan untuk bercucuk tanam, tetapi sejak akhir-akhir ini kedapatan juga peneroka dikedirikan kawasannya. Saya kira ini adalah tidak munasabah. Adalah lebih baik sekiranya luas kawasan 10 ekar itu dibesarkan lagi atau ditambah lagi atau paling kurang dikedirikan dengan apa yang ada. Tujuan diberikan tapak rumah yang agak besar dan luas adalah untuk dijadikan pertanian secara bersepadu. Ertinya, peneroka itu selain daripada mengeluarkan minyak sawit, mereka juga boleh menanam sayur-sayuran menternak ikan atau memelihara binatang-binatang seperti ayam-itik bagi tujuan cukup sara diri dan kalau boleh, untuk menambahkan pendapatan sebagai pendapatan sampingan.

Perkara yang seterusnya yang perlu dikaji, iaitu hari ini kita lihat minyak kelapa sawit begitu ketara jatuhnya. Oleh yang demikian, pihak Kementerian perlulah mencari pasaran-pasaran baru dan juga cara-cara untuk mengatasi, pertama mengatasi persaingan di kalangan negara-negara pengeluar minyak kelapa sawit seperti Indonesia dan sebagainya.

Perkara yang seterusnya, saya juga mencadangkan supaya diadakan bentuk perniagaan di kalangan ahli-ahli peneroka sahaja. Ertinya, sebarang bentuk perniagaan dikelolakan oleh orang-orang FELDA sahaja, seperti dalam bidang pengangkutan, pembinaan, runcit, makanan, gunting, pakaian dan sebagainya. Ertinya, wang itu tidaklah mengalir keluar daripada kawasan FELDA itu, tetapi tetap berpusing di kalangan ahli-ahli FELDA itu sendiri dan ini boleh menyekat hasil-hasil ataupun wang para peneroka itu daripada jatuh ke tangan orang lain.

Perkara yang seterusnya yang saya hendak timbulkan, iaitu mengenai dengan masyarakat FELDA. Telah wujud banyak pendatang-pendatang haram di dalam membina ataupun menghasilkan kawasan-kawasan FELDA baru. Pendatang-pendatang haram ini begitu ketara di kawasan-kawasan FELDA yang ada pada hari ini, terutama kawasan-kawasan yang hendak dibuka. Oleh yang demikian, perlulah diberikan perhatian supaya pendatang-pendatang haram ini tidak berleluasa di kawasan-kawasan FELDA yang hendak dibuka.

Perkara lain yang saya hendak timbulkan, iaitu mengenai dengan bakal peneroka ataupun peserta FELDA. Ramai kita dapati peneroka FELDA yang dimasukkan dalam FELDA adalah mereka yang tidak bertanggungjawab, terutama Pembangkang yang diberi tanah, diberi rumah, diberi kemudahan, tetapi dalam masa yang sama bukan sahaja anti-Kerajaan, tetapi juga memaki-hamun. Mereka ini benar-benar tidak bertanggungjawab. Jadi, kenyataan Yang Berhormat Wakil Pengkalan Chepa itu kalau dikatakan Kerajaan tidak mengambil orang-orang lain daripada orang UMNO adalah satu kenyataan yang tidak bertanggungjawab.

Bukan itu sahaja, saya syorkan supaya proses pemilihan ini mestilah betul-betul dibuat, iaitu kalaulah sudah kita ambil orang Pembangkang terutamanya PAS, tetapi mereka tetap lagi memaki-hamun kita, maka saya cadangkan supaya betul-betul dibuat pemilihan agar orang yang benar-benar menyokong Kerajaan sahaja diberikan keutamaan. Oleh itu, dalam hal ini kita minta supaya Penghulu, Ketua-ketua UMNO Cawangan ataupun Wakil-wakil Rakyat diberi kuasa, diberi mandat sebagai anggota pemilih kepada para peserta yang akan menyertai rancangan ini.

Saya juga ingin menyentuh tentang kawasan-kawasan FELDA. Saya ingin merujuk kepada Prestasi Pembangunan Tanah. Dari segi Prestasi Pembangunan Tanah FELDA mengikut negeri-negeri, saya akan baca sedikit mengenai dengan bilangan rancangannya:

<i>Negeri</i>	<i>Bilangan Rancangan</i>
Pahang	158
Johor	80
Negeri Sembilan ..	51
Terengganu	22
Sabah	31
Perak	18
Kelantan	21
Kedah	11
Selangor	7
Perlis	3
Melaka	5
Sarawak	1

Apa yang saya hendak timbulkan di sini iaitu wujudnya bilangan rancangan yang kurang adil ataupun kurang merata. Saya minta supaya negeri Terengganu dan juga Kelantan serta negeri-negeri yang agak kurang dari segi bilangan rancangan

pembangunan FELDA supaya diambil kira dan ditambahkan. Di negeri-negeri Terengganu dan juga Kelantan, kita yakin dan kita tahu bahawa masalah kekurangan tanah itu ketara sekali, terutama di kalangan orang-orang Melayu yang laparkan tanah. Orang Melayu yang menjadi tuan di negerinya sendiri seharusnya diberikan perhatian supaya masalah kelaparan, ketidak-cukupan tanah itu diberikan perhatian. 22 rancangan FELDA di Terengganu dengan mengambil tanah kira-kira 5.62% daripada jumlah tanah pertanian yang boleh dibangunkan, saya rasa perlulah dikaji dan disemak balik.

Begitu juga masalah penanaman di tanah-tanah FELDA itu kita nampak hanya melibatkan kelapa sawit dan getah sahaja. Di negeri Kedah dan Perlis hanya ada tebu, tetapi di negeri-negeri lain tidak ada tanaman tebu. Begitu juga tanaman koko hanya merata di negeri Pahang, Johor dan Sabah. Jadi, kita meminta di negeri-negeri yang lain yang tidak ada tanaman tebu dan koko supaya dikaji balik dan tidaklah hanya ditumpukan kepada kelapa sawit dan getah semata-mata.

Selain daripada itu, saya juga ingin merujuk kepada generasi kedua FELDA sebagaimana yang telah dibangkitkan oleh rakan-rakan Yang Berhormat yang lain.

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat, minta gulungan.

Tuan Abdul Rahman bin Bakar: Dari segi ini kita dapati generasi kedua agak terumbang-ambing, tidak seperti bapanya yang mempunyai tanah, yang mempunyai rumah. Walaupun mereka duduk di rumah dan ada tanah-tanah bapanya, tetapi mereka perlukan bimbingan dan latihan kemahiran. Oleh itu, kita meminta masalah generasi kedua perlulah ditumpukan, bengkel-bengkel latihan, pusat-pusat

kemahiran turut diberikan. Bukan kita menafikan bahawa FELDA telah mengadakannya, kita berterima kasih, tetapi kita minta supaya diadakan secara lebih bersungguh-sungguh, lebih serius supaya generasi kedua ini tidak lagi terumbang-ambing. Kalau mereka ini terumbang-ambing, besar kemungkinannya melibatkan diri dalam masalah dadah, mencuri, merompak dan sebagainya. Jadi, masalah sosio-ekonomi generasi kedua perlulah diberi tumpuan yang lebih hebat dengan secara sungguh-sungguh. Kalau dimanfaatkan, kita mempunyai tenaga yang cukup, orang yang duduk secara kolektif maka lebih mudah, lebih senang generasi kedua ini untuk memanfaatkannya.

Akhirnya, oleh kerana masa tidak mengizinkan, saya ingin menyentuh sedikit mengenai dengan halaman 261. . . .

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat, masa Yang Berhormat sudah habis.

Tuan Abdul Rahman bin Bakar: Sedikit lagi tak dapat? Satu minit sahaja.

Tuan Pengerusi: Tak boleh.

Tuan Abdul Rahman bin Bakar: Terima kasih.

Tuan Pengerusi: Ya, baik. Ahli Yang Berhormat dari Kepong.

5.54 ptg.

Dr Tan Seng Giaw (Kepong): Tuan Pengerusi, muka surat 261, Butiran 090000, Lembaga Pemulihan dan Penyatuan Tanah Negara. Menurut Belanjawan Persekutuan 1987, FELCRA akan menerima pemberian dan kenaan bayaran tetap sebanyak \$47,591,200 bagi tahun 1987. Di antara aktiviti-aktivitinya berupa pembangunan infrastruktur termasuk projek perumahan bagi kedua-dua kakitangan lembaga serta peserta.

Mengikut Laporan Prestasi bagi pembinaan rumah peserta dinyatakan bahawa sebanyak 640 unit dibina dalam tahun 1985 sementara tahun 1986 dan 1987 masing-masing dianggar sebanyak 666 unit dan 974 unit.

Menurut Laporan Penyata Kira-kira FELCRA tahun 1985, pihak Ketua Audit Negara telah mendapati bahawa sehingga tahun 1985 sejumlah \$17,681,386 dibelanjakan bagi membina 2,675 unit rumah untuk peserta di dalam 36 buah Rancangan FELCRA. Akan tetapi apa yang lebih mustahak adalah bahawa 514 unit daripada 14 buah rancangan masih kosong dan tidak diuntukkan.

Rancangan ini dibiayai oleh pinjaman daripada Kerajaan Persekutuan sebanyak \$12,700,518 termasuk faedah \$1,223,868. Mengapakah rumah-rumah ini masih belum diperuntukkan? Berapakah bilangan unit yang masih kosong setakat ini? Pihak Lembaga seharusnya menentukan dengan tegasnya kadar permintaan dan penawaran perumahan sebelum pembinaan dilaksanakan secara melulu.

Selagi unit-unit rumah ini tidak diperuntukkan, maka ianya bukan sahaja membazirkan wang, malah juga melemahkan tujuan pembinaan rumah-rumah tersebut.

Tuan Pengerusi, selain daripada ini, pihak Lembaga juga telah gagal mengemukakan bilangan unit rumah yang akan disediakan bagi kakitangannya. Yang diberi hanyalah bilangan rancangan yang dijalankan. Berasaskan kepada angka-angka tersebut, jika 36 rancangan dapat menyediakan sebanyak 2,675 unit rumah bagi sekurang-kurangnya 4,891 unit rumah bagi kakitangannya, mengapa pula penambahan dalam rancangan pembinaan rumah kakitangan ini berlaku bagi tahun 1987, selepas pengurangan dibuat dalam tahun yang lepas iaitu tahun

1986. Apakah bentuk perumahan serta kos yang dibelanjakan bagi pembinaan rumah kakitangan berbanding dengan kos pembinaan rumah para peserta?

Tuan Pengerusi, jelas menunjukkan bahawa rancangan pembinaan rumah FELCRA ini adalah tidak memuaskan dan pihak Kementerian hendaklah meninjau dan mempertimbang semula sama ada rancangan ini boleh disempurnakan.

Tuan Pengerusi, muka surat 262, Butiran 00500, juga FELCRA (Lembaga Pemulihan dan Penyatuan Tanah) seperti tersedia kala keperluan kewangan pihak Lembaga Pemulihan dan Penyatuan Tanah terlebih dinyatakan. Contohnya, di bawah Program 01—Kemudahan Pengurusan. Baki daripada peruntukan yang dipinda dalam tahun 1985 sebanyak \$15,399,500 adalah kira-kira 34.5% atau \$5,274,725. Begitu juga dengan Program 02 Pembangunan Utama di mana hanya \$35,746,873 dibelanja dari jumlah besar pemberian secara langsung \$1 juta dan pinjaman \$121,935,000 iaitu baki sebanyak 58.7% daripada jumlah besar pemberian dan pinjaman atau "\$50,700,000 dan \$6,100,027".

Walaupun ini mungkin merujuk kepada kecekapan perbelanjaan dan sikap berjimat-cermat di sebelah pihak Lembaga, ianya juga membuktikan bahawa pinjaman Kerajaan kepada FELCRA adalah berlebihan, terutama sekali bagi Program 02—Pembangunan Utama. Jika pihak Lembaga tidak memerlukan atau berdaya untuk melaksanakan perbelanjaan pembangunan yang sebegitu besar, mengapa pula pinjaman yang besar dibuat tahun demi tahun. Ini soalan yang pokok, Tuan Pengerusi. Perbuatan ini bukan sahaja mengembongkan ataupun, dengan izin, inflate hutang pihak Lembaga tetapi juga menambahkan

beban tanggungan Lembaga dari segi pembayaran balik pinjaman dan faedah yang kena dibayar.

Selain daripada ini, sikap berjimat-cermat seharusnya diutamakan bagi aktiviti-aktiviti yang lain seperti pemindahan Ibu pejabat FELCRA dari Bangunan C.F. Lee ke Jalan Bukit Bintang, Kuala Lumpur pada pertengahan bulan September yang lalu, di mana difahamkan bahawa pihak Lembaga telah memakan belanja lebih daripada \$500,000 bagi perbelanjaan pemindahan selama 10 hari. Di samping ini adalah juga difahamkan bahawa pejabat-pejabat Ketua Pengarah dan Pengerusi disediakan dengan bilik-bilik mandi khas yang memakan belanja di antara \$30,000 hingga \$35,000. Tambahan lagi Ketua Pengarah FELCRA, saya diberitahu, telah menggunakan lebih daripada \$30,000 di antara 3hb hingga 24hb Oktober tahun ini untuk pergi ke seberang laut.

Jika apa yang telah saya sebutkan tadi adalah benar, maka perbelanjaan pengurusan adalah jauh melebihi hasil pendapatan kerana FELCRA hanya dapat mengeluarkan 30 tan metrik minyak sawit mentah sebulan. Walaupun matlamat dan tujuan demi untuk meningkatkan daya pengeluaran, akan tetapi malangnya hanya 30 tan metrik minyak sawit mentah sebulan sahaja. Ini satu kegagalan yang besar.

Tuan Pengerusi, apakah tujuannya bagi Ketua Pengarah FELCRA untuk pergi ke seberang laut dengan belanja \$30,000, sama ada membawa satu rancangan yang memberi faedah kepada FELCRA ataupun tidak. Saya berharap pihak Menteri dapat menjawab.

Tuan Pengerusi, sejak FELCRA ditubuhkan, siapakah yang dapat faedah daripadanya? Pemilihan dan penempatan peserta adalah penting. Bilangan calon ditemuduga dan bilangan peserta ditempatkan serta

bilangan yang diberi latihan untuk tahun 1985/1986 serta anggaran untuk 1987 telah diberi di dalam buku, akan tetapi tidak ada angka-angka yang lanjut untuk menunjukkan sama ada mereka yang berjaya ditempatkan ataupun diberi latihan itu terdiri daripada orang-orang yang telah mempunyai tanah ataupun orang-orang yang benar-benar miskin.

Tuan Pengerusi, di dalam peringkat pelaksanaannya, adakah FELCRA dengan rancangan yang lain seperti FELDA, KEJORA dan sebagainya, adakah Lembaga-lembaga seperti ini dapat memenuhi matlamat dan objektifnya, terutamanya untuk membasmikan kemiskinan? Saya mengesyorkan bahawa satu Lembaga yang adil dan saksama hendaklah diadakan untuk pemilihan dan penempatan peserta yang benar-benar miskin. Sekian, terima kasih.

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat dari Tanah Merah.

6.04 ptg.

Tuan Hashim bin Safin (Tanah Merah): Tuan Pengerusi, saya ingin merujuk kepada muka surat 261, Maksud Bekalan B.56, Butiran 09000 - Lembaga Pemulihan dan Penyatuan Tanah Negara (FELCRA), dan muka surat 262, Butiran 00500 di bawah FELCRA juga, Aktiviti - Pembangunan Utama (02). Tuan Pengerusi, saya mohon menyebut secara serentak kerana ada hubungkaitnya.

Pertamanya, saya ingin mengucapkan terima kasih kepada pihak FELCRA yang sebenarnya telah banyak memberi pembangunan kepada tanah-tanah yang terbiar atau tanah-tanah yang telah direntas secara haram di negeri-negeri tertentu, khususnya seperti negeri saya di Kelantan, di mana peranan FELCRA sebagai badan yang memulih dan

menyatukan tanah-tanah yang tidak diusahakan dengan baik adalah satu perkara yang membanggakan dan keduanya boleh memberi kebaikan dan manfaat kepada rakyat yang mempunyai sejumlah tanah yang sempit, setelah disatukan dengan satu kawasan yang lain, ianya boleh memberi keberuntungan ekonomi ataupun lebih economical, dengan izin, kepada masyarakat kampung yang memang miskin.

Dalam soal ini saya ingin menarik perhatian pihak FELCRA bahawa peruntukan terbesar yang telah diberi memanglah dialu-alukan oleh rakyat kampung yang miskin dengan harapan pembangunan yang pesat tanah-tanah di luar bandar dan di desa-desa dapat dimajukan.

Saya ingin menarik perhatian kepada Wakil dari Kepong yang cuba menuduh FELCRA seolah-olah tidak pandai membelanjakan kewangan yang telah diperuntukkan, tetapi sebenarnya Yang Berhormat itu tidak arif dengan soal pembangunan tanah di luar bandar dan Yang Berhormat itu nampak sesuatu kekhilafan.

Dr Tan Seng Giaw: (Bangun)

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat dari Kepong bangun, minta jalan.

Tuan Hashim bin Safin: Saya bersedia.

Dr Tan Seng Giaw: Tuan Pengerusi, adakah Yang Berhormat faham bahawa adakah perlu bagi Ketua Pengarah dan Pengerusi untuk menyediakan bilik-bilik mandi dengan jumlah amaun belanja \$30,000 ataupun \$35,000? Bolehkah dengan membina bilik-bilik mandi yang sebegitu mahal sehingga semua benda di dalamnya menggunakan emas, dapat membantu orang-orang miskin di dalam rancangan FELDA? Itulah soalan saya.

Tuan Hashim bin Safin: Tuan Pengerusi, kalaulah sumbangan kepada rakyat ini lebih besar dengan ratusan ribu ekar tanah dibangunkan, apalah salah kalau Ketua yang bekerja kuat itu kita hargai. Ini pandangan saya. Tuan Pengerusi. . . .

Dr Tan Seng Giaw: (*Bangun*)

Tuan Pengerusi: Minta teruskan.

Tuan Hashim bin Safin: Saya suka menarik perhatian iaitu pembangunan telah dibuat oleh FELCRA begitu baik dan menguntungkan masyarakat kampung dan masyarakat desa yang perlu dibela di bawah janji dan coganata kita untuk membela rakyat di desa.

Tuan Pengerusi, saya ingin menumpu khusus kepada negeri Kelantan, sebagai contoh, di mana perancangan FELCRA yang telah dibuat kepada tanah-tanah yang telah diteroka haram semasa pencabulan pemerintahan PAS satu ketika dahulu di mana semasa pemerintahan PAS, ramai rakyat Kelantan yang tidak ada pembangunan kerana asyik dan khayal dengan fatwa-fatwa karut pemimpin-pemimpin PAS pada masa itu sehingga ramai rakyat Kelantan terpaksa menagih. . . .

Tuan Haji Abdullah bin Haji Arshad (*Pengkalan Chepa*): (*Bangun*)

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat dari Pengkalan Chepa bangun.

Tuan Hashim bin Safin: Saya memang bersedia.

Tuan Haji Abdullah bin Haji Arshad: Kerana saya orang Kelantan, minta jawapan daripada Yang Berhormat itu, 27 kawasan yang dijaga oleh Barisan sekarang siapa buka?

Tuan Hashim bin Safin: Tuan Pengerusi, saya pun memang mengharapka dia soal soalan itu.

Memang 27 rancangan yang dulunya dibuka di bawah Lembaga Kemajuan Tanah Negeri Kelantan ataupun ringkasnya LKTN, kemudian setelah Barisan Nasional memerintah pada tahun 1978 ditukar dengan nama TAKDIR kerana ditakdirkan Barisan Nasional memerintah Kelantan dan dipulih dan sekarang diserap pula di bawah Lembaga Kemajuan Kelantan Selatan ataupun KESEDAR. Maka rakyatnya sedar, dulunya menyokong PAS, sekarang menyokong UMNO. (*Ketawa*)

Tuan Haji Abdullah bin Haji Arshad: Tukar nama sahajalah, anak-anak orang juga! (*Ketawa*)

Tuan Hashim bin Safin: Tuan Pengerusi, memanglah asalnya bernikah dengan PAS, tetapi anak itu telah dijaga dan dipulih baik pemikirannya sehingga sekarang menyokong UMNO.

Tuan Haji Ibrahim bin Ali: (*Bangun*)

Tuan Pengerusi: Ada yang bangun.

Tuan Hashim bin Safin: Boleh.

Tuan Haji Ibrahim bin Ali: Tuan Pengerusi, untuk penjelasan. Saya ingin tahu daripada Yang Berhormat dari Tanah Merah, sedar ataupun tidak bahawa 27 rancangan tanah TAKDIR diserap melalui KESEDAR adalah bertujuan untuk menyelamatkan peneroka-peneroka TAKDIR yang tertindas begitu lama dan untuk menyelamatkan mereka ini, terpaksa diserap oleh KESEDAR melalui Kerajaan Barisan Nasional. Saya rasa ini semua rakyat tahu.

Tuan Hashim bin Safin: Betul sekali, Tuan Pengerusi. (*Ketawa*)

Tuan Pengerusi: Jadi ini sudah pakatlah itu. (*Ketawa*)

Tuan Hashim bin Safin: Tuan Pengerusi, ekoran setelah rakyat Kelantan tidak cukup tanah, terpaksa

menagih kasihan daripada FELDA Pahang, Terengganu dan sebagainya kerana di negeri ini telah maju, sebahagian besar rakyat Kelantan tidak mahu berpindah, terpaksa menceroboh tanah haram. Tanah haram ini berlarutan semenjak pemerintahan PAS sehinggalah sekarang dan pemerintahan secara tanah haram ini memang tidak boleh membuat pembangunan tanah yang baik. Sebab itu, cara yang paling baik ialah melalui FELCRA. FELCRA cuba memulihkan tanah haram ini yang sudah sampai 15 tahun, 20 tahun tetapi tidak memberi hasil dan juga menyatukan tanah-tanah itu dengan tanah-tanah yang direntas secara haram tadi. Saya mengharapkan sangat FELCRA dapat mempertingkatkan usahanya ini supaya rakyat Kelantan tidak lagi kehampaan dan kedahagaan tanah yang dibuat oleh Kerajaan.

Keduanya, saya suka menarik perhatian wakil dari Jempol mengatakan di Negeri Sembilan sudah tidak cukup tanah untuk dibangunkan, barangkali FELCRA ataupun FELDA dapat memulih dan membangunkan tanah-tanah di Kelantan dan kita bersedia menerima saudara-saudara kita daripada negeri-negeri lain untuk memajukan lagi negeri Kelantan, bila penduduknya ramai dan juga seperti kata wakil dari Pengkalan Chepa tadi, kononnya kita tidak mahu membenarkan masuk ahli-ahli daripada PAS. Di sini saya suka menerangkan bahawa kita memang bersedia menerima ahli-ahli PAS dan setelah berada di dalam rancangan, kita akan pulih baik kepala yang telah dipesongkan oleh pemimpin karut ini. Kita mempunyai bukti, saudara kepada Yang Berhormat itu sendiri yang pernah menjadi pejuang PAS.

Tuan Pengerusi: Ini dalam estimatekah Yang Berhormat? Ini dalam perbincangan kitakah itu?

Tuan Hashim bin Safin: Ada kaitan, Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi: Ya.

Tuan Hashim bin Safin: Untuk membawa masuk peneroka. (*Ketawa*) Sebab belia-belia yang menganggur ini kadang-kadang dia tersilap faham, setelah mereka mendapat jaminan dari segi mendapat tanah dan sebagainya, insya Allah akhirnya mereka menyokong Kerajaan dan Kerajaan terus dapat membangun rancangan tanah.

Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi: Masa Yang Berhormat sudah cukup.

Tuan Hashim bin Safin: Sedikit sahaja lagi.

Tuan Pengerusi: Boleh gulungkan.

Tuan Hashim bin Safin: Saya gulung, Tuan Pengerusi. Pembangunan oleh FELCRA, saya tumpu kepada FELCRA sahaja, saya mengharapkan FELCRA dapat mempelbagaikan jenis-jenis tanamannya kepada tanaman-tanaman sesuai dengan peranan yang boleh dimainkan oleh FELCRA itu sendiri yang tidak terhad. Misalnya, di kawasan saya Jeli, ada usaha-usaha oleh satu pihak tertentu untuk membuka kawasan dengan menanam tanaman pokok mulberry untuk ternakan ulat sutra. Saya rasa boleh FELCRA tolong fikirkan apakah kemungkinan perancangan baru di kawasan Tanah Merah itu boleh dibuat untuk tanaman mulberry bagi ternakan ulat sutra dan juga tanaman-tanaman lain seperti pisang emas yang kononnya pisang emas ini mendapat pasaran yang baik di Jepun dan juga saya suka mencadangkan supaya FELCRA boleh memikirkan apakah boleh dibuat satu kawasan dusun yang tersusun memandangkan di kawasan kita memang banyak pokok-pokok

dusun, kalau diusahakan dengan baik boleh menghasilkan baik kepada masyarakat kampung.

Tuan Pengerusi, sekianlah dan saya menyokong, terima kasih.

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat dari Petaling Jaya. Lepas itu, saya jemput Yang Berhormat Menteri menjawab.

Dr Eng Seng Chai: Tuan Pengerusi, saya bangun menyentuh sedikit atas perkara-perkara yang dihadapi oleh FELDA iaitu Lembaga Kemajuan Tanah Persekutuan, muka surat 261, Butiran 050000. Adalah kita sedar hari ini negara kita menghadapi kemelesetan ekonomi dan banyak petani, yang pentingnya peneroka di skim-skim FELDA di mana mereka menumpukan semua pertanian mereka kepada satu jenis tanaman sahaja. Pada hari ini mereka menghadapi keruntuhan harga kelapa sawit, keruntuhan harga getah. Hari ini bukan mereka mengurangkan pendapatan mereka sahaja tetapi juga tidak mendapat kemampuan membayar balik segala pinjaman yang mereka sudah perolehi daripada pihak FELDA atas lain-lain tujuan.

Saya meminta kepada pihak berkuasa FELDA dan Kementerian buatlah satu kajian, buatlah satu cadangan memberi mereka peluang mempelbagaikan tanaman mereka dan bukan itu sahaja, lebih baik, kalau ada tanah berhampiran, berikan kepada mereka lebih peluang untuk menggunakan tanah-tanah yang berhampiran untuk meluaskan ekar tanah tanaman mereka untuk meningkatkan pendapatan untuk memberi pertolongan di masa ini yang mereka sedang menghadapi kesulitan kewangan.

Satu lagi perkara yang saya ingin menyentuh ialah rancangan skim-skim baru FELDA. Adakah perlu kita memulakan rancangan-rancangan skim baru, sebab pada hari ini kita

dapat tahu ada tanah terbiar seluas lebih kurang 1 juta hektar iaitu lebih kurang 2 juta ekar. Bukankah lebih murah, lebih senang dan lebih baik kita beri peluang-peluang kepada mereka yang memerlukan tanah, mendapat sewa dengan kemudahan kewangan daripada pihak berkuasa, pihak Kerajaan, pihak FELDA dan pihak semua Lembaga Kemajuan Tanah, sebab ini adalah satu cara yang lebih murah, lebih senang dan lebih baik daripada cara kita pergi menebang semua hutan-hutan yang asli dengan perbelanjaan yang mahal dan juga dengan tenaga kemanusiaan, rakyat yang boleh digunakan di dalam lain-lain bidang yang boleh memberikan lebih pendapatan kepada negara. Bukan itu sahaja, skim-skim rancangan FELDA yang baru ini akan memberi kepada negara ini, dengan menebang semua pokok-pokok tanaman asli, akan memberi kepada negara kita masalah-masalah "environment", masalah-masalah cuaca yang sepatutnya kita jangan ganggu dan bukan itu sahaja, kita akan menjimat dan menyelamatkan sumber-sumber asli yang boleh digunakan pada satu masa ke hadapan oleh generasi-generasi yang akan datang. Maka saya menyeru kepada pihak berkuasa, tolonglah kaji, tolonglah meneliti cadangan-cadangan macam mana kita hendak menghidupkan semula tanah-tanah terbiar ini dan janganlah kita menumpukan kegiatan kita kepada membuka skim-skim baru lagi.

Lagi satu perkara iaitu berkenaan kaum-kaum peneroka di skim-skim FELDA, nampaknya sudah berpuluh-puluh tahun kita telah membuka skim rancangan FELDA, tetapi dapatlah kita tahu hari ini semua skim ini adalah peneroka-penerokanya terdiri dari satu kaum; barangkali ada skim yang ada 10% atau 50% lain-lain kaum. Saya tidak tuduh kepada pihak mana-mana yang ada salah, barangkali yang salah adalah orang-orang lain

kaum tidak minat menyertai skim rancangan kemajuan tanah ini. Tetapi adakah Kerajaan buat kajian yang teliti apakah sebab-sebab lain kaum tidak suka menyertai skim-skim FELDA. Dan jika adalah atas masalah kaum—perkauman di mana mereka barangkali rasa selamalamanya adalah 90% atau 95% lain kaum dan mereka hanya 5% atau 10%, ia tidak dapat satu perkongsian, satu perhubungan yang memuaskan hati kaum minoriti. Adakah rancangan Kerajaan sebagai satu peringkat pertama atau langkah permulaan, adakah rancangan untuk menubuhkan satu skim FELDA di mana-mana kita tempatkan hanya peneroka-peneroka orang Cina atau orang bangsa India sahaja. Berilah satu peluang.

Tuan Haji Abdul Manaf bin Haji Ahmad: (*Bangun*)

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat, ada yang bangun. Yang Berhormat dari Sungai Petani; hendak beri jalan.

Dr Eng Seng Chai: Boleh.

Tuan Haji Abdul Manaf bin Haji Ahmad: Saya ingin mendapat penjelasan daripada Yang Berhormat dari Petaling Jaya, adakah cadangan tersebut untuk menetapkan peneroka-peneroka dari satu keturunan sahaja akan dapat memupuk perpaduan negara yang kita selalu cakap-cakapkan itu?

Dr Eng Seng Chai: Lain kali dengarlah sampai saya habis. Saya sudah kata sebagai peringkat pertama, langkah pertama sahaja, sebab hendak dapat keyakinan dari satu kaum yang sampai hari ini tidak dapat peluang, tidak suka barangkali, tidak minat menyertai skim-skim ini. Dan saya kata cadangan.

Tuan Haji Mohd. Khalid bin Mohd. Yunus: (*Bangun*)

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat, ada yang bangun pula.

Dr Eng Seng Chai: Lagi dua minit saya jelaskan, barangkali Yang Berhormat tidak bangun lagi.

Tuan Pengerusi: Ya, dia tidak beri jalan. Sila duduk!

Dr Eng Seng Chai: Nanti sekejap.

Tuan Pengerusi: Sila duduk!

Dr Eng Seng Chai: Saya sudah kata, jika ini satu skim yang berjaya, barangkali boleh tarik minat dari kaum Cina, kaum India menyertai rancangan FELDA. Berikutan ini, saya harap lain-lain skim dengan "gradual process", dengan izin, macam lain-lain skim bolehlah 50% Cina, 50% India atau 50% Cina, 50% Melayu. Dan lain lagi dengan secara gradual.

Tuan Haji Mohd. Khalid bin Mohd. Yunus: (*Bangun*)

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat, ada yang bangun. Dia tidak beri jalan.

Dr Eng Seng Chai: Secara "gradual" barangkali kita bolehlah balik kepada nisbah kaum di dalam negara kita ini, barangkali bangsa Melayu di dalam skim rancangan FELDA 55%, barangkali Cina bolehlah 40% dan India barangkali 5%. Saya hendak minta sahaja satu cadangan dari Kerajaan.

Tuan Haji Ibrahim bin Ali: (*Bangun*)

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat, ada yang bangun.

Dr Eng Seng Chai: Sekarang boleh.

Tuan Haji Ibrahim bin Ali: Tuan Pengerusi, saya ingin mendapat penjelasan daripada Yang Berhormat

yang bercakap atas asas "gentleman", Tuan Pengerusi, saya setuju sedikit-sebanyak pandangan saudara Yang Berhormat tadi.

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat bertanyakah atau minta penjelasan?

Tuan Haji Ibrahim bin Ali: Soalannya, Tuan Pengerusi, dalam rancangan-rancangan yang kita bercakap ini, kita memerlukan pengorbanan seperti peneroka-peneroka sekarang. Kita lihat peneroka-peneroka yang ada sekarang ini adalah bersemangat patriotik dan mereka yang bersemangat patriotik sahaja yang sanggup berkorban untuk membangunkan negara, bukan bercakap soal kepentingan jangka pendek untuk mendapat kekayaan yang cepat bagi membangun sebuah negara.

Dr Eng Seng Chai: Saya ingat Yang Berhormat ambil kesempatan tuduh sahaja, dia barangkali tidak faham atau barangkali tidak baca sejarah negara ini. Siapa - mana kaum.

Tuan Pengerusi: Saya minta jangan keluarkan. . . .

Dr Eng Seng Chai: Turunkan suara saya, boleh, Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi: Minta habiskan Yang Berhormat. Masa Yang Berhormat sudah cukup.

Dr Eng Seng Chai: Satu minit lagi, saya hendak gulung.

Tuan Pengerusi: Boleh.

Dr Eng Seng Chai: Tuan Pengerusi, kaum mana dalam negara ini tidak mengorbankan diri untuk membangun serta memajukan negara ini? Bukankah kaum India dan bukannya kaum Cina daripada negara-negara mereka datang ke sini berikan nyawa mereka, darah mereka, peluh mereka; tolong.

Tuan Haji Mohd. Khalid bin Mohd. Yunus: (*Bangun*)

Tuan Pengerusi: Ada yang bangun.

Dr Eng Seng Chai: Saya tidak berilah, satu minit sahaja; barangkali Tuan Pengerusi beri "injury time", boleh.

Tuan Pengerusi: Kita tidak ada masa. Sila teruskan.

Dr Eng Seng Chai: Kalau begitu janganlah ganggu. Saya jelas sedikit dan gulung habis. Saya hendak tegaskan semua kaum dalam negara ini pun ada memberi pengorbanan kepada negara untuk membuktikan kesetiaan kita kepada negara ini. Kita akan duduk di sini, mati di sini serta ditanam atau dikebumikan di sini juga (*Tepuk*). Jangan siapa-siapa mempersoalkan kita punya kesetiaan.

Tuan Haji Ibrahim bin Ali: (*Menyampuk*)

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat, out of order itu.

Dr Eng Seng Chai: Tadi rancangan saya adalah satu tujuan.

Tuan Haji Mohd. Khalid bin Mohd. Yunus: (*Bangun*)

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat, ada yang bangun. Hendak beri jalan kepada dia?

Dr Eng Seng Chai: Tidak boleh, kalau tidak diberi "injury time". Kalau beri "injury time", boleh.

Tuan Pengerusi: Saya tidak beri "injury time". Sila habiskan.

Dr Eng Seng Chai: Tidak beri jalan, tidak bolehlah, Tuan Pengerusi. Lain kali kawan! (*Ketawa*)

Tuan Pengerusi: Sila gulungkan.

Dr Eng Seng Chai: Saya harap oleh sebab hari ini bukan sahaja lain-lain bangsa ada masalah, orang-orang di

dalam kampung baru Cina pun ada masalah dan mereka perlu lebih tanah untuk memajukan pertanian atau lain-lain industri kecil mereka. Inilah satu cara yang saya harap boleh memupuk perpaduan kaum untuk tujuan integrasi kebangsaan dan lagi dapat kesempatan beri kepada mereka yang tidak bertanah memajukan pembangunan tanah negara kita dan pembangunan ini pun akan berfaedah kepada negara kita juga.

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat Timbalan Menteri, sila jawab.

6.28 ptg.

Timbalan Menteri Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah (Tuan Mohd. Kassim bin Ahmed): Tuan Pengerusi, saya menghulurkan ucapan jutaan terima kasih dan penghargaan kepada Yang Berhormat-Yang Berhormat yang telah menzahirkan minat masing-masing untuk membahas bersama perkara-perkara yang berkaitan dengan peruntukan Mengurus dan Pembangunan 1987 bagi Kementerian

Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah di peringkat Jawatankuasa pada petang ini.

Tuan Pengerusi, ramai Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah mengambil bahagian sekejap tadi, mereka ini terdiri daripada Yang Berhormat dari Jempol, Padang Terap, Kuala Krai, Bukit Bintang, Arau, Ulu Selangor, Pengkalan Chepa, Marang, Kepong dan dari Petaling Jaya. Yang Berhormat dari.

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat, saya ingat sambung esoklah. (*Ketawa*)

Majlis Mesyuarat bersidang semula.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, sebelum saya menangguk mesyuarat, saya berharap kita berjumpa pada malam ini (*Ketawa*), pada pukul 8.00, dan saya tangguhkan mesyuarat sehingga 2.30 petang esok, 3hb Disember, 1986.

Dewan ditangguhkan pada pukul 6.30 petang.